



Komoditi Penjana Kemakmuran

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Laporan Tahunan 2014





Komoditi Penjana Kemakmuran

Kesuburan tanah dan komoditi kita memainkan peranan penting dalam ekonomi negara, dan kerana itulah kami berusaha menambah baik komoditi eksport. Namun demikian, pergantungan terhadap satu komoditi tertentu semata-mata adalah suatu risiko. Justeru, dengan mempelbagaikan hasil tanaman untuk eksport, kita berupaya menjana kemakmuran melalui komoditi. Berlandaskan konsep ini, kami menggunakan graf untuk memperlihatkan bahawa dengan mempelbagaikan hasil tanaman, kita dapat meningkatkan jumlah output/ produktiviti eksport. Pada dasarnya, kami menjana kemakmuran masa depan melalui pelbagai hasil tanaman.

ISI KANDUNGAN



MAKLUMAT KORPORAT

- 4** Perutusan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
- 5** Kata-kata Aluan Ketua Setiausaha
- 8** Pengenalan
- 10** Carta Organisasi
- 12** Pengurusan MPIC
- 14** Punca Kuasa & Undang-undang
- 15** Visi, Misi Objektif
- 16** Piagam Pelanggan
- 18** Dasar Komoditi Negara

LAPORAN SEKTOR PERLADANGAN DAN KOMODITI

- 22** Industri Sawit
- 40** Industri Getah
- 66** Industri Perakayuan
- 78** Industri Koko
- 88** Industri Kenaf
- 94** Industri Lada
- 108** Industri Sagu
- 116** Industri Biobahan Api

LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

- 132** Perancangan Strategik dan Antarabangsa
- 137** Pengurusan Pembangunan dan Kewangan
- 150** Pengurusan Sumber Manusia
- 165** Penggalakan Inovasi dan Modal Insan Industri
- 173** Pengurusan Maklumat
- 177** Penasihat Undang-undang
- 180** Komunikasi Korporat
- 189** Audit Dalam
- 193** Akaun
- 197** Integriti
- 202** Direktori Agensi dan Majlis
- 204** Sidang Editorial

PERUTUSAN MENTERI

"Harapan saya ialah agar tahun 2014 menjadi tahun yang lebih berjaya bagi pembangunan sektor komoditi negara. Usaha-usaha akan dipergiatkan untuk meneruskan program dan aktiviti sedia ada, di samping merangka pelan tindakan pelaksanaan aktiviti dan program baru dalam tahun 2014. Tumpuan akan diberi kepada usaha-usaha di semua peringkat untuk mencapai sasaran-sasaran Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators* - KPI) yang ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (*Ministerial Key Results Area* - MKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas* - NKEA)."



KATA-KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

"Sebagai warga MPIC, kita semua sedia maklum betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh sektor komoditi terutamanya dari aspek penjana pendapatan eksport kepada negara. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, sektor komoditi telah menyumbang sebanyak RM116.6 bilion kepada pendapatan eksport, meningkat 1.87% berbanding tempoh yang sama pada 2013 yang mencatatkan RM114.5 bilion. Jumlah tersebut merupakan sumbangan sebanyak 15.2% kepada jumlah keseluruhan pendapatan eksport negara. Dalam hubungan ini, kejayaan di peringkat MPIC, Agensi dan Majlis sepanjang tahun 2014 secara langsung dan tidak langsung turut telah menyumbang kepada pencapaian dan prestasi sektor komoditi negara tersebut."

MAKLUMAT KORPORAT





PENGENALAN

Pada tahun 1972, Kementerian Perusahaan Utama (KPU) telah diwujudkan bertujuan antara lain untuk memajukan industri komoditi negara yang berupaya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pada peringkat awal penubuhannya, KPU hanya memberi tumpuan kepada pembangunan dua komoditi utama iaitu bijih timah dan getah. Peranan KPU kemudiannya telah dikembangkan meliputi pembangunan komoditi lain seperti kelapa sawit, koko, perhutanan dan kayu-kayan, mineral, nenas serta tembakau yang turut memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Pada tahun 2004, KPU telah distrukturkan semula dan dikenali sebagai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK). Penstrukturan semula ini melibatkan perubahan bidang tanggungjawab, di mana Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) dipindahkan daripada Kementerian Pertanian kepada KPPK manakala tanggungjawab berkaitan perhutanan, mineral dan geosains dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tanggungjawab utama yang lain Kementerian masih dikekalkan.

Pada tahun 2012, KPPK telah melakukan penjenamaan semula ke atas singkatan nama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang kini dikenali sebagai MPIC.

Sektor perladangan dan komoditi memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Selain daripada itu, ia turut menawarkan peluang pekerjaan yang lebih luas kepada individu dan ganjaran kepada syarikat yang menceburi bidang tersebut. Sumbangan terbesar sektor ini boleh dilihat daripada jumlah pendapatan eksport negara dan guna tenaga. Hasil sumbangan terbesar adalah daripada sektor sawit, getah dan kayu-kayan.

Struktur organisasi MPIC yang menyokong pembangunan sektor perladangan dan komoditi negara adalah terdiri daripada Bahagian-Bahagian, Agensi-Agensi dan Majlis-Majlis.



Bahagian-Bahagian

1. Pejabat Menteri
2. Pejabat Timbalan Menteri
3. Pejabat Ketua Setiausaha
4. Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (K)
5. Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (P)
6. Unit Komunikasi Korporat
7. Unit Petunjuk Prestasi Utama
8. Penasihat Undang-Undang
9. Unit Audit Dalam
10. Unit Integriti
11. Bahagian Industri Koko dan Lada
12. Bahagian Industri Sawit dan Sago
13. Bahagian Kemajuan Industri Kayu-Kayan, Tembakau dan Kenaf
14. Bahagian Pembangunan Industri Getah dan Jatropha
15. Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
16. Bahagian Penggalakan Inovasi dan Modal Insan Industri
17. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
18. Bahagian Pengurusan Pembangunan Dan Kewangan
19. Bahagian Akaun
20. Bahagian Biobahan Api
21. Bahagian Pengurusan Maklumat


Agensi-Agensi


1. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
2. Lembaga Getah Malaysia (LGM)
3. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
4. Lembaga Koko Malaysia (LKM)
5. Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)
6. Lembaga Lada Malaysia (MPB)

Majlis-Majlis

1. Malaysian Palm Oil Council (MPOC)
2. Malaysian Rubber Export Promotion Council (MREPC)
3. Malaysian Timber Council (MTC)
4. Malaysian Timber Certification Council (MTCC)
5. Malaysian Furniture Promotion Council (MFPC)

CARTA ORGANISASI





Dikemaskini sehingga April 2015

PENGURUSAN MPIC



5



1

YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS

Menteri

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

2

YB DATO' NORIAH BINTI KASNON

Timbalan Menteri

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

3

YBHG. DATUK HIMMAT SINGH

Ketua Setiausaha

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

4

YBHG. DATUK M. NAGARAJAN

Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi)

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

5

YBRS. DR AMINUDDIN HASSIM

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik Dan Pengurusan)

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

PUNCA KUASA & UNDANG-UNDANG



PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN

AKTA TUGAS - TUGAS
MENTERI

AKTA INDUSTRI
BIOBAHAN API MALAYSIA
2007 (Akta 666)

PERKELILING
PERBENDAHARAAN

PEKELILING
PERKHIDMATAN

VISI & MISI

VISI

MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT
KECEMERLANGAN BAGI SEKTOR KOMODITI
DAN PENGELUAR UTAMA PRODUK-PRODUK
BERASASKAN KOMODITI YANG MEMPUNYAI
NILAI TAMBAH YANG TINGGI DI PASARAN
TEMPATAN / DOMESTIK DAN GLOBAL.

MISI

MEMASTIKAN INDUSTRI
BERASASKAN KOMODITI
MALAYSIA BERSAING DI
PERINGKAT ANTARABANGSA
DAN MENYUMBANG KEPADA
PEMBANGUNAN NEGARA.

OBJEKTIF

- Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor perladangan dan komoditi bagi memperkukuhkan dan memperluaskan pasaran tempatan dan antarabangsa;
- Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) teknologi perladangan dan industri berasaskan komoditi;
- Meningkatkan sumbangan sektor perladangan dan komoditi kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta pembangunan sosio-ekonomi;
- Menggalakkan pelaburan bagi meningkatkan nilai tambah dalam sektor perladangan dan komoditi; dan
- Memastikan pembangunan sektor perladangan dan komoditi berkembang secara mampan dan mesra alam.

PIAGAM PELANGGAN

PENGUBALAN DASAR

Mengubal dasar dan strategi yang jelas mengenai industri komoditi perladangan berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

- 18 bulan bagi pengubalan dasar dan strategi baru; dan
- Enam (6) bulan bagi meminda dasar dan strategi sedia ada.

PENGUBALAN PERUNDANGAN

Mengubal perundangan utama dan perundangan subsidiari berkaitan industri perladangan dan komoditi berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

i. Perundangan Utama:

- Draf Perundangan Utama (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian/Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Bahagian PUU melalui Bahagian di MPIC.
- Dalam masa 20 hari bekerja dari tarikh penyelesaian isu dasar dan perundangan. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh 20 hari terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.

- Kualiti : Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta ibu, Akta lain dan menepati kehendak pelanggan.

ii. Perundangan Subsidiari:

- Draf Perundangan Subsidiari (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Bahagian PUU melalui Bahagian di MPIC.
- Dalam masa 14 hari bekerja bagi teks kurang 50 m/s dan 21 hari bekerja bagi teks melebihi 50 m/s. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh itu terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.
- Draf perundangan utama subsidiari akan dipanjangkan ke Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara setelah isu dasar selesai.

PROJEK PEMBANGUNAN

Memastikan program pembangunan sektor perladangan dan komoditi dirancang, dilaksanakan dan dipantau sewajarnya termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) yang diadakan 12 kali setahun.

SESI KONSULTASI

Mengadakan sesi konsultasi dengan kerajaan-kerajaan negeri, pihak industri dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) :

a) Peringkat Menteri :

- Satu (1) mesyuarat setahun dengan exco pertanian negeri; dan
- Satu (1) dialog sesi konsultasi setahun bagi setiap komoditi dengan industri komoditi.

b) Peringkat Pegawai :

- Enam (6) sesi konsultasi dengan industri; dan
- Satu (1) dialog setahun dengan NGO.

MISI PERDAGANGAN

Menganjurkan misi galakan pasaran dan perdagangan / lawatan kerja bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

BUKU PERANGKAAN KOMODITI

Menerbitkan buku Perangkaan Komoditi setiap tahun dan diedarkan pada bulan April tahun berikutnya.



BUKU LAPORAN TAHUNAN

Menerbitkan buku Laporan Tahunan MPIC setiap tahun dan diedarkan pada bulan Jun tahun berikutnya.

PENGANJURAN MICCOS

Menganjurkan Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS) setiap dua (2) tahun.

ADUAN PELANGGAN

Memastikan semua aduan pelanggan diberi:

- Akuan penerimaan dalam masa satu (1) hari;
- Maklum balas awal dalam masa lima (5) hari; dan
- Diselesaikan dalam tempoh 15 hari bagi aduan yang tidak melibatkan perkara dasar.

SESI BERTEMU PELANGGAN

Mengadakan sesi bertemu pelanggan melalui program-program turun padang seperti Program Hello Komoditi sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

PEMBAYARAN BIL

- Memastikan 90% pembayaran bil yang lengkap diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari; dan
- Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak menerima pembayaran dalam tempoh 14 hari, aduan yang diterima akan diselesaikan dalam tempoh 72 jam.


LAMAN WEB

Memuat naik maklumat program terkini MPIC ke laman web dalam tempoh 24 jam.

LESEN BIOBAHAN API

- Mengeluarkan akuan penerimaan bagi permohonan yang lengkap dalam tempoh satu (1) hari;
- Mengeluarkan lesen dalam tempoh tiga (3) hari selepas lesen ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api; dan
- Memberi jawapan kepada permohonan yang tidak berjaya dalam tempoh tiga (3) hari selepas keputusan dibuat Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api.

DASAR KOMODITI NEGARA 2011 - 2020



TERAS 1

Memperkasa Industri Komoditi dalam
Pembangunan Ekonomi Negara

TERAS 2

Memacu Pemodenan Industri Komoditi

TERAS 3

Mempelbagai Penghasilan Produk Bernilai Tambah Tinggi

TERAS 4

Menjana Sumber Pendapatan Baru

TERAS 5

Meningkatkan Daya Saing dan
Memperluas Pasaran

TERAS 6

Memajukan Pekebun
Kecil dan Usahawan

TERAS 7

Membangun dan
Memperkasa Modal Insan

Dasar Komoditi Negara, (DKN) 2011-2020 dirangka secara khusus bagi memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan industri komoditi kepada pertumbuhan ekonomi negara. Penggubalan dasar ini mengambil kira prospek industri komoditi untuk pasaran eksport dan potensi penjana pendapatan melalui pengeluaran produk-produk bernilai tambah tinggi.

Usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti dapat mengatasi keterbatasan tanah pertanian dan penggunaan tenaga buruh. Liberalisasi perdagangan antarabangsa dan 'gerakan hijau' akan ditangani melalui penghasilan produk-produk berinovatif, mesra alam dan bernilai tambah tinggi. Pembangunan industri komoditi dalam sedekad akan datang memberi tumpuan kepada pertumbuhan yang berimbang, mampan dan mesra alam serta mewujudkan kerjaya yang mampu menarik lebih ramai rakyat tempatan menjadikan industri komoditi sebagai satu sumber pendapatan yang stabil dan kukuh.

OBJEKTIF DKN

Dasar Komoditi Negara adalah bertujuan untuk mencapai sasaran seperti berikut:

- Menggalakkan Pertumbuhan di Sepanjang Rantaian Nilai Industri Komoditi
- Meningkatkan Sumbangan Industri Komoditi Kepada Pembangunan Negara
- Memoden dan Mentransformasi Industri Komoditi Agar Lebih Berdaya Saing dan Mampan
- Meningkatkan Pendapatan Pengusaha Industri Komoditi, Termasuk Pekebun Kecil
- Menjadikan Malaysia Sebagai Pusat Kecemerlangan Dalam Bidang Penyelidikan Dan Pembangunan, Teknologi Perladangan dan Industri Berasaskan Komoditi

SASARAN

Bagi memastikan industri komoditi negara terus berkembang dengan pesat dan mampu bersaing dengan negara-negara pengeluar yang lain, MPIC akan sentiasa meningkatkan usaha seperti berikut:

Menerajui Kemajuan Industri Sawit

Tumpuan melalui intensifikasi pelaksanaan program di keseluruhan rantaian nilai dengan amalan piawaian yang diiktiraf antarabangsa. Usaha pengukuhan pasaran sedia ada dan penerokaan pasaran baru akan dilaksanakan. Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan juga akan diperkukuh. Pembangunan modal insan digiatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh serta melahirkan tenaga mahir dan separa mahir.

Memperkasa Industri Getah

Program penanaman semula getah dengan klon-klon yang produktif bagi meningkatkan kadar hasil getah, teknik eksploitasi lateks terkini dan amalan pertanian baik adalah antara teras strategi yang akan dilaksanakan. Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan terus dipergiat dan diperkukuh bagi memastikan daya saing industri getah.

Mempergiat Pembangunan Industri Kayu-kayan

Pengeluaran produk hiliran bernilai tambah tinggi akan dipergiatkan. *Sustainable Forest Management* (SFM) dan Program Pembangunan Ladang Hutan akan dipertingkat bagi memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan. Penggunaan sumber hutan bukan kayu sebagai bahan mentah alternatif adalah digalakkan.

Memperkukuh Industri Koko

Tumpuan adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai *King of Chocolate* di rantau Asia. Usaha-usaha sedang dipergiat melalui pengembangan kawasan baru dan pemuliharaan tanah-tanah terbiar serta pengkalan kawasan sedia ada bagi memastikan menambahkan bekalan biji koko tempatan. Selain itu, produk-produk makanan dan bukan makanan berasaskan koko juga dipergiatkan bagi menyokong perkembangan industri koko negara.

Mengembangkan Industri Lada

Tumpuan adalah kepada perluasan kawasan tanaman dan penjenamaan produk lada. Ladang peneraju akan diwujudkan untuk menjadi nukleus kepada kebun-kebun lada di sekitarnya bertujuan memudahkan aktiviti pemindahan teknologi, pengembangan dan peningkatan produktiviti. Program sokongan pasaran domestik akan dipergiatkan. Integrasi penanaman lada dengan tanaman lain yang sesuai juga akan digalakkan bagi mempelbagaikan ekonomi penanam lada.

Merasionalisasi Industri Tembakau

Tumpuan adalah memperkukuh daya saing para pengusaha melalui peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran tembakau. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha peralihan penanaman tembakau yang kurang berdaya saing kepada aktiviti ekonomi alternatif.

Memacu Pertumbuhan Industri Kenaf

Usaha-usaha yang komprehensif akan diambil bagi memperkenalkan tanaman kenaf di kalangan masyarakat luar bandar. Selain itu, produktiviti pengeluaran kenaf juga akan ditingkatkan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Mengeksploitasi Potensi Industri Sagu

Tumpuan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur dan khidmat pengembangan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan di peringkat hulu dan hiliran serta memastikan pasaran produk bernilai tinggi berasaskan sagu berkembang.

MPIC yakin pelaksanaan DKN secara terangkum dan berimbang ditambah dengan komitmen semua pihak akan menjamin industri ini untuk terus kukuh dan berdaya saing dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian hasrat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

LAPORAN SEKTOR PERLADANGAN DAN KOMODITI





Sumber: Pertandingan Lukisan Komoditi Sempena MICCOS 2013

INDUSTRI SAWIT





INDUSTRI SAWIT

PENGENALAN

Pengeluaran minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil-CPO*) bagi tahun 2014 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.3% atau 0.45 juta tan kepada 19.67 juta tan berbanding 19.22 juta tan pada tahun 2013.

Pengeluaran Minyak Sawit Mentah

Bil.	Negeri	Pengeluaran minyak sawit mentah (Crude Palm Oil-CPO)		
		2013 (Juta Tan)	2014 (Juta Tan)	% Perbezaan
1.	Semenanjung Malaysia	10.33	10.17	(1.5)
2.	Sabah	5.78	6.06	4.8
3.	Sarawak	3.11	3.44	10.6
	Keseluruhan	19.22	19.67	2.34

* Pertambahan pengeluaran CPO pada tahun 2014 adalah ekoran daripada pertambahan kawasan tanaman matang yang baharu mengeluarkan hasil, terutamanya di Sarawak, serta peningkatan kadar perahan minyak sawit atau Oil Extraction Rate (OER).

19.67 juta tan

minyak sawit mentah
dikeluarkan pada 2014



Stok minyak sawit pada Disember 2014 pula telah meningkat kepada 2.01 juta tan, iaitu peningkatan sebanyak 1.3% berbanding dengan Disember 2013 yang direkodkan sebanyak 1.99 juta tan. Peningkatan stok akhir ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran CPO sebanyak 2.3% dan penurunan jumlah eksport minyak

sawit sebanyak 4.8% kepada 17.28 juta tan daripada 18.15 juta tan yang dieksport pada tahun 2013.

Import minyak sawit bagi tahun 2014 pula telah menurun sebanyak 12.6% kepada 0.49 juta tan berbanding dengan 0.56 juta tan pada tahun 2013.

PRESTASI EKSPORT SAWIT


Jumlah Eksport & Nilai Produk Sawit Bagi Tahun 2014 & 2013

Produk	2014		2013	
	Jumlah (tan)	Nilai (RM Juta)	Jumlah (tan)	Nilai (RM Juta)
Minyak Sawit Mentah (CPO)	4,700,603	11,469.79	3,985,910	9,651.47
Minyak Sawit Proses (PPO)	12,605,644	33,028.66	14,160,913	35,617.76
Jumlah Minyak Sawit	17,306,247	44,498.45	18,146,823	45,269.23
Minyak Isirung Sawit Mentah (CPKO)	328,283	1,092.38	245,173	606.19
Minyak Isirung Sawit Proses (PPKO)	788,414	3,110.52	925,626	2,800.19
Jumlah Minyak Isirung Sawit	1,116,697	4,202.90	1,170,800	3,406.38
Dedak Isirung Sawit	2,574,881	1,263.20	2,668,393	1,278.66
Oleokimia	2,828,467	11,291.98	2,726,930	9,297.66
Biodiesel	87,356	257.37	175,032	502.61
Produk Akhir	449,624	1,718.39	367,161	1,356.29
Produk Sawit Lain	708,830	386.59	447,568	252.52
Jumlah	25,072,103	63,618.87	25,702,707	61,363.35

Sumber : Lembaga Minyak Sawit Malaysia



Prestasi Eksport Produk Sawit (Tan) Bagi Tahun 2013 dan 2014




Eksport Produk Sawit (RM Juta)


Produk	Tahun		Beza	
	2014	2013	Tan	Peratus
Minyak Sawit Mentah (CPO)	11,416.7	9,651.5	1,765.2	18.3
Minyak Sawit Proses (PPO)	33,017.4	35,617.8	(2,600.4)	(7.3)
Jumlah Minyak Sawit	44,434.1	45,269.2	(835.1)	(1.8)
Minyak Isirung Sawit Mentah (CPKO)	1,061.2	606.2	455.0	75.1
Minyak Isirung Sawit Proses (PPKO)	3,110.9	2,800.2	310.7	11.1
Jumlah Minyak Isirung Sawit	4,172.1	3,406.4	765.7	22.5
Dedak Isirung Sawit	1,263.8	1,278.7	(14.9)	(1.2)
Oleokimia	11,286.7	9,297.7	1,989.0	21.4
Produk Akhir	1,718.0	1,356.3	361.7	26.7
Biodiesel	200.1	502.6	(302.5)	(60.2)
Produk Sawit Lain	385.7	252.5	133.2	52.8
Jumlah	63,460.4	61,363.4	2,097.0	3.4

Sumber : Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Prestasi Eksport Produk Sawit (RM Juta) Bagi Tahun 2013 dan 2014




Negara-negara Utama Pengimport Minyak Sawit Malaysia Bagi Tahun 2014



TREN HARGA PASARAN SAWIT

Prestasi Harga Minyak Sawit Mentah (*Crude Palm Oil-CPO*), Isirung Sawit (*Palm Kernel-PK*) dan Minyak Isirung sawit mentah (*Crude Palm Kernel Oil-CPKO*) Bagi Tahun 2013 dan 2014



Bagi meningkatkan daya saing industri sawit negara, kerjasama serantau dengan pelbagai pihak telah dilaksanakan. Pada tahun 2014, beberapa jalinan kerjasama baharu turut dilaksanakan seperti berikut:



University of Florida, Gainesville, Florida, Amerika Syarikat

Program kerjasama MPOB dengan *University of Florida* bertujuan untuk menghasilkan graduan-graduan yang telah tamat pengajian dari universiti tersebut terutamanya pelajar-pelajar dari Amerika Syarikat untuk lebih memahami proses untuk menghasilkan minyak sawit. Mereka ini kemudiannya akan memasuki pasaran kerja dan akan mempertimbangkan penggunaan minyak sawit dalam menggubal dasar atau membuat formulasi baru berasaskan minyak sawit.

Selain itu, matlamat program ini ialah untuk mewujudkan akses pasaran yang lebih besar untuk minyak sawit dengan menyebarkan maklumat berkaitan minyak sawit kepada pengguna dan pembuat dasar.

General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ) of the People's Republic of China

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (MPIC) dan AQSIQ sedang dirangka berhubung dengan kualiti dan keselamatan eksport minyak sawit Malaysia ke Republik Rakyat China. Satu mesyuarat di antara AQSIQ dengan MPIC dan MPOB telah dilaksanakan di Beijing pada 26 hingga 28 Mac 2014 untuk membincangkan MoU tersebut. Hasil perbincangan tersebut, AQSIQ telah mengadakan lawatan teknikal ke Malaysia pada 22 hingga 25 September 2014. Lawatan tersebut bertujuan untuk mengkaji sistem pemantauan kualiti minyak sawit yang dijalankan oleh MPOB di pelabuhan Malaysia supaya prosedur pemantauan di China dapat dipermudahkan.



Jalinan kerjasama baharu

Kajian Pemakanan Minyak Sawit di China

Chinese Nutrition Society and Nanjing South East University, Jiangsu

Kajian pemakanan minyak sawit telah dijalankan bersama dengan *Chinese Nutrition Society and Nanjing South East University, Jiangsu*. Kajian ini melibatkan 100 orang peserta. Mereka telah diberikan diet makanan yang dimasak dengan olein sawit dan minyak zaitun. Keputusan awal menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan ketara dalam profil lipid serum manusia kepada peserta yang diberi olein sawit dan minyak zaitun.

Chinese Nutrition Society and Lanzhou University, Gansu

Program intervensi ini dijalankan bersama oleh MPOB, *Chinese Nutrition Society and Lanzhou University, Gansu* dan Syarikat Carotino Malaysia. Program ini dijalankan di Wilayah Ganshu, China selama enam bulan, bermula Disember 2014 hingga Mei 2015. Program ini merangkumi 2,000 murid sekolah yang diberi biskut buatan lemak sawit merah. Penilaian program dijangka siap pada Jun 2015




PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Lesen Kategori Utama

Perbandingan Jumlah Lesen yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2013 & 2014

Bil.	Kategori Lesen	Jumlah Lesen	
		2013	2014
1.	Utama	191,952	204,645
2.	Pekebun kecil	11,423	12,046
	Jumlah	203,375	216,691

Jumlah Lesen yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2013 dan 2014



Penguatkuasaan Larangan Penerimaan Buah Sawit Muda

Bidang Ekonomi Utama Nasional (*National Key Economic Area - NKEA*) mensasarkan 23% OER menjelang tahun 2020. Bagi mencapai sasaran ini, MPOB telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan larangan penerimaan buah sawit muda pada tahun 2014 melalui pendekatan



Air-Tight Enforcement. Seramai 280 orang Penolong Pegawai Penguatkuasa telah dilantik dan ditempatkan di kilang-kilang sawit tertentu bagi memastikan hanya buah sawit berkualiti diterima oleh pihak kilang untuk diproses, selain tindakan penguatkuasaan di premis Peniaga Buah kelapa sawit. Sehingga Disember 2014, sebanyak 7,080 penguatkuasaan telah dijalankan dan sebanyak 1,227 kesalahan ditemui dan sebanyak 768 amaran dan 459 kompaun telah dikeluarkan.

BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA (NKEA)

Industri sawit merupakan antara penyumbang utama ekonomi Negara. Sawit telah disenarai di antara 12 NKEA. Lapan projek permulaan (*Entry Point Project – EPP*) telah dikenal pasti di bawah NKEA Sawit dan dibahagikan kepada dua teras strategik.

Senarai Projek Permulaan (EPP) NKEA

EPP.	Projek Permulaan (<i>Entry Point Project-EPP</i>)
	Teras 1: Untuk memastikan kelestarian dan meningkatkan daya pengeluaran sektor huluan
1.	Mempercepatkan penanaman semula dan penanaman baharu sawit
2.	Meningkatkan hasil buah tandan segar (<i>fresh fruit bunch – FFB</i>)
3.	Meningkatkan produktiviti pekerja
4.	Meningkatkan kadar perahan minyak (OER)
5.	Membangunkan kemudahan biogas di kilang sawit
	Teras 2: Untuk memaksimumkan integrasi di sepanjang rantaian nilai bagi industri bernilai tambah tinggi
6.	Membangunkan derivatif oleo dan bahan kimia berasaskan bio bernilai tinggi
7.	Pengkomersilan biobahan api generasi kedua
8.	Mempercepatkan pertumbuhan produk makanan dan kesihatan dalam segmen hiliran



Senarai Projek Permulaan (EPP) NKEA

NKEA Minyak Sawit		NKEA Minyak Sawit		
KPI		Sasaran	Sebenar	Pencapaian (%)
EPP 1	Kawasan penanaman semula dan baharu oleh pekebun kecil yang diluluskan (hektar)	35,000	36,482	104.2%
	Kawasan penanaman semula dan baharu oleh pekebun kecil yang telah dilaksanakan (hektar)	20,000	21,313	106.6%
EPP 2	Jumlah jualan FFB oleh koperasi pekebun kecil kepada kilang sawit (tan)	6,000	14,215.11	236.9%
	Kawasan baharu syarikat perladangan dan pekebun kecil yang patuh kepada pensijilan COGAP / MPOB - GAP / RSPO / amalan baik (hektar)	220,000	239,689.43	108.9%
	Purata nasional buah tandan segar (tan / hektar / tahun)	19.97	18.63	93.3%
	Pengeluaran nasional buah tandan segar (juta tan)	98	96.07	98.03%
EPP 3	Jumlah CANTAS™ digunakan oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil	600	460	76.7%
EPP 4	Jumlah kilang minyak sawit baharu yang disahkan oleh MPOB mematuhi Amalan Baik dan pensijilan antarabangsa yang lain	25	25	100%
	Kadar Perahan Minyak OER (peratus)	21.05	20.62	98%



NKEA Minyak Sawit		NKEA Minyak Sawit		
KPI		Sasaran	Sebenar	Pencapaian (%)
EPP 5	Kemajuan pembinaan lapan loji biogas (unit)	(8)	(9)	112.5%
	Kemajuan pembinaan dua loji biogas yang disambungkan ke grid (unit)	(2)	(3)	150%
EPP 6	Agihan dana pra-komersial dan pemilikan teknologi (RM)	(123.1 juta)	(102.15 juta)	83.03%
EPP 7	Mengkomersilkan Bahan Api Bio Generasi Kedua (RM) Nota: MPOB tidak terlibat dengan projek di bawah EPP7. Dikelolakan oleh pihak swasta dan dipantau terus oleh PEMANDU.	(50 juta)	(50 juta)	100%
EPP 8	Jumlah pelaburan dalam segmen berasaskan makanan dan kesihatan (RM)	(50 juta)	(50 juta)	100%

MISI EKONOMI DAN TEKNIKAL

Usaha memperkukuhkan imej industri sawit dan meningkatkan pasaran produk minyak sawit Malaysia di negara-negara pengguna diteruskan pada tahun 2014. Objektif misi adalah untuk meningkatkan aliran perdagangan komoditi dan meninjau kerjasama pembangunan industri komoditi negara serta menjalinkan usaha sama antara syarikat Malaysia dengan syarikat di negara-negara yang dilawati.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pihak industri di negara-negara berkenaan berhubung dengan nilai nutrisi dan kelebihan minyak sawit sebagai bahan utama dalam industri makanan di samping potensi produk-produk berasaskan minyak sawit. Misi promosi dan teknikal pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Lawatan Kerja Promosi Sawit ke Iran pada 14-21 Januari 2014;
- Misi ke Colombia dan Brazil pada 25-29 Mac 2014;
- Misi Promosi Sawit, Getah dan Kayu-Kayan ke Republik Rakyat China pada 12-18 September 2014;
- Misi Promosi Sawit, Getah, Kayu-kayan dan Lada ke Mumbai dan Kerala, India pada 26 Jun hingga 1 Julai 2014; dan
- Misi Promosi Kayu-kayan dan Sawit ke Belanda dan Belgium pada 8-11 Disember 2014.



Sempena dengan lawatan kerja teknikal promosi, MPIC menerusi *Malaysian Palm Oil Council (MPOC)* dan *Malaysian Palm Oil Board (MPOB)* menganjurkan *Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS)* pada tahun 2014.

POTS bertujuan untuk mempromosi dan memperkukuhkan pasaran minyak sawit di kalangan negara pengimport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit. POTS juga menyediakan peluang untuk menyampaikan maklumat terkini berkaitan pasaran sawit di samping memperkasa jaringan hubungan perniagaan dan perdagangan sawit.

Selain dari Kuala Lumpur, POTS 2014 turut dianjurkan di lokasi seperti berikut:

- POTS Pakistan pada 16-17 Januari 2014;
- POTS Iran pada 20 Januari 2014;
- POTS India pada 26 Jun 2014; dan
- POTS China pada 15 September 2014.



INOVASI DAN PENYELIDIKAN INDUSTRI SAWIT

Bagi tempoh 1986 hingga Disember 2014 sejumlah 563 teknologi telah dihasilkan oleh MPOB untuk kegunaan industri sawit. Daripada jumlah tersebut, 168 teknologi iaitu 30% telah dikomersialkan oleh pihak industri. Kadar pengkomersialan teknologi MPOB adalah antara yang tertinggi di Malaysia. Pada tahun 2014, sebanyak 20 teknologi telah dihasilkan dan dua daripadanya telah dikomersialkan.

Pemindahan Teknologi (TOT) oleh MPOB Tahun 2014

KLUSTER	BILANGAN TEKNOLOGI
Perladangan	1
Biojisim	4
Perlindungan Tumbuhan	2
Bioteknologi Tumbuhan	1
Makanan	3
Oleokimia	6
Tenaga Hijau	1
Pengilangan dan Pemprosesan	1
Jentera Perladangan	1
JUMLAH	20

ISU DAN CABARAN 2015

ISU DAN CABARAN	PENYELESAIAN
Minyak sawit didakwa menjejaskan kesihatan dan menjadi punca penyakit jantung kerana kandungan lemak tepunya.	Tanggapan ini ditepis melalui penemuan penyelidikan oleh saintis tempatan, malah berjaya dibuktikan bahawa produk sawit adalah baik untuk kesihatan dan selamat untuk dimakan kerana bebas daripada lemak trans.
Isu alam sekitar-industri sawit Malaysia dikatakan menjejaskan flora dan fauna berikutan penebangan hutan.	• Penanaman sawit dijalankan atas kawasan yang sedia ada melalui penanaman semula serta penukaran daripada tanaman komoditi lain kepada sawit. • Pelaksanaan undang-undang yang ketat dan pematuhan ke atas pelbagai syarat dan peraturan-bermula Januari 2015, Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) akan dilaksanakan. Antara kriteria utama MSPO adalah pematuhan undang-undang dan peraturan mengenai tenaga kerja, alam sekitar, kesihatan serta keselamatan pekerjaan.
Kempen anti-minyak sawit oleh Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).	Ditangani dengan hujah-hujah dan bukti saintifik hasil penyelidikan saintis tempatan dan luar negara.



PROSPEK INDUSTRI SAWIT

Unjuran Industri Sawit Bagi Tahun 2015 dan 2020

Perkara	Tahun		Kadar Peningkatan Tahunan (Peratus)		
	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Keluasan Tanaman (juta hektar)	5.6	5.9	2.2	1.3	1.8
Pengeluaran (Juta Tan)					
• Minyak Sawit Mentah	20.7	24.8	4.0	3.7	3.85
• Isirung Sawit	5.5	6.3	3.8	2.3	5.5
• Minyak Isirung Sawit	2.5	2.9	4.2	2.3	3.4
Produktiviti					
Buah Tandan Segar (tan/hektar)	19.97	21.16	0.3	1.2	1.1
Kadar Perahan Minyak (%)	20.51	20.54	0.001	0.04	0.02
Guna tenaga ('000)	687	702	2.1	0.4	1.2
Penggunaan Tempatan (juta tan)	3.8	4.9	7.9	1.5	4.7

Eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit dijangka meningkat daripada 24.3 juta tan dengan nilai RM62.9 bilion pada tahun 2010 kepada 37.8 juta tan dengan nilai RM103.0 bilion pada tahun 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh penambahan jumlah eksport minyak sawit. Harga purata CPO dijangka berada pada paras RM2,600 hingga RM2,800.

Unjuran Eksport Produk Sawit Bagi Tahun 2015 dan 2020


Produk	Tahun (Juta Tan)		Kadar Peningkatan Tahunan (Peratus)		
	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Minyak Sawit	20.4	23.7	3.5	3	3.3
Minyak Isirung Sawit	2.4	2.7	19.1	5.3	12
Dedak Isirung Sawit	3.1	3.5	7.1	2.5	4.8
Oleokimia	4	4.5	3.3	2.4	2.8
Produk Lain	2.5	3	38	3.7	19.6
Jumlah	32.4	37.8	5.9	3.1	4.5
Hasil Eksport (RM bilion)	86	103.0	6.5	3.9	5.1
Harga CPO (RM/Tan)	2,600	2,800	-0.8	1.5	0.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia

37.8 juta tan
nilai RM103 bilion menjelang tahun 2020



INDUSTRI GETAH





INDUSTRI GETAH

PENGENALAN

INDUSTRI GETAH PADA TAHUN 2014:

Harga pasaran getah asli di peringkat antarabangsa:

- Harga purata getah asli telah jatuh ke paras RM5.53 sekilogram pada tahun 2014 berbanding RM7.74 sekilogram pada tahun 2013.
- Harga getah untuk gred *Standard Malaysian Rubber* (SMR 20) *Free On Board* (FOB) mencatatkan pada paras terendah sepanjang tahun 2014 iaitu RM4.55 sekilogram pada 3 Oktober 2014.

Pengeluaran getah asli negara :

- Pengeluaran getah asli mengalami penurunan sebanyak 157,808 tan (23.69%) kepada 668,613 tan berbanding 826,421 tan pada tempoh yang sama bagi tahun 2013.

Harga pasaran getah asli di peringkat antarabangsa pada tahun 2014 terus merosot dan ditutup rendah berbanding tahun 2013. Harga purata getah asli telah jatuh ke paras RM5.53 sekilogram pada tahun 2014 berbanding RM7.74 sekilogram pada tahun 2013. Kemerosotan harga getah ini berpunca antara lain pengaruh sentimen negatif di pasaran akibat laporan mengenai peningkatan lebih simpanan getah di Thailand dan Republik Rakyat China. Harga getah untuk gred SMR 20 mencatatkan pada paras terendah sepanjang tahun 2014 iaitu RM4.55 sekilogram pada 3 Oktober 2014.

Pada tahun 2014, pengeluaran getah asli negara berjumlah sebanyak 668,613 tan iaitu penurunan sebanyak 157,808 tan (23.69 peratus) berbanding 826,421 tan pada tempoh yang sama tahun 2013. Ini diburukkan lagi oleh keadaan banjir besar yang melanda Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Perlis dan Johor.



RM5.53 sekilogram

purata harga getah jatuh pada tahun 2014

23.69%

penurunan pengeluaran getah
pada tahun 2014



Pengeluaran Getah Malaysia, 2013 dan 2014 Mengikut Wilayah dan Sektor (Tan)

Wilayah / Sektor	2013	2014
Semenanjung Malaysia		
Estet	57,346	55,710
Pekebun Kecil	696,365	570,022
Jumlah	753,710	625,734
Sabah & Sarawak		
Estet	54	57
Pekebun Kecil	72,656	42,822
Jumlah	72,710	42,879
Malaysia		
Estet	57,400	55,767
Pekebun Kecil	769,021	612,845
Jumlah	826,421	668,613

Sumber : Lembaga Getah Malaysia (LGM)

KELUASAN KAWASAN TANAMAN

Keluasan Kawasan Tanaman:

- Unjuran keluasan tanaman getah pada tahun 2014 telah meningkat kepada 1.07 juta hektar berbanding 1.05 juta hektar pada tahun 2013.
- Sasaran keluasan kawasan penanaman getah: 1.2 juta hektar di bawah Program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) - aktiviti Tanam Baru dan Tanam Semula menjelang tahun 2020

Unjuran keluasan tanaman getah pada tahun 2014 telah meningkat kepada 1.07 juta hektar berbanding 1.05 juta hektar pada tahun 2013. Kejayaan ini disokong oleh program NKEA di bawah Projek Permulaan (EPP) 2 iaitu aktiviti Tanam Baru dan Tanam Semula yang dipantau oleh MPIC dan agensi pelaksana seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS).

Keluasan Tanaman Getah Malaysia Mengikut Sektor dan Kawasan


Keluasan T('000 ha)			
		2013	2014*
Semenanjung	Estet	65.1	67.8
	Pekebun Kecil	706.8	707.8
	Jumlah	771.9	775.6
Sabah	Estet	12.1	12.1
	Pekebun Kecil	102.9	105.1
	Jumlah	115.0	117.2
Sarawak	Estet	0.2	0.2
	Pekebun Kecil	170.2	172.6
	Jumlah	170.4	172.8
Malaysia	Estet	77.4	80.1
	Pekebun Kecil	979.9	985.5
JUMLAH		1,057.3	1,065.6

Sumber : Lembaga Getah Malaysia (LGM)

TREN HARGA PASARAN



Perbandingan Harga SMR 20 dan Lateks Pukal Bagi Tahun 2013 dan 2014




Pergerakan Harga Rasmi (SMR 20) dan Lateks Pukal Sepanjang Tahun 2014

Pasaran getah Kuala Lumpur pada tahun 2014 menyaksikan kemerosotan harga jika dibandingkan dengan tahun 2013. Harga purata SMR 20 merosot sebanyak 221.54 sen/kg atau 28.6% kepada 553.14 sen/kg pada tahun 2014. Bagi Lateks Pukal, harga purata pada tahun 2014 ialah 436.91 sen/kg iaitu mencatatkan penurunan sebanyak 123.57 sen/kg atau 22% berbanding tahun 2013.


Pada akhir tahun 2014, kedua-dua SMR 20 dan Lateks Pukal masing-masing menyaksikan penurunan sebanyak 220.00 sen/kg atau 29.57% dan 153.00 sen/kg atau 28.84% pada 31 Disember 2014 berbanding harga pada permulaan sesi dagangan 2014.

Perbandingan Harga SMR 20 Bagi Tahun 2013 dan 2014



Sumber : Lembaga Getah Malaysia (LGM)

Perbandingan Harga Lateks Pukul Bagi Tahun 2013 dan 2014



Sumber : Lembaga Getah Malaysia (LGM)

- Ekonomi China dan Amerika Syarikat yang agak perlahan pada suku tahun pertama 2014.
- Keadaan harga pasaran getah di Kuala Lumpur didapati bercampur-campur pada suku tahun kedua 2014.
- Peningkatan stok simpanan getah di bawah pemantauan *Shanghai Futures Exchange (SHFE)* kepada 207,658 tan, iaitu jumlah terbesar sejak bulan Oktober 2004, telah mempengaruhi minat pelabur;
- Lebihan bekalan Vietnam akibat krisis politik Vietnam dengan China; dan
- Pengumuman Kerajaan Thailand untuk menjual kira-kira 220,000 tan getah dalam simpanannya. Walaubagaimanapun, laporan bahawa Kerajaan Thailand tidak akan melepaskan stok dalam pegangannya sebanyak 210,000 tan metrik ke negara China dan hanya akan digunakan di peringkat domestik berjaya membantu membendung kejatuhan harga getah ke paras yang lebih rendah.
- Harga getah terus berada pada aliran menurun pada suku tahun ketiga 2014:
 - Permintaan yang lemah terutamanya di China, serta lebihan bekalan getah di kawasan penanaman getah di Thailand dan Indonesia turut mempengaruhi penurunan harga;
 - Berita mengenai harga minyak sawit mentah yang rendah, kenyataan oleh kerajaan Thailand bahawa mereka telah menjual separuh daripada 200,000 tan getah simpanan kepada pengeksport terkemuka di Thailand telah menyebabkan harga SMR 20 terus menurun dan menimbulkan kebimbangan terhadap bekalan lebihan dalam pasaran; dan
 - Harga SMR 20 meningkat sedikit pada pertengahan bulan September apabila berita bahawa kerajaan Thailand telah menunda penjualan baki 100,000 tan stok getah untuk mengelakkan harga getah dari terus mengalami penurunan.
- Pada bulan Oktober 2014, pasaran getah Kuala Lumpur menyaksikan aliran meningkat berikutan sentimen positif dan peningkatan harga minyak mentah:
 - Turut mempengaruhi peningkatan harga adalah tindakan dan kerjasama negara-negara pengeluar getah Thailand dan Malaysia yang bersetuju dengan cadangan oleh Gabungan Perusahaan Karet Indonesia (GAPKINDO) supaya getah asli tidak dijual di bawah paras harga US 1.50 / kg;
 - Harga getah untuk gred SMR 20 mencatatkan paras terendah sepanjang tahun iaitu RM4.55 sekilogram pada 3 Oktober 2014;
 - *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* yang terdiri daripada Malaysia, Thailand dan Indonesia telah berkerjasama dengan negara-negara pengeluar lain iaitu Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam untuk menstabilkan harga getah asli; dan
 - Harga getah asli terus menyaksikan penurunan pada penghujung bulan November, selaras dengan penurunan harga-harga komoditi lain seperti emas, tembaga dan sebagainya.
- Harga SMR 20 berada dalam keadaan bercampur-campur pada bulan Disember 2014 berikutan kejatuhan harga minyak mentah, selain sekatan oleh nilai ringgit yang kukuh berbanding dolar Amerika Syarikat:
 - Kebimbangan mengenai kekurangan bekalan getah di negara-negara pengeluar getah terbesar Asia telah mula dirasai dan kejatuhan harga getah adalah hampir kepada paras terendah dalam tempoh lima tahun; dan
 - Walaubagaimanapun, harga SMR 20 meningkat semula selepas perayaan Krismas pada paras RM5.24 sekilogram pada 31 Disember 2014 berikutan kekurangan bekalan getah akibat musim hujan serta banjir teruk di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand.

Pergerakan Harga SMR 20 dan Lateks Pukul (60% KGK) Tahun 2014 (RM/Kg)

Prestasi Harga	SMR 20 (RM/Kg)	Lateks Pukul (RM/Kg) (60% KGK)
Harga Tertinggi	7.44 (2 Jan)	5.31 (2 Jan)
Harga Terendah	4.55 (3 Okt)	3.50 (10, 11, 12 Dis)
Purata Harga	5.53	4.37

Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM)

Jadual di atas menunjukkan bahawa sehingga 31 Disember 2014, perbandingan antara harga permulaan tahun dengan harga akhir tahun sesi dagangan getah menyaksikan SMR 20 dan Lateks Pukul mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak RM2.20 sekilogram (29.57 %) dan RM1.53 sekilogram (28.81 %). Harga purata SMR 20 dan Lateks Pukul bagi tahun 2014 masing-masing dicatatkan pada RM5.53 sekilogram dan RM4.37 sekilogram.

SMR 20

Maksud SMR ialah *Standard Malaysia Rubber* dan 20 merujuk kepada getah sekerap (getah kering)

Lateks

Lateks terdiri daripada 35% zarah getah dan 65% air.



PRESTASI EKSPORT DAN IMPORT

Dagangan Getah Asli Malaysia 2013 - 2014 (tan)

Tahun	Pengeluaran	Eksport	Import	Penggunaan Domestik	Stok Akhir
2013	826,421	847,090	1,004,805	434,192	167,932
2014	668,613	721,722	905,039	447,481	141,494

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI EKSPORT

Eksport Industri Getah 2014

Jenis	2013		2014		
	Nilai (RM Bilion)	% daripada Eksport Negara	Nilai (RM Bilion)	% daripada Eksport Negara	Perbezaan (%)
Getah Asli	7.03	0.98	4.54	0.59	-35.42
Barangan Getah	14.62	2.03	15.17	1.98	3.76
Kayu Getah	6.83	0.95	7.34	0.91	7.47
Getah-getah lain**	5.26	0.73	3.89	0.51	-26.05
Jumlah	33.73	4.69	30.94	4.00	-8.27

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Termasuk getah sintetik, getah kompaun, reclaimed rubber, waste rubber & unvulcanised rubber

Jumlah eksport getah asli pada tahun 2014 merosot 35.42% kepada RM4.54 bilion (847,090 tan) berbanding RM7.03 bilion (721,722 tan) pada tahun 2013. Kemerosotan eksport getah asli negara adalah disebabkan oleh kejatuhan harga yang berpunca daripada faktor permintaan yang lemah daripada negara-negara pengguna utama seperti negara Republik Rakyat China, Amerika Syarikat dan Eropah.

Walau bagaimanapun, eksport barangan getah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.76% iaitu RM14.62 bilion pada tahun 2013 kepada RM15.17 bilion pada tahun 2014. Peningkatan ini disumbangkan oleh perkembangan eksport bagi produk berasaskan lateks terutamanya produk sarung tangan getah dan katheter. Eksport barangan lateks mewakili kira-kira 80.40% daripada jumlah keseluruhan eksport barangan getah Malaysia.



RM15.17 bilion
Eksport pada tahun 2014

Eksport Getah Asli Malaysia Mengikut Negara (RM Juta)

Tahun	RM Juta	
	2013	2014
China	3,198.10	2,083.44
Jerman	861.94	626.99
Amerika Syarikat	297.29	242.26
Iran	438.03	232.13
Brazil	237.77	117.39
Korea Selatan	216.39	116.50
Portugal	119.34	92.05
India	48.63	84.65
Turki	116.85	80.93
Finland	158.70	78.91
Itali	87.31	69.17
Taiwan	103.54	68.29
Perancis	97.79	62.21
Mexico	99.64	58.87
Afrika Selatan	103.57	58.64
Lain-lain	846.94	502.19
Jumlah	7,031.83	4,574.62

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport Barangan Lateks Malaysia 2014

Barangan Lateks	Nilai ('000 RM)	
	2013	2014
Sarung tangan pembedahan	1,170,297	1,265,355
Sarung tangan lain	9,363,224	9,436,508
Bebenang getah	575,385	445,571
Kondom	353,973	325,541
Katheters	316,619	428,112
Barangan lateks lain	313,765	297,036
Jumlah	12,093,263	12,198,123

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Import

Import getah asli menurun 25.45% kepada RM5.83 bilion pada tahun 2014 berbanding RM7.82 bilion pada tahun 2013. Sementara import bagi barangan getah meningkat 5% daripada RM4.64 bilion pada tahun 2013 kepada RM4.87 bilion pada tahun 2014. Thailand merupakan negara pembekal utama barangan getah dengan nilai sebanyak RM1.13 bilion diikuti oleh negara Republik Rakyat China (RM1.09 bilion atau 22.47 peratus), Singapura (RM492.54 juta atau 10.11 peratus) dan Jepun (RM420.60 juta atau 8.64 peratus). Separuh daripada jumlah import barangan getah terdiri daripada produk tayar dan kasut.

Import Industri Getah 2014

SEKTOR	2013 (RM Bilion)	2014 (RM Bilion)	PERTUMBUHAN (Peratus)
Getah Asli	7.82	5.83	-25.45
Barangan Getah	4.64	4.87	5.0
Getah Lain-lain**	2.67	2.60	-2.62
JUMLAH	15.13	13.30	-12.10

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Termasuk getah sintetik, getah kompaun, reclaimed rubber, waste rubber & unvulcanised rubber

BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA

Industri getah disasarkan menyumbang kira-kira RM52.9 bilion kepada pendapatan kasar negara menjelang tahun 2020. Dalam usaha kerajaan mentransformasi ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi, empat EPP di bawah NKEA Getah telah diperkenalkan bagi mengiktiraf peranan dan kepentingan sektor getah sebagai penjana ekonomi negara. Dengan adanya empat EPP tersebut, negara dijangka bergerak ke arah kemampanan industri getah dengan tumpuan dan penekanan kepada ketersediaan bekalan getah asli negara dan pembangunan produk getah bernilai tambah tinggi. Empat EPP yang diperkenal di bawah NKEA Getah adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan produktiviti nasional getah asli kepada 2,000 kg/hektar/setahun pada tahun 2020;
- ii. Memastikan kemampanan sektor huluan getah asli negara;
- iii. Meningkatkan pasaran dunia sarung tangan lateks kepada 65% (RM30 bilion) pada tahun 2020; dan
- iv. Mengkomersialkan Ekoprena® dan Pureprena®.

Pembangunan industri dan peningkatan produktiviti ini disokong oleh program NKEA di bawah (EPP) 2 iaitu aktiviti Tanam Baru dan Tanam Semula yang dipantau oleh MPIC dan agensi pelaksana seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS).

Status Pencapaian

Bagi tujuan pemantauan, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu NKEA yang bersidang setiap bulan bagi memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan untuk setiap EPP mencapai sasaran yang ditetapkan.

Status pencapaian pelaksanaan empat EPP dalam NKEA Getah bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual.

Prestasi Industri Getah 2014

NKEA / EPPs	Sasaran 2014	Pencapaian Tahun 2014	Peratus (%)	Status
1. Keluasan tanam semula dan tanam baru (hektar)	50,000	51,633	103.3	
2. Eksport Getah Asli dan Getah Kompaun (juta tan)	1.4	1.22	87.1	
3. Eksport Barangan Lateks Malaysia (RM bil)	13.5	12.03	89.1	
4. Pengeluaran Ekoprena® dan Pureprena® (mt)	1,000	717	71.7	

Sumber: Laporan Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU NKEA Sawit dan Getah

Sasaran tanam semula dan tanam baru adalah sebanyak 50,000 hektar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sehingga Disember 2014, sejumlah 51,633 hektar kawasan tanam semula dan tanam baru telah dilaksanakan seperti dalam Jadual.

Bagi EPP 4 – Pengkomersialan Ekoprena® & Pureprena®, sehingga November 2014, pengeluaran kedua-dua bahan tersebut telah mencatatkan 717 tan metrik atau 71.7% daripada sasaran 1,000 tan metrik. Pencapaian pengeluaran yang rendah adalah disebabkan oleh kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan *line* pemprosesan Ekoprena® di Palong 8, Negeri Sembilan.

Pencapaian Tanam Semula dan Tanam Baru bagi Januari hingga Disember 2014 (Kluster vs Individu)

Tanam Semula	Sasaran (ha)	Permohonan diterima (ha)	Diluluskan (ha)	Luas (ha)			
				Ditebang+ WIP	Membuat Teres	Ditanam	Jumlah
RISDA	38,000	54,712	52,283	9,155	-	26,977	36,132
LIGS	1,671	1,671	1,671	-	-	1,671	1,671
Jumlah Kecil	39,671	56,383	53,954	9,155	-	28,648	37,803
Tanam Baru	Sasaran (ha)	Permohonan diterima (ha)	Diluluskan (ha)	Luas (ha)			
				Ditebang+ WIP	Membuat Teres	Ditanam	Jumlah
RISDA	3,000	4,006	3,745	1,277	-	1,738	3,015
LIGS	3,748	3,748	3,748	40	252	3,748	4,040
JPS	4,710	4,710	4,710	886	1,972	1,852	4,710
JPS (Tambahan)	6,775	2,065	2,065	1,110	892	63	2,065
Jumlah Kecil	11,458	14,529	14,268	3,313	3,116	7,401	13,830
Jumlah Besar	51,129	70,912	68,222	12,468	3,116	36,049	51,633

Sumber: Laporan Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU NKEA Sawit dan Getah

MEKANISME KAWAL SELIA HARGA GETAH DI LADANG DAN INSENTIF PENGELUARAN GETAH



Harga getah seperti komoditi lain bergantung kepada permintaan dan penawaran dalam pasaran antarabangsa. Berikutan pertumbuhan ekonomi yang lembab di negara-negara pengimport utama, seperti China dan Kesatuan Eropah, harga getah telah mencatatkan tren penurunan sepanjang tahun 2014, purata bulanan harga *Standard Malaysian Rubber SMR 20* bagi tahun 2014 adalah berada di paras RM5.53 sekilogram dan merupakan yang terendah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya sejak tahun 2006.

Mekanisme kawal selia harga di ladang

Penurunan harga getah memberi kesan kepada pendapatan hampir 95% daripada pengusaha getah yang terdiri pekebun kecil getah di luar bandar. Dalam hal ini, Kerajaan mulai November 2014 telah melaksanakan mekanisme kawal selia harga di ladang melalui penetapan diskaun oleh Lembaga Getah Malaysia antara harga SMR 20 dan harga yang diterima oleh pekebun kecil. Mekanisme ini melibatkan antara lain, penyertaan koperasi dalam urusanniaga getah bagi mengurangkan lapisan pembeli.

Bagi maksud ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi untuk tujuan urusanniaga getah. Langkah ini dijangka akan dapat meningkatkan harga di peringkat ladang yang diterima oleh para pekebun kecil.

RM6.4 juta
peruntukan sebagai modal
pusingan urusanniaga getah





Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai bulan Januari 2015 di seluruh negara. Dalam pelaksanaan IPG ini, apabila harga SMR 20 menurun ke paras RM4.60 sekilogram atau RM1.75 sekilogram bagi *cuplumps* dan ke bawah, Kerajaan akan menyediakan insentif pengeluaran sebanyak RM0.30 sekilogram bagi *cuplumps* dan maksimum RM0.90 sekilogram bagi lateks berdasarkan kandungan getah kering. Ini juga akan melibatkan getah *Unsmoked Sheet* (USS). Kerajaan telah memperuntukkan dana awal sebanyak RM100 juta.

LGM telah membuat hebahan melalui media-media utama dan mengadakan sesi taklimat kepada pihak-pihak yang terlibat di peringkat negeri melalui beberapa program bagi memastikan pelaksanaan IPG berjalan dengan lancar. Antaranya adalah perjumpaan YB Pengerusi LGM dengan Ahli-ahli Parlimen, Program Sembang Getah di Warung, Taklimat Perdana IPG dan perjumpaan dengan Agensi bertanggungjawab kepada industri getah di peringkat negeri.

KERJASAMA SERANTAU

Malaysia telah menganggotai dua badan pertubuhan antarabangsa iaitu *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) dan *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) demi menjaga kepentingan industri getah negara di peringkat global dan menjalin kerjasama dengan negara serantau dalam sektor getah.



ITRC

ITRC terdiri daripada tiga buah negara pengeluar utama getah asli iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia. ITRC ditubuhkan bagi melaksana dan memantau pengurusan pengeluaran getah asli untuk mengimbangkan bekalan dan permintaan getah di pasaran dunia melalui mekanisme pemantauan dan pengurusan pengeluaran getah asli bagi tempoh jangka panjang di ketiga-tiga negara iaitu *Supply Management Scheme* (SMS). Selain itu, ITRC juga memperkenalkan mekanisme penstabilan harga iaitu *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) bagi mengurangkan impak pergolakan harga dan mengelakkan kejatuhan harga secara drastik.

Dalam tahun 2014, beberapa siri mesyuarat ITRC telah diadakan bagi membincangkan antara lain mengenai kejatuhan harga getah dan langkah-langkah yang diambil oleh tiga pengeluar utama bagi mengurangkan impak kejatuhan harga terhadap pekebun kecil. Antara langkah untuk menangani isu ini yang sedang dikaji oleh ITRC ialah cadangan mewujudkan *Regional Rubber Market* atau Pasaran Getah Serantau.



Beberapa mesyuarat ITRC telah diadakan sepanjang tahun 2014 dan Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat ITRC peringkat Menteri yang diadakan pada 20 November 2014 di Kuala Lumpur, dan dihadiri oleh Thailand, Indonesia dan Malaysia. Antara isu yang dibincangkan adalah keadaan terkini pasaran getah terutamanya penawaran, paras stok semasa dan trend harga getah. Dalam mesyuarat tersebut, ketiga-tiga Menteri telah mengumumkan komitmen untuk terus berkerjasama memperkukuhkan harga getah bagi manfaat pengeluar dan pekebun kecil.

ANRPC

ANRPC merupakan pertubuhan yang dianggotai oleh Kerajaan-Kerajaan daripada 11 buah negara pengeluar getah asli dunia iaitu China, India, Indonesia, Filipina, Kemboja, Malaysia, Papua New Guinea, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan juga Vietnam. Objektif utama ANRPC adalah untuk menyelaraskan pengeluaran dan pemasaran getah asli, termasuk menggalakkan kerjasama teknikal antara negara-negara ahli serta membantu ahli-ahlinya dalam usaha mendapatkan harga getah asli yang lebih menarik dan stabil di pasaran dunia.

Isu-isu utama negara-negara ahli akan dibincangkan dalam tiga mesyuarat peringkat jawatankuasa utama yang diadakan secara tahunan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Informasi dan Statistik (ISC), Mesyuarat Jawatankuasa Hal-ehwal Industri (IMC) dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ANRPC (EXCO). Selain mesyuarat-mesyuarat ini, turut diadakan Perhimpunan Tahunan dan aktiviti Persidangan Getah Tahunan ANRPC yang mengambil tema-tema tertentu untuk sesi perbincangan dan pertemuan di antara pakar-pakar industri, wakil-wakil negara ahli atau delegasi, pertubuhan, organisasi dan individu daripada pihak swasta di peringkat domestik dan antarabangsa.





Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada penganjuran Mesyuarat-mesyuarat dan Persidangan Getah Tahunan ANRPC pada 13-17 Oktober 2014 bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Antara isu-isu utama yang dibincangkan dalam mesyuarat menyentuh mengenai pelaporan dan ketepatan statistik getah yang dilaporkan dalam terbitan *Natural Rubber Trend and Statistic (NTRS)* oleh negara ahli dan hasil bengkel lanjutan *Supply and Demand Modelling* mengenai usaha membina modal untuk meramal penawaran dan pengeluaran getah asli untuk kegunaan negara-negara ahli ANRPC.

Isu-isu lain termasuk kerjasama negara-negara ahli dalam meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta pengeluaran getah hijau dan pengesahan pindaan kepada Perlembagaan dan Peraturan-peraturan Anggota dan Kakitangan ANRPC. Selain itu, ANRPC juga berusaha untuk meningkatkan keahlian pertubuhan dengan mengambil inisiatif-inisiatif untuk menarik minat negara-negara pengeluar getah yang lain termasuk mengkaji usaha menjemput negara-negara ini untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat tahunan ANRPC sebagai pemerhati.

Delegasi juga dibawa melawat kebun getah dan premis jual beli getah serta tempat bersejarah di Melaka.

Dalam menghadapi senario penurunan harga getah asli, negara-negara anggota ANRPC sedar bahawa ANRPC perlu mempunyai strategi jangka panjang yang boleh membantu negara-negara anggota menghadapi cabaran berhubung sektor industri getah. Dalam hal ini, Malaysia telah mencadangkan supaya satu Mesyuarat ANRPC peringkat Menteri perlu diadakan pada tahun 2015 untuk membincangkan dengan lebih lanjut berhubung langkah-langkah untuk menangani isu kestabilan harga yang memerlukan sokongan dan komitmen para menteri. Cadangan tersebut telah dipersetujui dan disokong oleh semua negara-negara anggota ANRPC dan Malaysia telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah untuk mesyuarat ini pada tahun 2015 di Kuala Lumpur.

PENGUATKUASAAN, PERUNDANGAN DAN PERATURAN



Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan Permit) 2014

Peraturan-Peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014 telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 30 April 2014. Peraturan baru yang dizahirkan ini adalah hasil daripada cetusan inisiatif untuk menambah baik dan menampung kelemahan-kelemahan peraturan yang sedia ada sejak tahun 1998 lagi. Sejak dari tahun 2002, pelbagai siri perbincangan, mesyuarat, sesi dialog dan konsultasi telah diadakan dengan pihak-pihak berkepentingan dalam industri getah bagi melahirkan satu peraturan yang komprehensif sesuai dengan perkembangan semasa industri getah negara. Getah merupakan salah satu komoditi penting dalam memacu ekonomi negara menjelang tahun 2020 selaras dengan strategi NKEA.

Selain sebagai pelengkap kepada dasar dan strategi yang telah dirangka oleh Kerajaan, Peraturan-Peraturan LGM bertujuan menangani isu-isu semasa dalam industri. Usaha untuk meminda peraturan tersebut telah mengambil kira pandangan semua lapisan masyarakat dan organisasi. Keharmonian industri getah banyak bergantung kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan perlu difahami bersama antara pihak industri. LGM sebagai badan yang telah dipertanggungjawabkan, akan sentiasa berusaha memastikan kesinambungan dan kecemerlangan industri getah negara.



Majlis Perasmian Pelancaran Peraturan-peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014 di Johor Bahru

Pelesenan

Pihak yang berminat untuk menjalankan aktiviti perniagaan getah perlu memiliki lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa industri getah negara selaras dengan peruntukan Peraturan-Peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014. Sejalan dengan hasrat Kerajaan untuk mempermudah aktiviti perniagaan getah di negara

ini, jenis-jenis lesen yang dikeluarkan telah dikaji semula sesuai dengan keperluan semasa pihak-pihak yang terlibat dalam industri getah negara. Lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa untuk industri getah negara adalah seperti berikut:

Jadual Jenis Lesen dan Aktiviti oleh Pihak Berkuasa untuk Industri Getah Negara

Bil.	Jenis Lesen	Kategori	Aktiviti	Bilangan Lesen 2014 (unit)
1.	Lesen Pedagang / Pemproses Getah	Runcit	1. Membeli 2. Menjual 3. Menyimpan	4280
		Dagangan	1. Membeli 2. Menjual	
		Pemproses	1. Membeli 2. Menjual 3. Menyimpan 4. Memproses	
		Estet	1. Menjual 2. Menyimpan	
		Kelompok	1. Menjual	
		Peniaga Pukal	1. Membeli 2. Menjual 3. Menyimpan	

Bil.	Jenis Lesen	Kategori	Aktiviti	Bilangan Lesen 2014 (unit)
2.	Lesen Pengilangan Produk Getah	Pengilangan Produk Getah	Membeli dan menyimpan getah bagi pengilangan produk getah	
3.	Lesen Mengeksport Sarung Tangan Getah	1. Pengilang 2. Membungkus / Pengeksport 3. Pengeksport	Mengeksport Sarung Tangan Getah	292
4.	Lesen Nurseri Getah	Nurseri Getah	Membeli, menyimpan atau menjual bahan tanaman getah atau mencambahkan, menumbuhkan, menanam atau memindah tanam bahan tanaman getah bagi tujuan komersil.	125 200

Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM)




ISU DAN CABARAN

Industri getah telah disenaraikan sebagai salah satu fokus khas. Pengiktirafan kepada industri getah menunjukkan bahawa komoditi getah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Malaysia. Dalam hal ini, MPIC melalui LGM telah diberi mandat untuk memastikan pelaksanaan program-program yang berkaitan dengan industri getah berjalan lancar dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun, dalam melaksanakan program-program yang dirancang untuk memajukan industri ini, antara isu dan cabaran daripada peringkat hulu sehingga hiliran industri seperti berikut:

40%

**pemilik kebun adalah
pekebun kecil berumur lebih dari**

60 tahun



No	Cabaran	Isu Semasa	Cadangan/Inisiatif sedia ada
1.	Kemerosotan kawasan tanaman getah Pada tahun 2000, keluasan tanaman getah adalah seluas 1.43 juta hektar tetapi pada tahun 2014, keluasan ini menurun kepada 1.07 juta hektar.	Penukaran kepada komoditi lain terutamanya kelapa sawit dan aktiviti ekonomi lain.	Pelaksanaan inisiatif: Tanam baru dan tanam semula dilaksanakan untuk meningkatkan keluasan kawasan tanaman getah kepada 1.2 juta hektar menjelang tahun 2020.
2.	Produktiviti yang rendah di kalangan pekebun kecil dan saiz pegangan kebun tidak ekonomik Purata produktiviti getah Malaysia adalah dalam lingkungan 1,500 kg/hektar/tahun, yang jauh lebih rendah berbanding negara pengeluar utama yang lain.	Penanaman klon lama yang berhasil rendah, tiada Amalan Pertanian Baik (GAP), kekurangan penoreh mahir dan serta kurangnya penggunaan teknologi dan mekanisasi. Purata saiz pegangan kebun bagi setiap pekebun kecil adalah kurang daripada dua hektar, dan saiz yang kecil ini didapati kurang atau tidak ekonomik berbanding saiz ladang-ladang getah yang diusahakan secara berkelompok.	Pendekatan pembangunan bersepadu, termasuk menggalakkan program tanam semula, menggunakan bahan tanaman berkualiti, menyediakan khidmat nasihat teknikal dan meningkatkan penggunaan mekanisasi. Sektor ini juga diperkasa dengan menggalakkan pengurusan pekebun kecil secara berkelompok, termasuk diintegrasikan dengan aktiviti pemprosesan bernilai tambah.
3.	Kekurangan buruh dan umur penoreh Teknologi terkini yang diperkenalkan oleh LGM kepada industri getah tidak digunapakai berikutan faktor kekangan kewangan dan umur.	Daripada jumlah kawasan tanaman getah di Malaysia, 40% dimiliki oleh pekebun kecil yang majoritinya berumur lebih 60 tahun. 95% tidak mengguna pakai teknologi terkini yang diperkenalkan kepada industri getah berikutan faktor kekangan kewangan dan juga umur.	Cabaran kepada sektor getah adalah untuk menarik tenaga buruh tempatan yang muda untuk terlibat dengan industri tersebut selain memberi latihan kemahiran dan pengetahuan kepada pekerja-pekerja, termasuk buruh asing.

No	Cabaran	Isu Semasa	Cadangan/Inisiatif
4.	Kekurangan bekalan getah untuk sektor pemprosesan Sektor pemprosesan dijangka terus bergantung kepada bekalan getah yang diimport dari negara luar terutamanya lateks daripada negara pengeluar jiran seperti Thailand dan Indonesia.	Berdasarkan statistik sehingga Oktober 2014, Malaysia mengimport sebanyak 739,389 tan getah yang mana 35% terdiri daripada lateks manakala selebihnya 65% adalah getah sekerap, <i>cuplump</i> , RSS, SMR dan lain-lain.	Masalah kekurangan lateks untuk memenuhi keperluan produk yang berasaskan lateks yang menyumbang 80% daripada pendapatan eksport daripada sub sektor produk getah.
5.	Meningkatkan Akses Pasaran Di peringkat antarabangsa, isu akses pasaran dan halangan tarif serta bukan tarif perlu ditangani bagi memastikan pasaran eksport tidak terjejas.	Memperkuhkan pasaran sedia ada, menjalinkan jaringan perniagaan pelbagai hala dan menerokai pasaran baru.	Kerjasama dengan pihak berkuasa yang berkenaan untuk penyelarasan HS Code bagi mendapatkan <i>low tariff</i> dan <i>zero tariff</i> bagi kategori produk getah yang tertentu.
6.	Mengekalkan Kestabilan Harga Harga getah asli akan cuba dikekalkan pada paras yang optimum supaya ia masih menguntungkan pekebun kecil dan tidak membebaskan pengeluar produk getah di pasaran tempatan dan antarabangsa.	Tren harga getah yang menurun pada tahun 2014 dikhuatiri membebaskan pekebun kecil.	LGM telah menambah baik mekanisme penentuan harga di bawah <i>The Malaysian Rubber Exchange</i> (MRE) bagi mengekalkan kestabilan harga getah. Kerjasama serantau dengan negara-negara pengeluar getah utama dunia untuk penstabilan harga.
7.	Meningkatkan Syer Produk Berasaskan Getah Malaysia di Pasaran Dunia.	Meningkatkan syer produk berasaskan getah Malaysia di pasaran dunia.	Aktiviti risikan pasaran bagi memperkuhkan pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru/terkhusus bagi produk berasaskan getah bernilai tambah tinggi.
8.	Meningkatkan Perkhidmatan Kepada Industri.	Perkhidmatan yang lebih efisien dan berkesan.	Penubuhan pusat sehati di LGM iaitu <i>Global Testing Consultancy for Rubber</i> (G-TACR) pada tahun 2014 untuk menyediakan ujian bagi pelbagai jenis getah selain dari khidmat perundingan kepada pihak industri.

PROSPEK INDUSTRI GETAH

Selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, industri getah dijangka terus memberi sumbangan daripada segi pengeluaran produk bernilai tambah tinggi dan mesra alam bagi memenuhi kehendak pasaran dunia. Jumlah penggunaan getah dunia dijangka melebihi 30 juta tan metrik setahun pada tahun 2020. Antara produk getah yang dijangka mempunyai permintaan yang tinggi adalah sarung tangan getah, tayar, katheter dan bebenang getah.

Selaras dengan permintaan yang meningkat, prospek tanaman getah adalah sangat memberangsangkan. Keluasan tanaman getah dijangka bertambah pada kadar 1.6% setahun daripada 1.02 juta hektar pada tahun 2010 kepada 1.2 juta hektar pada tahun 2020. Pengeluaran getah asli dijangka meningkat sebanyak 7.8% setahun kepada 2 juta tan metrik pada tahun 2020. Daripada jumlah pengeluaran ini, 1.4 juta tan metrik dijangka dalam bentuk getah kering, sementara baki 0.6 juta tan metrik adalah dalam bentuk lateks.

Anjuran Industri Getah Dalam Tempoh 2011-2020

Perkara	Tahun		
	2010	2015	2020
Keluasan Tanaman (Juta Hektar)	1.02	1.15	1.20
Pengeluaran Getah Asli ('000 Tan Metrik)			
• Getah Kering	846	1350	1800
• Lateks	94	150	200
Jumlah Pengeluaran Getah Asli ('000 Tan Metrik)	940	1500	2000
Penggunaan Domestik Getah Asli ('000 Tan Metrik)			
• Getah Kering	64	85	130
• Lateks	396	565	870
Jumlah Penggunaan Domestik Getah Asli ('000 Tan Metrik)	460	650	1000
Produktiviti (kg/hektar/tahun)	1480	1600	2000

Sumber : Lembaga Getah Malaysia (LGM)

INDUSTRI PERKAYUAN






INDUSTRI PERKAYUAN

PENGENALAN

Bagi tahun 2014, industri perkayuan menyumbang sebanyak RM20.52 bilion kepada pendapatan eksport negara. Nilai ini adalah lebih tinggi berbanding tahun 2013 iaitu RM19.53 bilion.




Nilai Eksport Produk Perkayuan Malaysia 2014 (RM Bilion)



*Nota: BJC – Builders' Joinery and Carpentry



Destinasi Utama Eksport Perabot Malaysia 2014



PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) adalah salah satu langkah untuk memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi bagi industri hiliran berasaskan kayu. Sasaran program ini adalah untuk menyediakan 75 juta meter padu bahan mentah kepada industri perkayuan atau 5 juta meter padu setahun. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM1.05 bilion bagi tempoh 2007 sehingga 2020. Sasaran keluasan tanaman Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) adalah 15,000 hektar setahun.

Spesies-spesies di bawah PPLH






Binuang (*Octomeles sumatrana*)




Khaya spp. (*Khaya ivorensis* / *Khaya senegalensis*)



Kelempayan / Laran (*Neolamarckia cadamba*)



Batai (*Paraserianthes falcatari*)



Buluh (Semantan, Beting, Beti, Betong & Hitam)



Terdapat tiga kategori PPLH yang telah disasarkan oleh Kerajaan:

	Skim PPLH		
	KECIL	SEDERHANA	BESAR
Spesies	Getah	Getah dan spesies hutan	Getah dan spesies hutan
Keluasan	4 hingga 40 hektar	41 hingga 2,499 hektar	2,500 hektar ke atas
Pembiayaan	100%	100%	90% (spesies getah); 80% (spesies hutan)

Di bawah program ini, pinjaman mudah kepada pelabur (syarikat) telah disediakan dengan *grace period* selama 15 tahun. Pembayaran balik pinjaman ini akan bermula pada tahun ke -16 atau selepas ditebang tuai atau mana-mana yang terdahulu.

Sejak program ini diperkenalkan, terdapat sebanyak 58 perjanjian pinjaman PPLH yang terdiri daripada syarikat / agensi / koperasi telah diluluskan.

Jumlah Pinjaman Mengikut Skim PPLH

Bil	Skim PPLH	Jumlah Perjanjian	Keluasan (Hektar)	Nilai Pinjaman (RM juta)
1	Kecil	8	255.29	2.65
2	Sederhana	26	29,981.60	286.90
3	Besar	24	85,175.00	557.12
	Jumlah	58	115,411.89	846.67

DASAR EKSPORT KAYU GETAH BERGERGAJI

Pada tahun 2014, seluas 15,241.63 hektar ladang hutan telah dibangunkan berbanding sasaran semasa sebanyak 15,000 hektar.

Jumlah penanaman mengikut spesies dari tahun 2007 sehingga 2014

Tahun	Luas Tanaman (hektar)		Jumlah (hektar)
	Getah	Spesies hutan	
2007	2,366.40	5,202.07	7,568.47
2008	3,446.98	6,718.35	10,165.33
2009	3,411.13	3,217.87	6,629.00
2010	6,946.82	4,138.77	11,085.59
2011	12,085.50	8,653.28	20,738.78
2012	8,534.14	2,952.50	11,486.64
2013	10,031.15	5,037.72	15,068.87
2014	8,953.43	6,288.20	15,241.63
Jumlah	55,775.55	42,208.76	97,984.31

Selain Skim PPLH, kerajaan juga menyediakan dana pinjaman untuk pembangunan tapak semaian bagi spesies ladang hutan. Sehingga Disember 2014, seluas 121.56 hektar tapak semaian telah diluluskan yang melibatkan dana pinjaman sebanyak RM13.92 juta.

Bagi memastikan bekalan kayu getah mencukupi dengan permintaan di pasaran tempatan terutamanya daripada pengusaha perabot, kerajaan telah menetapkan kuota nasional pengeksportan Kayu Getah Bergergaji (KGB). Pada tahun 2014, kuota eksport yang ditetapkan ialah 80,000 meter padu.

Prestasi Kuota Eksport KGB

Tahun	Isipadu Kuota Yang Dibenarkan	Agihan Kuota	Eksport Sebenar
Meter Padu (m ³)			
2008/2009	48,719	25,854	23,969(50%)
2009/2010	64,616	59,076	45,192(70%)
2011	60,000	60,000	47,747(80%)
2012	50,000	50,000	47,646(95%)
2013	80,000	80,000	77,445(97%)
2014	80,000	80,000	79,989(99%)

MISI EKONOMI DAN TEKNIKAL KAYU-KAYAN

Bagi memastikan industri perikanan negara terus bersaing di pasaran antarabangsa, aktiviti-aktiviti seperti penyertaan dalam mesyuarat serta persidangan dilaksanakan. Ini menunjukkan komitmen Malaysia bagi memastikan pasaran produk industri perikanan negara di pasaran antarabangsa terus kukuh.

EGILAT menyediakan platform kepada ahli-ahli untuk berkongsi maklumat dan pertukaran amalan terbaik dalam membangun dan melaksanakan sistem jaminan kesahan (*legality assurance systems*). Sistem jaminan kesahan memastikan produk kayu-kayan adalah daripada sumber yang sah dan meliputi pengeluaran, peniaga, pemproses dan pengeksport. Sistem ini membantu menambah baik pentadbiran dan pengurusan industri pembalakan yang akan mengurangkan pembalakan haram dan perdagangan kayu-kayan serta menyumbang ke arah kemampanan hutan.

Penyertaan Persidangan dan Mesyuarat Antarabangsa

i. APEC EGILAT di China

Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) telah menubuhkan *Experts Group on Illegal Logging and Associated Trade* (EGILAT) pada tahun 2011, bertujuan menyediakan satu platform bagi negara anggota untuk mengukuhkan dasar dalam memerangi pembalakan haram dan perdagangan kayu-kayan serta produk kayu-kayan haram.

APEC-EGILAT telah mengadakan dua sesi mesyuarat di China pada 2014. Delegasi Malaysia diketuai oleh MPIC dan turut dihadiri oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Malaysian Timber Council (MTC) dan Sarawak Timber Association (STA). Antara perkara yang dibincangkan adalah kajian ke atas kerja-kerja yang dijalankan pada tahun 2013, Pelan Kerja APEC-EGILAT 2014 dan Pelan Strategik APEC-EGILAT Tahun 2013 - 2017.

ii. *Experts Group on Sustainable Forest Management and Trade in Legally Obtained Timber (EG-SFM)*

Malaysia dan Jepun telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi (*Malaysia - Japan Economic Partnership Agreement* - MJEPA) pada 13 Disember 2005. Kerjasama dua-hala ini antara lainnya merangkumi sektor perhutanan. Bagi sektor perhutanan dan perdagangan kayu, kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk mewujudkan satu Kumpulan Pakar di bawah MJEPA iaitu, *Experts Group on Sustainable Forest Management and Trade in Legally Obtained Timber* (EG-SFM). Objektif EG-SFM adalah:

- menyediakan forum bagi menggalakkan perbincangan dalam isu perhutanan dan perdagangan kayu; dan
- mempromosikan kerjasama dua hala dalam sektor perhutanan dan perdagangan kayu.

Pada 31 Oktober 2014, *Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries (MAFF)*, Jepun telah menganjurkan Mesyuarat ke-5 EG-SFM untuk berbincang dan mengenal pasti isu-isu berkepentingan bersama MPIC. Antara isu yang dibincang adalah trend perdagangan kayu-kayan antara Malaysia dan Jepun, kemajuan pelaksanaan projek kerjasama dua-hala dan perkembangan di peringkat antarabangsa mengenai perdagangan dalam produk kayu-kayan yang sah.



Bermula April 2006, Kerajaan Jepun telah memasukkan pengeluaran kayu dan produk kayu yang sah dan mampan (Goho-wood) dalam senarai perolehan barangan mesra alam "*Green Purchasing Law*". Kerajaan Jepun telah memperkenalkan prinsip kayu balak tidak sah tidak sepatutnya digunakan. Oleh itu, kerjasama dua hala, serantau dan pelbagai hala telah dilaksanakan bagi membanteras pembalakan haram. Dalam hal ini, Kerajaan Jepun telah menetapkan cara mengenal pasti kayu dan produk kayu yang sah dan mampan untuk perolehan kementerian dan agensi kerajaan serta institusi.

Ahli Mesyuarat Experts Group on
Illegal Logging and Associated
Trade (EGILAT) di Qingdao, China



(iii) *Sesi International Tropical Timber Council and Associated Sessions of Committees Ke-50*

Malaysia menyertai *International Tropical Timber Organization* (ITTO) semenjak ia ditubuhkan pada tahun 1983. ITTO ditadbir urus melalui *International Tropical Timber Agreement* (ITTA) yang mana disertai oleh 69 buah negara pengeluar dan pengguna kayu tropika. Penyertaan Malaysia dalam organisasi ini antara lain menjaga kepentingan negara bagi aspek:

- rundingan, kerjasama antarabangsa dan pembangunan polisi berkaitan perhutanan dan Industri kayu;
- merancang strategi bagi meningkatkan eksport kayu dan produk kayu tropika dari sumber yang diurus secara mampan;

- mendapatkan maklumat mengenai pasaran antarabangsa dan perkongsian informasi dan kerjasama yang telus di kalangan negara-negara ahli ITTO dalam menangani isu-isu berkaitan perhutanan dan industri kayu; dan
- menjaga kepentingan negara bagi polisi berkaitan pengurusan hutan secara mampan dan konservasi alam sekitar dalam meningkatkan perdagangan kayu tropika.

Malaysia telah menyertai Sesi *International Tropical Timber Council* (ITTC) ke-50 di Yokohama, Jepun dari 3 November hingga 8 November 2014. Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Sesi ITTC ke-51 yang akan diadakan di Kuala Lumpur dari 15 November hingga 22 November 2015.

PROSPEK INDUSTRI PERKAYUAN

Industri perkayuan dan penghasilan produk berasaskan kayu dijangka kekal stabil memandangkan permintaan global terhadap produk ini adalah tinggi. Sasaran eksport kayu dan produk kayu bernilai RM53 bilion pada tahun 2020 dijangka dapat dicapai dengan adanya kerjasama dan penglibatan daripada semua pihak yang berkaitan.

Sektor perabot memainkan peranan yang besar dalam pasaran eksport industri perkayuan. Jumlah syarikat dalam industri perabot negara buat masa ini adalah melebihi 1,700 pengeluar dan industri ini menyediakan peluang pekerjaan kepada seramai 200,000 orang. Usaha ini perlu ditingkatkan agar industri perabot mampu terus bersaing di pasaran antarabangsa memandangkan terdapat persaingan daripada negara-negara pengeluar perabot yang guna tenaganya berkos rendah.



INDUSTRI KOKO





INDUSTRI KOKO




**KE-2
TERBESAR**
negara pengisar koko di rantau pasifik

**KE-6
DI DUNIA**
selepas Belanda, Cote d'Ivoire, Amerika
Syarikat, Jerman dan Indonesia

PENGENALAN

Pada tahun 2014, Malaysia merupakan negara pengisar koko kedua terbesar di Rantau Pasifik selepas Indonesia dan keenam di dunia selepas Belanda, Cote d'Ivoire, Amerika Syarikat, Jerman dan Indonesia.

Jumlah keseluruhan nilai eksport produk berasaskan koko pada tahun 2014 adalah sebanyak RM 4,795 juta menunjukkan peningkatan sebanyak 32.8% berbanding nilai eksport pada tahun 2013 sebanyak RM 3,625 juta. Antara pasaran utama eksport produk koko Malaysia adalah Singapura, Amerika Syarikat, Indonesia, Jepun dan China.




PRESTASI KOMODITI KOKO DI MALAYSIA

Prestasi Keluasan Tanaman Koko


(Program Pembangunan Tanaman Baru Koko Tahun 2014 (TB14) merupakan satu program di bawah Lembaga Koko Malaysia (LKM) bagi meningkatkan keluasan tanaman baru koko Malaysia. Bagi mempercepatkan pelaksanaan program ini, LKM akan melaksanakan pembangunan melalui pendekatan berikut:

- Membangunkan dan membekalkan bahan tanaman seperti anak benih koko biasa, anak benih koko bercantum dan kayu mata tunas melalui usahawan tani koko, pembangunan pusat-pusat R&D&I dan Unit *One-Stop Center* LKM.
- Membangunkan dan membekalkan bahan tanaman seperti anak benih koko biasa dan anak benih koko bercantum melalui usahawan tani koko. Program ini akan menggunakan peruntukan tanaman baru koko.
- Membangunkan usahawan dan budaya keusahawanan di kalangan kelompok tani, persatuan dan koperasi.
- Membangunkan infrastruktur dan kemahiran untuk meningkatkan kualiti.
- Membantu pengupayaan sara hidup pekebun kecil koko yang terjejas sementara semasa program pembangunan berlaku sehingga tanaman koko mengeluarkan hasil.


Keluasan Tanaman 2014 (ha)



Perbandingan Keluasan Tanaman Koko 2013 Dan 2014 (Ha)



Perbandingan Keluasan Tanaman Koko Di Antara Sektor Estet Dan Sektor Pekebun Kecil 2014 (Ha)






Prestasi Pengeluaran Dan Pengisaran Komoditi Koko

Prestasi pengisaran biji koko pada tahun 2014 mengalami penurunan sebanyak 14.4% berbanding pada tahun 2013. Penurunan ini adalah disebabkan:

- kesukaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat pengisar koko tempatan untuk mendapatkan bekalan biji koko import; dan
- penguatkuasaan peraturan kuarantin yang ketat oleh Jabatan Pertanian Malaysia ke atas biji koko yang diimport.

Perbandingan Aktiviti Pengisaran Biji Koko (tan metrik)




TREN HARGA PASARAN

Harga pasaran biji koko pada tahun 2014 berada pada tren yang positif, di antara RM7,400 hingga RM9,500 bagi setiap tan. Pada paras harga ini, apabila produktiviti dalam lingkungan 1 hingga 1.5 tan sehektar, tanaman koko memberi pasaran yang terjamin dan mampu meningkatkan taraf sosio-ekonomi pengusaha tanaman koko.

Tren Harga Pasaran 2014 (RM / tan)



Tren Harga Pasaran Dunia 2014 (RM)





PRESTASI EKSPORT

Perincian kuantiti dan nilai eksport produk-produk koko adalah seperti berikut:

Kuantiti dan Nilai Eksport Produk-Produk Koko 2014

PRODUK BERASASKAN KOKO	Kuantiti (TAN)			Nilai (RM'000)		
	Januari - Disember			Januari - Disember		
	2013	2014	Beza (%)	2013	2014	Beza RM'000 (%)
Biji Koko ¹	42,926	93,557	117.95	359,220	958,859 (20.00%)	599,639 (166.93)
Kulit Biji Koko	2,621	1,283	-51.05	1,467	953 (0.02%)	-260 (-35.04)
Lemak Koko	99,295	103,518	4.25	1,194,544	2,046,496 (42.68%)	851,952 (71.32)
Pes Koko tanpa nyah lemak	20,775	26,498	27.55	237,060	362,053 (7.55%)	124,993 (52.73)
Pes Koko nyah lemak	12,350	7,417	-39.90	134,468	56,170 (1.17%)	-78,298 (-58.23)
Serbuk Koko ²	132,270	107,675	-18.60	1,266,261	945,934 (19.73%)	-320,327 (-25.30)
Coklat	32,599	29,624	-9.10	432,131	424,165 (8.85%)	-7,966 (-1.84)
JUMLAH	342,826	369,572	7.8	3,625,151	4,794,631 (100%)	1,169,480 (32.26)

Nota:

¹ Re-eksport

² Termasuk Serbuk Koko yang tidak mengandungi dan mengandungi Gula Tambahan atau lain-lain Pemanis

INOVASI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2014, sebanyak 64 projek penyelidikan (Dana Sains dan Tabung Penyelidikan) termasuk empat projek penyelidikan dan pengembangan teknologi dijalankan secara kerjasama dengan agensi luar negara iaitu:

- *Regional Cocoa Breeding Trial* yang dibiayai oleh *World Cocoa Fund*;
- *Cocoa Progeny Trial Project* antara Malaysia dan Indonesia;
- *Cocoa Germplasm* antara Malaysia dan Reading University United Kingdom; dan
- *CocoaSafe Project* yang dibiayai oleh *Standard and Trade Development Facility (STDF)*.



Produk bukan makanan berasaskan koko



PROGRAM DAN AKTIVITI

Bagi memastikan kepentingan komoditi koko terjamin, pelbagai aktiviti dan program dianjurkan seperti:

a) Dalam Negara

- *Malaysia Cocoa and Chocolate Day (MCCD) 2014;*
- *Training of Master Facilitator & Training of Facilitator* di bawah projek *CocoaSafe*;
- Pembukaan galeri coklat usahawan di Kundasang, Ranau;
- Penubuhan Pusat Pemprosesan dan Pengeringan Koko kelompok Kg Kinapuli, Ranau;
- *Seminar Cocoa Technology for Business Opportunity*; dan
- Promosi melalui satu rancangan khas televisyen sebanyak 13 episod bertajuk *Kokolog* yang telah disiarkan di TV9 bermula 2 Mac 2014 hingga 25 Mei 2014.

b) Luar Negara

PROMOSI	TARIKH	LOKASI
<i>International Sweets & Biscuits Fair (ISM) 2014</i>	26 hingga 29 Januari 2014	Cologne, Jerman
GULFOOD 2014	23 hingga 27 Februari 2014	Dubai, UAE
<i>Worldfood Istanbul / Ingredients Turkey</i>	4 hingga 7 September 2014	Istanbul, Turki
<i>Worldfood Moscow (WFM) 2014</i>	15 hingga 18 September 2014	Moscow, Rusia
<i>Sweets and Snacks Middle East (SSME) 2014</i>	9 hingga 11 November 2014	Dubai, UAE

ISU DAN CABARAN 2014

ISU DAN CABARAN	TINDAKAN
Bekalan Bahan Tanaman Berkualiti Kekurangan bekalan bahan tanaman berkualiti seperti anak pokok tidak mampu menampung permintaan daripada pekebun-pekebun terutamanya bagi tanaman baru.	Bagi menangani masalah ini, Program Pembangunan Nurseri Anak Benih Koko (PNK) ¹ akan ditambah baik dan diperkukuhkan bagi menampung keperluan anak benih kepada petani koko. Program ini juga secara tidak langsung dapat memberi pendapatan sampingan kepada petani melalui penglibatan dalam aktiviti keusahawanan.
Peningkatan Harga Input Pertanian Peningkatan harga input pertanian yang berkualiti iaitu baja dan racun serangga di pasaran menyebabkan kos pengeluaran dan penyelenggaraan kebun koko turut meningkat.	Bagi menangani masalah ini, MPIC dan agensi di bawah MPIC telah membuat kerjasama dalam memastikan khidmat nasihat dan pemindahan teknologi kepada pekebun kecil dapat disampaikan dalam penyediaan input pertanian. Contohnya, inisiatif daripada pekebun kecil dan kajian yang dihasilkan oleh LKM digunakan seperti penggunaan baja kompos dari bahan terbuang dan teknik kawalan biologi dari haiwan perosak.
Usahawan Coklat Buatan Tangan Kekurangan usahawan coklat buatan tangan yang berjaya.	Bagi meningkatkan eksport produk hulu, LKM dan MPIC menyediakan kursus dan pameran dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. MPIC juga menjadi pemudahcara kepada usahawan yang baru dalam mendapatkan pembiayaan perniagaan mereka.
Kekurangan Khidmat Pengembangan Dianggarkan nisbah pegawai penyelia adalah satu orang pegawai bagi setiap 700-800 hektar.	Bagi mengatasi kekurangan kakitangan terutama pegawai penyelia, MPIC, agensi di bawah kementerian dan agensi di bawah kerajaan negeri telah mengadakan kerjasama dalam memastikan pemindahan teknologi berkenaan komoditi dapat disampaikan dengan berkesan dan menyeluruh.

Nota:

¹ PNK merupakan salah satu Program Pembangunan yang dilaksanakan sepanjang RMKe-10 bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil komoditi koko di bawah Program Pembangunan Tanaman Koko Baru di sektor pekebun kecil koko.

PROSPEK INDUSTRI KOKO 2015

Bagi memastikan kepentingan komoditi koko terjamin, perincian dan persediaan perlu dibuat. Oleh itu maklumat terperinci unjuran industri koko bagi tahun 2015-2020 adalah seperti berikut:

PERKARA	TAHUN	
	2015	2020
Keluasan (Hektar)	18,150	23,350
Pekebun Kecil	17,243	22,243
Estet	907	1,107
Pengeluaran ('000 Tan)	4.5	11.8
Produktiviti (Tan/Hektar)	0.38	0.58
Hasil Eksport (RM Bilion)	4.8	5.0



1.44 tan / hektar
Produktiviti koko pada tahun 2014

INDUSTRI KENAF

A series of thin, white diagonal lines spanning the width of the page, positioned below the main title.



INDUSTRI KENAF



Apa itu kenaf?

Nama saintifiknya *Hibiscus cannabinus L.* Tanaman jangka pendek yang berasal dari Afrika ini dapat mengeluarkan fiber dan empulur (*core*) yang sesuai bagi menggantikan fiber sintetik dan produk komposit untuk dijadikan bahan binaan, komponen automotif dan tekstil.

PENGENALAN

Kenaf merupakan sejenis tumbuhan yang dikenal pasti sebagai tanaman jangka pendek yang berpotensi untuk dikomersialkan dan seterusnya menjadi 'Sumber Pertumbuhan Baru'. Melalui penguatkuasaan Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) 2009 [Akta 692], LKTN bertanggungjawab memastikan tanaman kenaf giat diusahakan sebagai tanaman komoditi baru dan juga alternatif kepada tanaman tembakau. Kerajaan melalui LKTN memberi galakan yang khusus dan bantuan kepada bekas penanam tembakau dan pekebun kecil terutamanya di Terengganu, Pahang dan Kelantan.

Kesesuaian tanaman
dengan iklim dan
tanah negara

Bahan mentah
alternatif kepada
sumber hutan

KELEBIHAN
KENAF

Mesra Alam

PRESTASI PENANAMAN

Keluasan tanaman kenaf bagi tahun 2014 adalah 2,000 hektar yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Selangor dan Pulau Pinang. Terdapat peningkatan dalam keluasan tanaman bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 176 hektar tanaman.

Penanaman Kenaf Bagi Pengeluaran Batang Kenaf dan Benih bagi tahun 2014

Bil	Negeri	Bilangan Penanam (Orang)	Telah Tanam (Hek)
1	Pahang	342	706.0
2	Kelantan	302	634.2
3	Terengganu	193	510.3
4	Perak	70	125.3
5	Selangor	3	4.8
6	Pulau Pinang	4	20.0
7	Kedah	46	275.0
8	Perlis	49	120.0
	Jumlah Keseluruhan	1,009	2,395.6

PELAN INDUK PEMBANGUNAN KENAF


Pelan Induk Pembangunan Kenaf (PIPK) dirancang bertujuan untuk membangunkan industri kenaf secara tersusun supaya ia menjadi kompetitif, berdaya maju, mampan dan seterusnya mampu menyumbang nilai tambah yang tinggi.

PIPK mengandungi aspek-aspek dasar dan strategi pembangunan industri kenaf negara bagi tempoh 2013-2025 meliputi keseluruhan rantai nilai industri kenaf, lokasi, produk dan sumbangan kepada Pendapatan Negara Kasar serta sosio-ekonomi setempat termasuk pengwujudan peluang pekerjaan.

Empat Teras Strategi Pembangunan Kenaf

- Memperkukuhkan Struktur Organisasi LKTN
- Menambah Baik Pemprosesan di Peringkat Hulu dan Pertengahan
- Menyediakan Sumber Tanah yang Mencukupi
- Melaksanakan Model Pengeluaran Kenaf

Fasa Pelaksanaan Pembangunan Industri Kenaf



ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN	CADANGAN PENYELESAIAN
Persaingan terhadap produk fiber sintetik yang lebih berkualiti dan murah	• Mewujudkan <i>niche market</i> dan <i>captive market</i> domestik bagi meyakinkan pembeli dan meningkatkan permintaan. • Menyediakan piawaian dan gred kenaf tempatan untuk rujukan industri bagi meningkatkan keyakinan pembeli.
Penawaran bahan mentah kenaf yang terhad	• Menggalakkan tanaman secara kelompok dan koperasi. • Mewujudkan ladang kelompok melalui konsolidasi tanah dan penanaman secara kontrak dengan pengilang kenaf. • Pembangunan model ladang tanaman kenaf di Tanaman Industri Tani Terengganu (TITT) seluas 70 hektar.
Promosi dan perluasan pasaran masih terhad ekoran pengeluaran masih skala pra-komersial	• Mewujudkan kilang pemprosesan kenaf lengkap untuk meningkatkan kapasiti dan kualiti pengeluaran. • Penubuhan pusat pemasaran di lokasi strategik (ibu negara). • Program promosi secara intensif di negara pengimport dan secara <i>online</i>. • Memilih pameran / <i>showcase</i> yang sesuai untuk dijadikan sasaran promosi pasaran.
Pasaran kenaf yang masih terhad dengan pengilang tempatan sedia ada	• Menggalakkan kontrak perladangan dan kontrak pemasaran. • Pemberian insentif kepada syarikat dan pengguna bagi menggalakkan penggunaan bahan mentah kenaf dan produk kenaf. • Membangunkan <i>vendor bumiputera</i> dalam perusahaan kenaf.



Menggalakkan kontrak perladangan dan kontrak pemasaran

Prospek Industri Kenaf

i. Kos Pelaburan Industri (2014-2025)

- Kerajaan- Jumlah: RM316 juta
- Syarikat Swasta- Jumlah: RM328 juta
- Jumlah-RM644 juta

ii. Nilai Ekonomi

- Nilai Industri pada 2025 RM277.8 juta
- GNI pada 2025 RM374 juta
- Nilai Kumulatif Industri (2014-2025) RM1.6 bilion

iii. Faedah Ekonomi

- Peluang Keusahawanan 597 usahawan kenaf pada 2025
- Peluang Pekerjaan - 1,723 di CPL pada 2025
- Pembasmian Kemiskinan dengan pendapatan petani sebanyak RM6,066 sebulan pada 2025
- Pembangunan Luar Bandar - 7,975 hektar semusim @ 13,944 hek. (2 musim) pada 2025



INDUSTRI LADA

A series of thin, white diagonal lines spanning the width of the page, positioned below the main title.



INDUSTRI LADA

PENGENALAN

MPIC menerusi Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah menerajui industri lada negara sejak beberapa dekad lalu dan menjadikan Malaysia antara negara pengeluar utama lada dunia. Produk lada berkualiti keluaran Malaysia yang lebih dikenali di pasaran dunia sebagai *Sarawak Pepper* telah memperolehi pengiktirafan *Geographical Indication* (GI) daripada *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO). Pengiktirafan GI ini menjadikan lada keluaran negara sebagai produk yang diyakini, berkualiti dan berimej tinggi di pasaran dunia. Lada keluaran negara kini telah menembusi pasaran di lebih 50 buah negara termasuk Jepun, China, Taiwan, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah.

Pada masa ini, dianggarkan seramai 67,220 pekebun kecil mengusahakan tanaman lada di seluruh negara yang membabitkan kawasan tanaman seluas 16,021 hektar di

Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Hampir 98 peratus daripada kawasan tanaman tersebut terletak di Sarawak yang keseluruhannya diusahakan oleh pekebun kecil. Manakala di Sabah dan Semenanjung pula, tanaman ini diusahakan secara komersial oleh pekebun kecil dan syarikat swasta.

Dari segi pengeluaran lada, Malaysia masih kekal di tangga kelima dengan Vietnam masih mendahului negara lain mengeluarkan kira-kira 125,000 tan metrik lada setahun, diikuti Indonesia, India dan Brazil. Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran lada Malaysia meningkat sebanyak 1,000 tan metrik atau 3.8% daripada 26,500 tan metrik pada tahun 2013 kepada 27,500 tan metrik pada tahun 2014.

16,021 hektar
tanaman di Sarawak, Sabah & Semenanjung



Pengeluaran Lada Dunia bagi Tahun 2013 & 2014

Bil	Negara Pengeluar	Pengeluaran Lada (Tan)	
		2013	2014
1	Vietnam	122,000	125,000
2	Indonesia	37,000	37,000
3	India	52,000	52,000
4	Brazil	35,000	35,000
5	Malaysia	26,500	27,500
6	Sri Lanka	28,000	19,200
7	Lain-lain	40,300	40,500
	Jumlah	379,000	336,200

Sumber: Lembaga Lada Malaysia


Produk lada keluaran Malaysia yang dieksport di pasaran antarabangsa melalui proses penggredan yang sangat ketat bagi mengesahkan tahap kualiti yang tinggi agar sentiasa menepati piawaian antarabangsa. Sebagai peneraju pembangunan industri lada negara, pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan pengawalan kualiti dan keselamatan produk lada. Bagi tujuan ini, Pensijilan *Hazard Analysis Critical Control Points* (HACCP) telah diperolehi sejak tahun 2010 bagi Loji Rawatan Stim Lada di MPB Kuching, Sarawak. Beberapa pengiktirafan pengurusan kualiti juga telah diperolehi seperti MS ISO 9001:2008 bagi Perkhidmatan Penggredan dan Pensijilan Lada, MS ISO 9001:2008 untuk Pembelian Lada Setempat dan MS ISO/IEC 17025:2005 bagi perkhidmatan makmal. Selain itu, produk lada negara turut diperakukan dengan pensijilan HALAL. Pengiktirafan ini telah menjadi prasyarat penting dalam pemasaran lada pada masa ini bagi mematuhi kualiti kawalan makanan yang dikehendaki oleh pembeli serta pengguna domestik dan antarabangsa.

KELUASAN KAWASAN TANAMAN

Keluasan tanaman lada sehingga tahun 2014 adalah 16,021 hektar iaitu peningkatan sebanyak 6% berbanding 15,130 hektar pada tahun 2013. Usaha peluasan tanaman lada di seluruh negara giat dilakukan melalui Program Pembangunan Industri Lada (PIL) dan Program Bantuan Tanaman Baru Komoditi Lada bertujuan untuk menggalakkan pengeluaran dan meningkatkan produktiviti lada negara.

Bil	Kawasan	Keluasan Tanaman (Hektar)	
		2013	2014
1	Sarawak	14,909	15,792
2	Sabah	36	38
3	Semenanjung	185	191
	Jumlah Keseluruhan	15,130	16,021

Sumber: Lembaga Lada Malaysia



Program Pembangunan Tanaman Lada Bagi Tahun 2013-2014

Bil	Kawasan	2013		2014	
		Keluasan (Hektar)	Bilangan Pekebun Dibantu (Orang)	Keluasan (Hektar)	Bilangan Pekebun Dibantu (Orang)
1	Pembangunan Industri Lada (PIL)				
	a) Skim Tanaman Baru	468	4,518	560	5,600
	b) Skim Baik Pulih	275	1,561	1,073	5,365
2	Bantuan Tanaman Baru Komoditi Lada (<i>One-Off</i>)	320	769	304	1,009
	Jumlah Keseluruhan	1,063	6,848	1,937	11,974
	Keluasan Tanaman Lada	15,130		16,021	

Sumber: Lembaga Lada Malaysia

Bagi tahun 2014, bilangan pekebun yang menerima bantuan Skim Tanaman Baru dan Skim Baik Pulih bertambah sebanyak 75% iaitu daripada 6,848 orang pada tahun 2013 kepada 11,974 orang pada tahun 2014. Keluasan kebun lada yang mendapat bantuan juga turut bertambah sebanyak 82% iaitu daripada 1,063 hektar pada tahun 2013 kepada 1,937 hektar pada tahun 2014. Peningkatan ini disebabkan pertambahan peruntukan pembangunan di bawah program PIL yang diterima pada tahun 2014.





YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas sedang memeriksa hasil tuaian lada di kebun milik Encik Seow Chee Lian sempena lawatan kerja ke projek tanaman lada di Mawai, Kota Tinggi, Johor.

Kebun tanaman lada di bawah Program Pembangunan Industri Lada (PIL) bagi Skim Baik Pulih di Bintangor, Sarawak.



YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas memetik buah lada di kebun milik Encik Seow Chee Lian di Johor.

TREN HARGA PASARAN

Pasaran lada dunia terus menunjukkan pengukuhan harga yang berterusan sepanjang tahun 2014. Di pasaran New York, harga lada hitam telah dibuka pada paras USD8,500/tan dan USD12,680/tan untuk lada putih dan telah ditutup pada paras yang sama untuk lada hitam dan putih. Manakala, di pasaran tempatan pula, harga lada yang dibuka pada paras RM19,600/tan bagi lada hitam dan RM29,000/tan bagi lada putih pada awal tahun. Harga pasaran tempatan telah ditutup pada paras RM28,000/tan bagi lada hitam dan RM38,000/tan bagi lada putih pada akhir tahun.

Program Pembangunan Tanaman Lada Bagi Tahun 2013-2014

Bil	Pasaran	2013		2014	
		Harga Dibuka	Harga Dibuka	Harga Dibuka	Harga Ditutup
1	Dunia (New York)				
	i) Lada Hitam	USD 7,166/tan	USD 8,600/tan	USD 8,500/tan	USD 8,500/tan
	ii) Lada Putih	USD 9,812/tan	USD 11,355/tan	USD 12,680/tan	USD 12,680/tan
2	Tempatan				
	i) Lada Hitam	RM16,300/tan	RM19,600/tan	RM19,600/tan	RM28,000/tan
	ii) Lada Putih	RM25,000/tan	RM29,000/tan	RM29,000/tan	RM38,000/tan

Sumber: Lembaga Lada Malaysia

Harga premium yang dibayar kepada pekebun telah meningkat sebanyak 97.9% bagi lada hitam dan meningkat sebanyak 17.9% bagi lada putih kepada RM2,889/tan dan RM3,826/tan masing-masing untuk lada hitam dan lada putih berbanding harga pasaran. Peningkatan premium bagi lada hitam adalah kerana peningkatan pembelian bahan mentah, manakala peningkatan premium untuk lada putih adalah kerana peningkatan pembelian Lada Putih Krim (LPK) dan Lada Berkualiti Eksport (LBE).

Penggunaan lada dalam negeri meningkat sebanyak 0.73% iaitu daripada 9,480 tan pada tahun 2013 kepada 9,550 tan pada tahun 2014. Peratusan penggunaan dalam negeri berbanding pengeluaran adalah menurun daripada 35.8% pada tahun 2013 kepada 34.7% pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, peningkatan penggunaan lada dalam negeri yang kebanyakannya di dalam sektor pemprosesan makanan telah menunjukkan aktiviti tambah nilai negara telah meningkat.



9,550 tan
penggunaan lada dalam negeri

PRESTASI EKSPORT

Jumlah eksport bagi tahun 2014 ialah sebanyak 13,429 tan iaitu peningkatan sebanyak 11% daripada 12,105 tan pada tahun 2013. Nilai eksport tersebut dianggarkan sebanyak RM404.6 juta iaitu peningkatan sebanyak 48% berbanding RM273.3 juta pada tahun 2013. Peningkatan eksport ini adalah kerana permintaan lada dunia yang semakin meningkat disebabkan oleh kekurangan bekalan lada di pasaran dunia akibat penurunan pengeluaran lada utama dunia seperti Indonesia dan India.

Pada tempoh yang sama, harga yang tinggi telah memberi galakan kepada pekebun untuk menjual stok lebih daripada tahun 2013 serta permintaan ke atas produk tambah nilai seperti lada disteril, serbuk dan lada putih krim yang turut mendapat sambutan dan mempunyai pasaran khusus *niche market* terutamanya di pasaran negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Korea Selatan. Selain itu, permintaan terhadap produk premium dan juga kontrak yang tidak dapat ditunai oleh negara pengeluar lain turut mendorong pembeli untuk merujuk kepada bekalan lada di Malaysia.


Kestabilan harga lada hitam di paras purata RM22,516 bagi setiap tan bagi tahun 2014 berbanding RM16,668 bagi setiap tan dalam tempoh yang sama pada tahun 2013 juga menjadi faktor peningkatan pendapatan eksport lada. Destinasi utama pasaran lada Malaysia ialah Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Singapura dan China.

Eksport lada Malaysia Bagi Tahun 2013 dan 2014.

Bil	Destinasi Eksport	2013		2014	
		Kuantiti (Tan)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (Tan)	Nilai (RM juta)
1	Jepun	3,023	79.3	3,275	111.6
2	Taiwan	1,776	32.9	1,915	47.0
3	Singapura	1,587	31.9	2,136	55.4
4	Korea Selatan	1,245	27.7	774	24.1
5	China	1,252	28.0	2,647	82.5
6	Vietnam	450	9.5	625	20.6
7	Sweden	75	2.7	75	3.0
8	Indonesia	570	13.0	166	5.1
9	Belanda	208	4.4	54	1.7
10	Hong Kong	396	9.7	373	12.5
11	Jerman	267	6.9	365	13.2
12	Sepanyol	201	4.8	215	6.6
13	UK	3	0.1	2	0.10
14	Amerika Syarikat	193	4.8	112	3.3
15	Perancis	14	0.4	112	0.48
16	Negara lain	846	17.3	583	17.6
Jumlah		12,105	273	13,429	405

Sumber: Lembaga Lada Malaysia & International Pepper Community

INOVASI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



Tanaman *Peuraria phaseoloides* digunakan sebagai tumbuhan penutup bumi bagi menambahbaik sifat-sifat tanah selain mengawal rumput di kebun lada

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 12 inovasi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah dihasilkan oleh MPIC melalui MPB yang merangkumi biologi molekul, kultur tisu, pembiakkan tumbuhan, kawalan penyakit dan perosak, agronomi dan biokimia seperti berikut:

- i Penghasilan baja biokimia yang telah dilancarkan pada 23 Mei 2014 sempena Pameran *Pepper Day* 2014 di Kulai Jaya, Johor Bahru;
- ii. Penubuhan pangkalan data genetik lada dengan 316,715 *unigenes*;
- iii. Penemuan 1,258 *partial* gen rintangan pada spesies lada;
- iv. Penubuhan 12 *cDNA libraries* dan pelaksanaan penjujukan *transcriptome* bagi tiga jenis varieti *Piper nigrum* L.;
- v. Pembangunan formulasi krim pemutih lada dan *pepper lip balm with vitamin E*;
- vi. Penentuan empat formulasi *biopesticide* yang berpotensi di peringkat makmal;
- vii. Penghasilan 50 anak benih hibrid yang berpotensi pada peringkat penilaian makmal;
- viii. Penghasilan pakej teknologi untuk inovasi penanaman lada secara Konfigurasi-W;
- ix. Pengenalpastian potensi *Peuraria phaseoloides* dalam penambahbaikan sifat-sifat tanah di samping mengawal pertumbuhan rumput-rumput;
- x. Pengenalpastian hasil pengekstrakan buah lada hitam dalam menggalakkan aktiviti migrasi sel/penyembuhan luka;
- xi. Pelaksanaan *magnetic bead selective hybridization* untuk membangunkan penanda mikrosatelit bagi lada hitam; dan
- xii. Penerbitan enam kertas penyelidikan oleh para penyelidik MPB.



Memorandum Perjanjian (MoA) mengenai *Pepper Germplasm Maintenance and Exploitation* di antara MPB dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) yang telah dimeteraikan pada 24 Oktober 2014.

Majlis Penyerahan MoA di antara MPB dan JPS sempena program Hello Komoditi di Sarawak.

KERJASAMA SERANTAU

Dari 27-30 Oktober 2014, Ketua Pengarah MPB telah mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat *International Pepper Community* (IPC) ke-42 di Bandar Ho Chi Minh, Vietnam. IPC merupakan sebuah organisasi yang telah ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah naungan *United Nations Economics and Social Commission for Asia and the Pacific* (UN-ESCAP). IPC terdiri daripada enam negara pengeluar lada utama dunia sebagai ahli penuh iaitu Brazil, India, Indonesia, Malaysia, Sri Lanka dan Vietnam. Manakala, Papua New Guinea dan Provinsi Hainan merupakan ahli bersekutu. Mesyuarat IPC diadakan setiap tahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan perkembangan industri lada dan ia diadakan di negara ahli secara bergiliran.

Encik Suboh Anak Bakak (lima dari kanan), pekebun kecil dari Sarawak telah menerima anugerah Pekebun Lada Terbaik bagi IPC Award 2013 di Bandar Ho Chi Minh, Vietnam pada 27 Oktober 2014.



PROMOSI DAN PUBLISITI

Program khusus bagi komoditi lada iaitu *Pepper Day 2014* telah diadakan di AEON Mall, Kulaijaya, Johor Bahru pada 24 Mei 2014. Program ini merupakan aktiviti tahunan bagi komoditi lada sebagai usaha untuk menyebarkan maklumat dan memberi pendedahan kepada orang awam mengenai aktiviti-aktiviti industri komoditi lada dan mempromosi penggunaan produk-produk berasaskan lada kepada orang awam. Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dan berjaya menarik minat para pengunjung khususnya yang datang bersama keluarga untuk menyertai setiap aktiviti yang dianjurkan.

Majlis perasmian *Pepper Day 2014* oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi di Kulaijaya, Johor Bahru.



Produk-produk berasaskan lada jenama SaraSpice yang merupakan jenama dagangan runcit milik MPB bagi pasaran tempatan.



Pelancaran Baja Bio Kimia oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas sempena Perasmian *Pepper Day 2014*.

ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN	CADANGAN PENYELESAIAN
Peningkatan Kos Pengeluaran	Peningkatan harga input pertanian seperti baja, racun dan dolomit di pasaran menyebabkan kebanyakan pekebun tidak mampu membeli input pertanian tersebut. Kos pengeluaran dan penyelenggaraan kebun yang terus meningkat menyebabkan produktiviti kebun tanaman lada terjejas. Usaha membantu pekebun lada dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan melalui bantuan galakan pengeluaran lada berkualiti tinggi dan mempunyai harga tinggi seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE) dan Lada Putih Krim (LPK).
Kawalan Penyakit dan Makhluk Perosak	Serangan penyakit dan makhluk perosak terhadap tanaman lada merupakan antara faktor utama yang turut mempengaruhi pengeluaran dan produktiviti kebun lada. Pelbagai kajian ke atas penyakit utama lada seperti penyakit reput akar (<i>foot root</i>) telah dijalankan dan kerjasama penyelidikan di peringkat antarabangsa melalui IPC juga dilaksanakan. Usaha R&D bagi pembangunan variasi lada yang tahan penyakit dan perosak terus dipergiat bagi memastikan produktiviti tanaman lada terus meningkat.
Kekurangan Bekalan Keratan Lada	Bahan tanaman berkualiti seperti keratan lada masih kurang dan tidak dapat menampung permintaan industri penanaman lada dalam negara. Pengeluaran keratan lada yang bermutu oleh pengusaha-pengusaha tapak semaian lada masih tidak mampu menampung permintaan semasa. Usaha untuk meningkatkan pengeluaran keratan lada yang berkualiti dipergiatkan melalui galakan pengeluaran keratan lada secara komersial seperti ladang peneraju dan bantuan <i>source plot</i> pekebun lada.
Kos Tiang Sokongan	Tiang sokongan daripada kayu belian (<i>Eusideroxylon zwagen</i>) yang semakin berkurangan. Walaupun masih terdapat di pasaran, ia dijual dengan harga yang sangat tinggi. Penyelidikan berterusan dilakukan bagi mengenalpasti teknik tanaman dan kaedah alternatif terbaik menggantikan tiang sokongan belian seperti menggunakan tiang sokongan hidup.
Taburan Lokasi Kebun yang Berselerak	Lokasi kebun yang berselerak dan berjauhan antara satu sama lain menyukarkan usaha-usaha penyaluran bantuan serta khidmat nasihat secara menyeluruh. Keadaan ini akan melambatkan usaha untuk memastikan semua pekebun lada mendapat manfaat serta diberi bimbingan dan latihan sewajarnya. Walaubagaimanapun, usaha terus dijalankan dengan mengadakan lebih banyak latihan kepada pekebun melalui perkhidmatan pengembangan sedia ada di samping mengadakan inisiatif penanaman lada secara berkelompok.



Pokok dan akar lada yang diserang penyakit reput akar *Fusarium*.



Tapak semaian lada di Kampung Tinatuan, Ranau, Sabah.

Penggunaan tiang sokongan belian di sebuah kebun lada di Serian, Sarawak.



PROSPEK INDUSTRI LADA

Pasaran lada di peringkat antarabangsa diramalkan meningkat berikutan perkembangan yang positif dalam industri pemprosesan makanan terutamanya negara yang pesat membangun seperti India dan China. Harga lada akan terus kukuh dalam jangka masa sederhana dan ini membolehkan pengusaha lada meraih pendapatan yang lebih tinggi. Permintaan lada oleh negara-negara seperti India dan China akan terus meningkat seiring dengan peningkatan taraf hidup. Penggunaan lada di pasaran tempatan dijangka meningkat dari 9,550 tan pada tahun 2014 kepada 19,000 tan menjelang tahun 2020.

Pembangunan produk tambah nilai lada untuk mempelbagaikan kegunaan lada menjurus ke arah peningkatan pulangan hasil. Permintaan ke atas produk tambah nilai yang dihasilkan seperti lada yang steril, lada serbuk dan lada putih berkrim mendapat sambutan dan mempunyai pasaran terkhusus (*niche market*) terutamanya di negara-negara maju seperti Eropah, Jepun dan Korea Selatan. Kawasan tanaman lada dijangka mencapai 20,110 hektar menjelang tahun 2020. Keluasan ini akan menghasilkan pengeluaran 42,000 tan setahun dengan nilai eksport dianggarkan sebanyak RM522 juta pada tahun 2020.

Unjuran Industri Lada Bagi Tahun 2015 dan 2020

Perkara	Tahun	
	2015	2020
Keluasan (Hektar)	16,300	20,110
Pengeluaran (Tan)	28,500	42,000
Produktiviti (kg/Hektar)	5,400	6,400
Eksport		
i. Kuantiti (Tan)	14,500	22,700
ii. Nilai (RM Juta)	415	522
Penggunaan Dalam Negeri (Tan)	12,800	19,000

Sumber: Lembaga Lada Malaysia

INDUSTRI SAGU

A series of thin, parallel, light-colored diagonal lines spanning the width of the page, positioned below the main title.



INDUSTRI SAGU



PENGENALAN

Permintaan kanji dunia yang tinggi menjadikan harga sago sentiasa meningkat di pasaran. Harga satu tan metrik tepung sago yang hanya RM818 pada tahun 2000 telah meningkat kepada RM1,800 pada tahun 2014. Permintaan kanji dunia dijangka mencecah 50 juta tan metrik setahun dan berkembang sebanyak 7.7% setahun.

Sagu adalah tumbuhan mesra alam dan bertindak sebagai penyerap karbon bagi menangani isu pemanasan global. *Food and Agriculture Organisation* (FAO) telah mengiktiraf sago sebagai tanaman jaminan berdasarkan keupayaan pokok sago menghasilkan kanji dan tinggi daya tahan terhadap perubahan cuaca melampau.



RM1,800

Harga bagi satu tan metrik pada tahun 2014

KELUASAN KAWASAN TANAMAN

Sehingga Disember 2014, hampir keseluruhan tanaman sagu di Malaysia tertumpu di negeri Sarawak dengan keluasan 53,200 hektar. Industri sagu Sarawak bergantung sepenuhnya kepada bekalan keratan batang sagu daripada pekebun kecil, yang turut merupakan kumpulan pengusaha tanaman sagu terbesar.

Terdapat 9 buah kilang sagu di Sarawak, iaitu 8 buah kilang terletak di kawasan Dalat dan Mukah, manakala sebuah lagi kilang terletak di Pusa. Kapasiti pengeluaran kilang-kilang ini ialah 13.5 tan sejam dan berupaya menghasilkan kanji sebanyak 4,250 tan sebulan. Keperluan semasa kilang-kilang di bahagian Mukah adalah sebanyak 360,000 batang sagu setahun.

Keluasan Kawasan Tanaman Sagu di Sarawak Tahun 2014

Estet/Pekebun Kecil	KELUASAN KAWASAN (HEKTAR)
Estet Sagu Mukah	910
Estet Sagu Dalat	2,682
Estet Sagu Sebakong	1,560
Program Pembangunan Estet Satelit Pekebun Kecil (SSSED)	4,148
Pekebun Kecil	43,000
JUMLAH	53,200

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia / PELITA

Harga pasaran semasa kanji sagu yang merupakan produk utama komoditi ini ialah sekitar RM2,000 per tan dan mampu meningkat kepada RM3,000 sehingga RM10,000 per tan bagi kanji sagu yang telah diubahsuai. Harga pasaran yang tinggi ini merupakan peningkatan yang amat positif berbanding hanya RM140 per tan pada 1970-an.

Tren Harga Pasaran 2014

Bil.	Bulan	Produktiviti (Tan)	RM/tan	Jumlah (RM juta)
1.	Januari	3,762.066	1,000.00	3.762
2.	Februari	3,595.636	1,000.00	3.596
3.	Mac	3,725.855	1,000.00	3.726
4.	April	5,207.278	1,000.00	5.207
5.	Mei	4,337.932	1,000.00	4.338
6.	Jun	4,201.713	1,698.15	7.135
7.	Julai	3,876.208	1,660.15	6.435
8.	Ogos	3,886.274	1,716.64	6.671
9.	September	3,179.884	1,683.82	5.354
10.	Oktober	3,825.608	1,710.51	6.544
11.	November	3,821.753	1,690.61	6.461
12.	Disember	3,535.460	2,029.25	7.174
Jumlah Keseluruhan		46,955.667	17,189.13	66.403

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI EKSPORT SAGU

Tren Harga Pasaran Sagu bagi Tahun 2014



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada tahun 2014, jumlah eksport sagu adalah sebanyak 46,956 tan kanji dengan nilai eksport sebanyak RM66.40 juta. Walaubagaimanapun, nilai eksport ini adalah lebih rendah berbanding tahun 2013 di mana jumlah eskport adalah sebanyak 48,289 tan kanji dengan nilai eksport mencecah RM71.07 juta. Destinasi eksport sagu adalah ke negara-negara seperti Jepun, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Prestasi Eksport Sagu Bagi Tahun 2014

Destinasi Eksport	Kuantiti (Tan)	Nilai (RM)	Harga/Tan (RM/Tan)
Malaysia	28939.91	40,461,702.00	1,398.13
Jepun	12904.00	17,405,516.00	1,348.85
Singapura	2688.00	4,542,402.00	1,689.88
Thailand	1334.00	2,184,604.00	1,637.63
Vietnam	824.00	1,462,400.00	1,774.76
Sabah	199.76	253,537.00	1,269.20
Filipina	44.00	71,628.00	1,627.91
China	22.00	22,000.00	1,000.00
Jumlah	4,695,566	66,403,789.00	1,414.18

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Eksport Sagu Mengikut Destinasi Utama Bagi Tahun 2014



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SAGU

Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Craun Research Sdn. Bhd. telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tanaman sagu. Selain itu, di Semenanjung Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga mengadakan penyelidikan tanaman sagu di Stesen Penyelidikan Sagu Penor, Kuantan, Pahang. Antara penyelidikan tanaman sagu yang dijalankan di stesen ini merangkumi aspek mekanisasi ladang, fisiologi tanaman sagu dan tisu kultur.

ISU DAN CABARAN


Pembangunan industri sagu di Malaysia turut menghadapi pelbagai cabaran antaranya ialah prasarana ladang yang tidak sempurna, penyelenggaraan ladang yang kurang baik serta harga batang sagu (keratan sagu) yang tidak selaras mengikut kawasan. Masalah dari segi pemprosesan sagu juga masih wujud kerana kebiasaannya kilang memproses kanji terletak di pinggir sungai.

Ketiadaan badan khas bagi mengkoordinasi pembangunan industri sagu merupakan faktor yang menghalang perkembangan industri sagu negara. Sehubungan itu, perlu ada sebuah institusi tertentu bagi mengawal selia pembangunan industri sagu negara.

PROSPEK INDUSTRI SAGU

Permintaan kanji dunia dijangka berkembang pada kadar 7.7 peratus atau 3.85 juta tan setahun. Pada tahun 2020, keluasan tanaman sago di Malaysia disasarkan meningkat kepada 59,655 ribu hektar dengan pengeluaran kanji sago sebanyak 120,000 tan setahun.

Harga kanji sago yang lebih kompetitif dan konsisten berbanding harga kanji dari sumber lain menjadikan sago sebagai satu sumber alternatif yang berdaya maju dalam penghasilan kanji. Perkembangan permintaan kanji dunia yang meningkat mewujudkan peluang bagi Malaysia memajukan industri sago pada skala yang lebih besar.



Keratan Batang Sagu yang sedia untuk diproses di kilang sago



Tapak Semaian Sagu bagi Projek SSSED



Benih tisu kultur Sagu



Nurseri Rakit Sagu



INDUSTRI BIOBAHAN API






INDUSTRI BIOBAHAN API

PENGENALAN



Apa itu Biobahan Api?

Bahan api alternatif yang digunakan sebagai pengganti diesel petroleum. Ia merujuk kepada ester metil asid lemak yang dihasilkan daripada minyak sayuran dan lemak haiwan melalui proses kimia. Contohnya; biodiesel yang dihasilkan daripada minyak sawit dikenali sebagai biodiesel sawit.



2006

**Dasar Biobahan Api Negara
diperkenalkan**

OBJEKTIF DAN FUNGSI UTAMA BAHAGIAN BIOBAHAN API


Objektif

Bagi melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 agar industri ini berdaya saing dan terus menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Fungsi utama


1. Mengkaji dan merangka dasar berkaitan industri biobahan api, termasuk mengkaji semula perundangan dan peraturan yang berkaitan dengan industri biobahan api dari semasa ke semasa;
2. Mengawal selia industri biobahan api, terutamanya melaksanakan penguatkuasaan yang melibatkan aspek-aspek termasuk pemeriksaan, penyiasatan, perisikan dan pendakwaan;
3. Membangunkan pangkalan data hasil maklumat yang diperolehi daripada pelesenan semua aktiviti yang dilesenkan;
4. Mendaftar dan mengeluarkan lesen bagi aktiviti berkaitan biobahan api; dan
5. Menggalakkan pembangunan industri biobahan api, termasuk memberi khidmat nasihat kepada individu atau organisasi yang akan menceburkan diri dalam industri biobahan api.

Pada tahun 2006, Dasar Biobahan Api Negara (DBN 2006) telah dilancarkan bagi mengembangkan potensi penggunaan biobahan api berasaskan sawit berlandaskan lima (5) teras strategik berikut:




Dasar Biobahan Api Negara 2006

Dasar ini menjadi pelengkap kepada dasar-dasar berkaitan tenaga boleh baharu lain kerajaan seperti Dasar Kepelbagaian Lima Bahan Api (Five-Fuel Diversification Policy) *Renewable Energy Policy and Action Plan* (REPAP) dan Dasar Teknologi Hijau Negara. Objektif utama dasar ini ialah untuk memanfaatkan sumber tenaga yang mesra alam, mampan dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan bakar fosil.




Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 (Akta 666)

Untuk memperkukuh pelaksanaan DBN 2006, Kerajaan pada tahun 2007 telah menggubal Akta Industri Biobahan Api Malaysia (Akta 666) yang merupakan instrumen perundangan bagi menyelaraskan pelesenan serta mengawalselia industri biobahan api negara mulai 1 Ogos 2008.




PROSES PENGHASILAN BIODISEL SAWIT



Pokok Kelapa Sawit



Buah Tandan Segar



Kilang Sawit



Minyak Sawit Mentah (CPO)



Kilang Penapis Sawit



Refined, bleached & deodorised palm oil (RBDPO)



Stesen Minyak



Biodiesel



Depot Petroleum



Palm Methyl Ester (PME)



Loji Biodiesel Sawit

PROGRAM ADUNAN BODIESEL DENGAN DIESEL PETROLEUM

B5

- Pelaksanaan Program B5 bagi Semenanjung Malaysia telah bermula pada Jun 2011. Ia telah sempurna dilaksanakan di Wilayah Timur yang meliputi Pahang, Terengganu dan Kelantan serta di Wilayah Utara yang meliputi Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis pada Mac 2014.

B7

- Kerajaan pada 17 Oktober 2014 telah bersetuju supaya Program B5 ditingkatkan kepada B7 secara berfasa melibatkan sektor bersubsidi. Pelaksanaannya telah dimulakan di Semenanjung pada November 2014 dan diikuti dengan Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai Disember 2014.
- Pelaksanaan Program B7 bagi sektor bersubsidi telah membantu meningkatkan keperluan biodiesel sawit sebanyak 575,000 tan setahun. Ini akan membolehkan lebih banyak kilang-kilang biodiesel beroperasi.
- Pada masa ini, hanya 22 kilang biodiesel beroperasi berbanding dengan 37 kilang yang telah dibina. Di samping itu, Kerajaan dapat menjimatkan penggunaan diesel petroleum sebanyak 670 juta liter setahun yang diimport dari luar negara.

B10

- Di samping melaksanakan program percubaan B10 yang melibatkan kenderaan-kenderaan kerajaan dan swasta seperti MPOB, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Alam Flora Sdn. Bhd., MPIC dan MPOB telah memperkenalkan Skim Insentif Biodiesel Sawit (SIBS) dengan dana sebanyak RM3 juta.
- Skim ini bertujuan untuk menggalakkan pihak industri menggunakan biodiesel sawit yang diadun dengan diesel fosil (melebihi adunan B10) dengan insentif sebanyak RM300 setan bagi penggunaan 10,000 tan biodiesel sawit.
- Skim ini telah berjaya menarik penyertaan 14 syarikat dengan anggaran penggunaan biobahan api sawit sebanyak 6,920 metrik tan. Data daripada penggunaan secara percubaan B10 untuk program SIBS, kenderaan Kerajaan dan swasta ini akan digunakan bagi menyokong pelaksanaan Program B10 pada masa hadapan.



Taburan kemudahan pengadunan, stesen minyak dan penggunaan biodiesel

BIL.	WILAYAH	DEPOH	STESEN MINYAK	PENGGUNAAN BIODIESEL
1.	TENGAH	6	1,150	189,460
2.	SELATAN	3	415	81,733
3.	TIMUR	4	478	66,579
4.	UTARA	7	789	101,390
5.	SARAWAK	5	186	71,962
6.	SABAH	8	175	65,151
7.	LABUAN	2	5	572
	JUMLAH	35	3,198	576,847

Peraturan mandatori dan Penguatkuasaan

- **Pewartaan Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Peratusan Adunan dan Penggunaan Mandatori) 2014**

Sebagai pelengkap kepada pelaksanaan Program B7, Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Peratusan Adunan dan Penggunaan Mandatori) 2014 telah diwartakan pada 27 November 2014. Pewartaan peraturan ini bertujuan mengawalselia penggunaan mandatori B7 di sektor bersubsidi.

- **Penguatkuasaan biobahan api**

Unit Pelesenan dan Penguatkuasaan Bahagian Biobahan Api telah melaksanakan 80 lawatan bagi pemegang lesen sedia ada dan permohonan baru bagi memastikan pematuhan ke atas keperluan Akta 666 dan Peraturan-Peraturan Pelesenan sepanjang tahun 2014.



Semakan standards MS2008:2014, MS123-1:2014 dan MS123-2:2014

Selaras dengan hasrat kementerian untuk memastikan kualiti biodiesel sawit/*Palm Methyl Ester* (PME) yang dihasilkan bagi Program B7 mematuhi standard antarabangsa, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Standard Malaysia (DSM) telah membuat semakan terhadap standard biodiesel dan diesel sedia ada iaitu:

MS2008:2014

- *Automotive fuels - Palm Methyl Esters (PME) for diesel engines - Requirements and test methods (First revision)*

MS123-1:2014


- *Diesel fuel - Specification - Part 1 : Euro 2M (Fourth revision)*

MS123-2:2014

- *Diesel fuel - Specification - Part 2: Euro 4M (First revision)*

• Pelesenan Biobahan Api

Bilangan Permohonan Lesen Biobahan Api Tahun 2014



Menjayakan Kumpulan Fokus Perekayasaan Proses Perniagaan (FGBPR)

• Meneruskan inisiatif memudahkan lesen perniagaan

Di bawah inisiatif FGBPR, lesen biobahan api di bawah Akta 666 telah dikurangkan daripada sembilan aktiviti berlesen kepada satu kelas lesen sahaja. Permohonan lesen biobahan api dijangka akan dilaksanakan secara atas talian melalui sistem *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) menjelang pertengahan 2017.

Penyertaan dalam Seminar/Persidangan Biobahan Api

Pada 25-29 Mac 2014, MPIC telah menganjurkan Misi Ekonomi dan Teknikal Sawit, Kayu-Kayan dan Biodiesel ke Colombia dan Brazil yang diketuai oleh Ketua Setiausaha MPIC. Misi ini bertujuan untuk bertukar pandangan dan pengalaman masing-masing dalam pelaksanaan program biodiesel. Hasil daripada misi ini, MPIC berpeluang meninjau dengan lebih dekat pelaksanaan dasar biobahan api di Colombia dan Brazil di samping memperhalusi aspek kawalan kualiti bagi pengeluaran biobahan api di negara-negara tersebut.

MPIC turut menyertai *ASEAN Ministers on Energy Meeting (AMEM)* ke 32 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan pada 22-24 September 2014 di Vientiane, Laos PDR yang bertujuan untuk membincangkan pembangunan dan perkongsian strategik negara-negara ASEAN dalam bidang tenaga, termasuk tenaga boleh baharu yang menjadi fokus utama bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan bakar fosil.

Menangani cabaran dalam pembangunan industri biobahan api

Pelaksanaan program biobahan api di Malaysia adalah strategi serampang dua mata kerajaan dalam membantu mengukuhkan harga CPO melalui peningkatan penggunaan biodiesel sawit sebagai pengganti diesel dan ke arah persekitaran yang lebih bersih. Walaubagaimanapun, di pertengahan jalan, terdapat cabaran-cabaran yang perlu ditangani dengan cermat dan berkesan:

Cabaran

- Harga bahan mentah - biodiesel hanya kompetif pada julat harga petroleum dan minyak sawit mentah tertentu
- *Foods vs fuels* -imbangan antara keperluan makanan dan bahan api
- Kemampanan
- Halangan bukan tarif
- Jaminan enjin oleh pengeluar
- Guna tanah yang terhad
- Penghasilan biobahan api generasi kedua


Langkah-langkah Menangani Cabaran

- Insentif kerajaan
- Memastikan bekalan makanan mencukupi sebelum disalurkan untuk kegunaan bahan api
- Mematuhi piawaian biobahan api yang ditetapkan; cth MSPO & RSPO
- Perbincangan dengan Indonesia, EU dan US bagi menangani halangan bukan tarif
- Mewujudkan mekanisme khusus bagi menampung jaminan enjin yang tidak disediakan pengeluar bagi adunan yang lebih tinggi daripada B7
- Meningkatkan produktiviti tanah
- Memberi fokus kepada R&D & C biobahan api generasi kedua


GALERI BBA



YAB. Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Hj Yaakob, Menteri Besar Pahang melakukan pengisian B7 dengan disaksikan oleh YB. Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi ketika Majlis Pelancaran Penggunaan Biodiesel Sawit di Wilayah Timur, Utara dan Penyempurnaan di Semenanjung, Hotel MS Garden, Kuantan, 18 Mac 2014.



Penggunaan B10 oleh kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)





Program *Farm to Table* di Sime Darby Pulau Carey melibatkan Ahli-ahli Jawatankuasa Pelesenan Biobahan Api, 28 Januari 2014



Pelancaran Penggunaan Biodiesel Sawit di Wilayah Timur, Utara dan Penyempurnaan di Semenanjung, Hotel MS Garden, Kuantan, 18 Mac 2014



Misi Ekonomi dan Teknikal Sawit, Kayu-kayan dan Biodiesel ke
Colombia dan Brazil, 25-29 Mac 2014



Perasmian Kilang Phytonutrien SOP Green Energy Sdn. Bhd. di Bintulu, Sarawak,
22 April 2014



Lawatan Ke Terminal Pengadunan Biodiesel PS Bintulu di Bintulu, Sarawak, 22 April 2014



Mesyuarat Pelaksanaan Program B5 di Sarawak, Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan di Bintulu, Sarawak, 22 April 2014

Sidang Media Pelancaran B7 di *Malaysian Palm Oil Trade & Seminar 2014* (POTS 2014), Shangri La Hotel, Kuala Lumpur, 28 Oktober 2014



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN



COMMODITY INSPIRES ARCHITECTURE




Sumber: Pertandingan Lukisan Komoditi Sempena MICCOS 2013

PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

PENGENALAN

Bertanggungjawab terhadap perancangan strategik sektor-sektor komoditi serta pelan pembangunan jangka panjang MPIC. Pada tahun 2014, industri komoditi mencatatkan kenaikan dari segi pendapatan hasil eksport iaitu daripada RM114.4 bilion pada tahun 2013 kepada RM116.6 bilion. Kenaikan ini antara lain disebabkan harga komoditi, kecuali getah yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Tren Harga Purata Komoditi Terpilih 2010-2014



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

TRANSFORMASI SEKTOR KOMODITI

Retreat Merealisasi Transformasi Sektor Komoditi

Retreat ini telah diadakan pada 13 hingga 15 Februari 2014 dengan dihadiri oleh Anggota Pentadbiran MPIC, Pengurusan MPIC, Agensi dan Majlis. Perkara yang dibincangkan semasa *retreat* tersebut adalah:


- a) Strategi Peningkatan Sumbangan Sektor Komoditi Jangka Panjang (Hulu dan Hilir);
- b) Pengurusan Pekerja Asing Dalam Sektor Perladangan;
- c) Pendekatan Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Menjelang Tahun 2020; dan
- d) Model *Social Safety Net* Bagi Pekebun Kecil (Sektor Getah).

Bengkel Penyediaan Input Rancangan Malaysia Ke-11

Bengkel ini telah diadakan pada 10 hingga 11 Januari 2014 dengan melibatkan pihak industri, persatuan, badan bukan Kerajaan, ahli akademik, dan Kementerian/agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkaitan. Ia merupakan platform terbaik bagi industri komoditi memberi cadangan dan pandangan mengenai hala tuju industri komoditi negara bagi tempoh 2016–2020 terutamanya dari segi perancangan program.

Bengkel Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator-KPI) Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera Sektor Komoditi

Bengkel telah diadakan pada 29 hingga 30 September 2014 bersama dengan agensi. Penganjuran bengkel merupakan susulan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera Bilangan 7 Tahun 2014 yang telah bersetuju agar penetapan KPI agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera sektor komoditi diteliti semula supaya lebih menyeluruh dengan mengambil kira keperluan agenda Nasional yang telah dipersetujui Kerajaan.



LIBAT URUS

Mesyuarat YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama Exco/ Menteri Pertanian Negeri Tahun 2014.

Mesyuarat ini telah diadakan pada 18 Jun 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dengan dihadiri oleh Exco/Menteri Pertanian Negeri. Ia bertujuan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri perladangan dan komoditi serta isu-isu yang melibatkan Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk:

- a) Masalah yang wujud/dihadapi seperti guna tanah pertanian, penempatan industri berasaskan komoditi, pekebun kecil, pembangunan usahawan dan pemasaran;
- b) Perancangan/pelaksanaan program pembangunan industri komoditi; dan
- c) Pemantauan/pencapaian program pembangunan industri komoditi.

Mesyuarat juga telah dimaklumkan mengenai perkara berikut:

- a) Cadangan Mekanisme Mengawal Selia Harga Getah Di Peringkat Ladang;
- b) Pembangunan Industri Kenaf;
- c) Program Pembangunan 2014 Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi;
- d) Pelaksanaan Projek-Projek Permulaan (*Entry Point Projects* - EPP) di bawah NKEA Sawit;
- e) Kemajuan Pelaksanaan EPP, NKEA Getah; dan
- f) Kemajuan Tanaman Lada Dan Insentif Kepada Pekebun Kecil.

PENERBITAN BERKALA

Pada tahun 2014, sebanyak 2 penerbitan telah diterbitkan seperti berikut :

- a) *Statistics on Commodities 2013*

Buku ini adalah mengenai statistik terkini dan prestasi secara keseluruhan sektor perladangan dan komoditi.

- b) *Handbook on Commodities 2014*

Penerbitan ini mengandungi data termasuk maklumat umum tanaman komoditi yang diterbitkan secara berkala setiap suku tahun.





KERJASAMA ANTARABANGSA

Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas

Pada tahun 2014, MPIC terlibat secara aktif dalam beberapa rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) iaitu:

- a) Rundingan Perjanjian FTA di antara Malaysia dan Turki. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 17 April 2014;
- b) Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (*Trans-Pacific Partnership Agreement*) yang melibatkan 12 buah Negara iaitu Australia, Amerika Syarikat, Brunei, Chile, Kanada, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam;
- c) Rundingan *Regional Cooperation Economic Partnership* (RCEP) antara Negara ASEAN dengan Australia, India, Jepun, Korea, China dan New Zealand; dan
- d) *Malaysia-European Free Trade Area* (EFTA) *Economic Partnership Agreement* (MEEPA) yang melibatkan negara Switzerland, Norway, Iceland dan Liechtenstein.

Common Fund for Commodities (CFC)

MPIC terlibat secara aktif dalam mesyuarat-mesyuarat CFC sejak penubuhannya pada tahun 1989. Sebagai ahli CFC, Malaysia telah membuat sumbangan kewangan bagi menyokong pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah CFC.

Mesyuarat *The Governing Council (GC) of the Common Fund for Commodities* (CFC) ke-26 telah diadakan pada 10 hingga 11 Disember 2014 di The Hague, Amsterdam. Perkara utama yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut adalah cadangan Pindaan Perjanjian *Establishing the Common Fund for Commodities* bagi memastikan fungsi CFC kekal relevan mengikut perkembangan semasa.

MISI EKONOMI DAN TEKNIKAL

Sebanyak 6 misi/lawatan kerja ke luar negara telah dianjurkan sepanjang tahun 2014 bagi meneroka peluang-peluang pasaran dan pelaburan serta sumber-sumber import bahan mentah komoditi. Melalui misi/lawatan kerja berkenaan, Malaysia telah dapat memperkukuhkan jaringan perdagangan dan kerjasama dua hala dengan negara berkenaan:

Bil	Tarikh	Negara	Ketua Delegasi	Komoditi
1.	14 - 21 Januari 2014	• Pakistan • Iran	YBM	• Sawit • Kayu Kayan
2.	25 - 29 Mac 2014	• Colombia • Brazil	KSU	• Kayu Kayan • Biodiesel
3.	3 - 12 Jun 2014	• Perancis • Jerman	KSU	• Kayu Kayan • Getah • Koko
4.	25 - 28 Jun 2014	• India	YBM	• Sawit • Getah • Kayu Kayan
5.	11 - 20 September 2014	• China	YBM	• Sawit • Getah • Kayu Kayan
6.	3 - 11 Disember 2014	• Eropah	YBM	• Sawit • Getah • Kayu Kayan

KUNJUNGAN HORMAT

MPIC juga telah menerima beberapa kunjungan hormat daripada delegasi antarabangsa sepanjang tahun 2014. Antara kunjungan hormat yang diterima adalah daripada:

- TYT Maria Auxiliadora, Duta Besar Brazil ke Malaysia pada 11 Mac 2014;
- TYT Rodriego Querubin London, Duta Besar Colombia ke Malaysia pada 14 Mac 2014;
- TYT Makio Miyagawa, Duta Besar Jepun ke Malaysia pada 31 Mac 2014;
- TYT Sharon Dijksma, *State Secretary for Economic Affairs*, Netherlands pada 12 Jun 2014
- TYT Syed Hassan Raza, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia pada 25 September 2014; dan
- TYT M. Daniel Dargent, Duta Besar Belgium ke Malaysia pada 29 Oktober 2014.

PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN KEWANGAN

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan (PPK) terdiri daripada tiga unit utama iaitu Unit Pembangunan, Unit Kewangan dan Unit Pentadbiran. Bahagian ini bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan urusan pembangunan, kewangan dan juga pentadbiran Kementerian bagi memastikan semua urusan tersebut berjalan dengan lancar dan teratur.

FUNGSI

- Menyelaras dan menguruskan peruntukan bajet mengurus dan bajet pembangunan Kementerian;
- Mengelolakan kemudahan keperluan pejabat, kebersihan dan penyelenggaraan di Kementerian;
- Memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian/Agensi;
- Mengurus hal-ehwal perpustakaan;
- Menguruskan perkara berkaitan pentadbiran am;
- Menyelaras dan melaksanakan urusan-urusan berkaitan kewangan dan pentadbiran yang berkaitan;
- Urusetia kepada jawatankuasa berikut:
 - > Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun;
 - > Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan;
 - > Jawatankuasa Pelaksanaan MS ISO 9001:2008;
 - > Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian; dan
 - > Jawatankuasa Perolehan, Tender dan Sebut Harga;
- Menguruskan permohonan pinjaman kenderaan dan komputer kakitangan.

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

Belanja Mengurus

Pada tahun 2014, MPIC diperuntukkan belanja mengurus sebanyak RM1,318,495,000. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1,293,945,000 diperuntukkan di bawah Dasar Sedia Ada, RM500,000 di bawah Dasar Baru dan RM24,050,000 di bawah Dasar *One-Off*.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Objek Am

Kod	Objek Am	Peruntukan (RM)	Peruntukan Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan	
				RM	Peratus (%)
10000	Emolumen	18,125,000	18,143,000.00	16,705,965.96	92.08
20000	Perkhidmatan & Bekalan	29,915,000	25,690,719.20	21,678,434.54	84.38
30000	Aset	0	-	-	-
40000	Pemberian & Kenaan Tetap	1,270,455,000	769,057,800.00	768,574,356.50	99.94
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	3,000.00	2,920.00	97.33
JUMLAH		1,318,495,000	812,894,519.20	806,961,677.00	99.27

Dari segi prestasi perbelanjaan bagi tahun 2014, sebanyak RM806,961,677 atau 99.27% peruntukan telah dibelanjakan.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Objek Am bagi tahun 2013 dan 2014



Belanja Pembangunan

MPIC telah diperuntukan sebanyak RM 713,158,300 pada tahun 2014. Prestasi perbelanjaan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 98%.

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Bagi Tahun 2013 dan 2014



PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-10

Prestasi Pelaksanaan

Pada tahun 2014, sebanyak 52 projek dan program pembangunan telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk dilaksanakan oleh MPIC dan Agensi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat projek di bawah Pejabat MPIC dilaksanakan oleh Agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA), Johor Corporation (JCorp), Craun Research Sdn. Bhd. serta Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak (PELITA).

Prestasi kewangan MPIC telah mencapai 98 peratus perbelanjaan berdasarkan peruntukan untuk tahun 2014.



Lawatan KSU ke projek tanaman lada hitam di Serian, Sarawak.

**Prestasi Perbelanjaan Projek dan Program Pembangunan
Tahun 2014**

Agensi / Program	Bil Projek	Peruntukan	Perbelanjaan	
Pejabat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	8	90,775,000.00	90,775,000.00	100.00%
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	7	34,495,000.00	34,495,000.00	100.00%
Lembaga Getah Malaysia (LGM)	10	61,766,600.00	61,766,600.00	100.00%
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	11	270,386,000.00	256,386,000.00	95%
Lembaga Koko Malaysia (LKM)	12	38,442,200.00	38,441,925.00	99.99%
Lembaga Lada Malaysia (MPB)	9	29,350,000.00	29,350,000.00	100.00%
Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	7	63,943,500.00	53,378,500.00	83.5%
NKEA	4	124,000,000.00	124,000,000.00	100.00%
JUMLAH	68	713,158,300	697,593,025.00	98%

PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-10

Pemantauan Projek

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 11 lawatan tapak telah dilaksanakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian untuk mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi dalam menyempurnakan projek yang diluluskan di samping melihat tahap pencapaian projek tersebut. Hasil pemantauan secara fizikal dan laporan semasa khususnya Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK).


Lawatan Pemantauan Projek oleh Ketua Setiausaha MPIC Tahun 2014

BIL	TARIKH	PROJEK
1.	19 Januari 2014	- Lawatan Tapak ke Kebun Tanaman Baru Lada di Ulu Tiram, Kota Tinggi, Johor - Sesi Taklimat dan Konsultasi Industri Perakayuan di Selangor
2.	20 Februari 2014	Majlis Penyerahan Projek Integrasi Dan Fertigasi LKTN Kepada MOA di Kelantan
3.	24 Februari 2014	Lawatan Kerja Ke Kilang Top Glove di Selangor
4.	23 Mei 2014	Lawatan Kerja Ke Stesen Penyelidikan RRIM Bertempat Di Kota Tinggi, Johor
5.	21 Jun 2014	Lawatan Projek Pembangunan Ke Pusat Pengeluaran Bahan Tanaman Klon Sagu Di Kuching, Sarawak
6.	12 Julai 2014	Lawatan Kerja ke Kilang Pemprosesan Oleochemicals IOI di Johor
7.	11 Ogos 2014	Lawatan ke Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil Persendirian di Sarawak
8.	18 Ogos 2014	Lawatan ke Tapak Semaian Getah LIGS di Sabah
9.	18 Ogos 2014	Lawatan ke Tapak Projek NKEA Getah di Sabah
10.	13 Disember 2014	Tinjauan dan lawatan ke Sesi Penerangan IPG & Pendaftaran PAT di Melaka
11.	31 Disember 2014	Lawatan ke Bilik Operasi IPG MRB di Kuala Lumpur

URUSAN PEMBAYARAN

Secara keseluruhannya, MPIC telah mencapai sasaran 100% bil dibayar dalam tempoh 14 hari sebagaimana ditetapkan.

Perincian Pembayaran Bil-bil untuk Tahun 2014



URUSAN PEROLEHAN

Selaras dengan seruan Kerajaan supaya semua Kementerian melaksanakan *eBidding*, MPIC telah melaksanakan sebut harga menggunakan sistem tersebut.

Perlaksanaan Sebut Harga Secara *eBidding* Tahun 2014

Nama Sebut Harga	Harga Anggaran (RM)	Harga Akhir Bidaan (RM)	Penjimatan (RM)
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Selama Dua (2) Tahun	280,000.00	251,088.00	28,912.00
Membekal Dan Menghantar Toner/Katrij	377,000.00	321,522.00	55,478.00
Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Menyelenggara Perkakasan/Peralatan Ict Tahun 2014 Secara Sewaan Selama Tiga (3) Tahun	1,434,960.00	1,167,998.00	266,962.00
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Selama Dua (2) Tahun	700,000.00	327,992.00	372,008.00
JUMLAH	2,791,960.00	2,068,600.00	723,360.00

Hasil pemantauan secara fizikal dan laporan semasa khususnya Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK).

Penilaian Outcome

Sebanyak dua projek di bawah RMKe-10 yang dikategorikan sebagai Siap Sepenuhnya (SS) telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU, JPM pada tahun 2014. Senarai projek/program dan Agensi Pelaksana adalah seperti berikut:

Projek Pembangunan Di bawah RMKe-10 Bagi Penilaian Outcome

TAJUK PROJEK/PROGRAM	AGENSI PELAKSANA	SILING PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Pemulihan Tanaman Koko Pekebun Kecil Sarawak	Lembaga Koko Malaysia (LKM)	19,030,500	18,800,000
Projek Menaik Taraf Kemudahan Pemprosesan	Lembaga Lada Malaysia (MPB)	6,250,000	6,250,000

Sumber: MPIC

JKPO ICU, JPM telah menilai dan memberi pandangan serta ulasan terhadap pembentangan dan pencapaian outcome projek-projek yang disenaraikan. Kesemua projek yang dibentangkan telah mencapai outcome yang dikategorikan sebagai *Significantly Exceed Target (ST)* dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 83.96%.

Pencapaian Outcome Projek Pembangunan Mengikut Agensi

BIL.	AGENSI	PENCAPAIAN (Peratus)
1.	Lembaga Koko Malaysia	82.08
2.	Lembaga Lada Malaysia	85.83

Sumber: MPIC

PENGURUSAN PENTADBIRAN

Pengurusan Aset

Pada tahun 2014, tiada peruntukan aset yang diperolehi dan tiada pembelian aset yang dibuat pada tahun tersebut.

Tiada Nilai Perolehan Asal aset yang telah dilupuskan bagi tahun 2014. Tiada kehilangan yang dilaporkan sepanjang tahun 2014. Jumlah nilai keseluruhan aset yang terkumpul sehingga tahun 2014 adalah berjumlah RM5,494,273.82 melibatkan 653 unit harta modal dan 3,070 unit inventori.

Prestasi pengurusan stor bagi tahun 2014 dengan kadar pusingan stok tahunan sebanyak 3.57. Nilai keseluruhan stok simpanan sehingga hujung tahun 2014 adalah sebanyak RM181,508.77.

Pengurusan Kualiti

Pelaksanaan dan pencapaian Amalan Persekitaran Berkualiti di MPIC adalah melalui: Pengurusan Rekod

Bagi memastikan pengurusan rekod di MPIC sentiasa teratur dan mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa, MPIC telah memperkemaskan semua urusan berkaitan perkara ini.

Pengurusan Penerimaan dan Pendaftaran Surat-Menyurat

Sebanyak 16,560 surat menyurat telah diterima, didaftar dan diedarkan ke Bahagian-Bahagian bagi tahun 2014. Secara puratanya dalam sehari sebanyak 60 surat menyurat yang diterima dan didaftarkan.

Pengurusan dan Pelupusan Fail

Purata sebanyak 23 buah fail baru telah dibuka dan diedarkan kepada pemohon dalam masa satu hari bekerja. Manakala sebanyak 6138 fail yang masih aktif telah diasingkan mengikut kategori. Tindakan pengasingan, penyenaraian, penilaian dan pelupusan pula telah dilakukan melibatkan 3,593 fail terbuka dan terperingkat yang telah tamat tindakan dan tidak aktif. Sebanyak 189 fail dikenalpasti untuk dilupuskan sehingga akhir tahun 2014.

Latihan

Bengkel dan khidmat nasihat berkaitan pengurusan rekod telah diadakan seperti berikut:

Program Pengurusan Rekod MPIC

Bil	Program	Tarikh	Lokasi
1.	Kursus Keselamatan Perlindungan	17 hingga 19 Mac 2014	Melaka
2.	Seminar Pelupusan Rekod Elektronik	15 April 2014	Arkib Negara Malaysia
3.	Taklimat Pengendalian Dokumen Rasmi	20 Mei 2014	MPIC
4.	Taklimat Pengurusan Rekod MPIC	3 hingga 4 Disember 2014	MPIC
5.	Taklimat/ Kursus Pengurusan Rekod Anjuran KPDNKK	12 Jun 2014	KPDNKK
6.	Program Cakna Pegurusan Rekod Sektor Awam Zon Tengah	11 November 2014	Arkib Negara Malaysia
7.	Lawatan ke Unit Registri dan Rekod MAMPU bagi persediaan Pelaksanaan Projek Digital Document Management System (DDMS)	22 Disember 2014	MAMPU, JPM

MS ISO 9001:2008

MPIC telah memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 23 Julai 2010. Pada tahun 2014, MPIC telah berjaya mendapat pensijilan semula MS ISO 9001:2008 bagi prosedur kerja seperti berikut:

- Pengurusan Penggubalan Dasar-dasar Komoditi;
- Pengurusan Penggalakan Pemasaran Antarabangsa;
- Pengurusan Pelesenan Biobahan Api; dan
- Pengurusan Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Untuk Agensi-agensi di Bawah Kementerian.

PERPUSTAKAAN

Perpustakaan MPIC merupakan pusat rujukan khusus bagi komoditi yang berfungsi sebagai pusat simpanan koleksi pelbagai sumber dan media utama subjek komoditi negara. Selain daripada itu, perpustakaan juga turut menyimpan dan menyediakan maklumat berkaitan perkara-perkara am, koleksi Malaysia dan beberapa subjek lain yang memberi ilmu pengetahuan kepada semua pengguna.





Koleksi Perpustakaan MPIC

JENIS KOLEKSI	STATUS SEMASA
Bahan Monograf (Buku)	Perolehan/hadiah (tempatan dan luar negara)
Terbitan Bersiri	Langganan/hadiah (tempatan dan luar negara)
Warta Kerajaan	Langganan (sejak tahun 1946 sehingga kini)
Pekeliling Kerajaan	Perkhidmatan dan Perbendaharaan tahun semasa
Perangkaan Komoditi	Berkaitan komoditi (sejak tahun 1980)
Statistik Terbitan Kerajaan	Hadiah dari pelbagai agensi kerajaan
Keratan Akhbar	Subjek berkaitan (simpanan fail dan teks penuh)
Laporan Tahunan	Hadiah dari pelbagai agensi kerajaan (3 tahun terkini)

PROJEK JALAN LADANG PEKEBUN KECIL (JLPK) PERSENDIRIAN

Pelaksanaan JLPK pada awalnya dikenali sebagai Jalan Ladang / Pertanian yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK) pada 16 November 2009 yang bersetuju agar kemudahan jalan bagi keperluan golongan pekebun kecil persendirian dan tidak terancang di sektor perladangan dan komoditi dipertingkatkan. Mulai tahun 2013, Jalan Ladang / Pertanian di bawah MPIC dilaksanakan sendiri oleh MPIC. Bersesuaian dengan itu, nama Projek Jalan Ladang / Pertanian yang dilaksanakan oleh KKLW sebelum ini ditukar kepada Projek JLPK bagi mengelakkan kekeliruan.


JLPK meliputi kerja-kerja naik taraf dan membina baru jalan ladang pekebun kecil persendirian bagi menghubungkan kampung-kampung berhampiran dengan kawasan kebun / ladang tidak terselia. Pembinaan JLPK bertujuan untuk memudahkan pekebun kecil persendirian mengangkut masuk input pertanian / membawa keluar hasil ladang. Dalam RMKe-10, skop pelaksanaan JLPK terbahagi kepada tiga (3) komponen iaitu Bina Baru, Naik Taraf dan Senggaraan.

Pada tahun 2014, MPIC telah diluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta di bawah butiran Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) Persendirian. Projek ini dilaksanakan di seluruh negara melibatkan pekebun-pekebun kecil komoditi di mana senarai jalan ladang yang dipersetujui adalah daripada permohonan pekebun-pekebun kecil melalui agensi-agensi di bawah MPIC. Dalam hal ini, MPIC telah melantik Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Negeri Selangor (ICU Selangor) sebagai Agensi Pelaksana kepada Projek Jalan Ladang bagi tahun 2014 di seluruh Negara seperti berikut:

Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil Tahun 2014

Bil	Negeri	2014		
		Peruntukan	Jumlah Projek	Jarak (KM)
1	Sarawak	22,222,063	25	117.75
2	Sabah	6,791,252	23	43.3
3	Semenanjung	10,986,685	39	94
Jumlah		40,000,000	87	255.05





PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGENALAN

Peningkatan profesionalisme secara berterusan di kalangan pegawai dan kakitangan awam adalah matlamat utama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) MPIC seiring dengan cabaran era globalisasi yang memerlukan kepantasan dalam penyampaian perkhidmatan. Dalam usaha mencapai organisasi berprestasi tinggi, Bahagian PSM melaksanakan teras-teras seperti berikut:

- Menetapkan hala tuju PSM secara strategik melalui Perancangan Sumber Manusia yang komprehensif dan dinamik;
- Memperkukuh kapasiti organisasi dengan memperkasakan program pembangunan sumber manusia, pembangunan kerjaya dan pembangunan kepimpinan;
- Mengurus pekerja yang berkualiti dengan menerapkan nilai-nilai murni dan meningkatkan integriti di kalangan pegawai dan anggota MPIC;
- Mengurus pembangunan kompetensi tenaga kerja melalui peningkatan pengetahuan dan kreativiti sumber manusia;
- Mengurus prestasi serta memberi pengiktirafan dan ganjaran melalui program pengiktirafan dan penghargaan, supaya semangat kerja berpasukan dapat ditingkatkan disamping mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif; dan
- Membentuk budaya kerja berpotensi tinggi dengan mewujudkan budaya organisasi yang cemerlang.

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Waran Perjawatan Bilangan E55 Tahun 2014 adalah seperti berikut:

Bilangan Perjawatan : 300

Pengisian Sehingga 31 Disember 2014 : 261

- Anggota Pentadbiran : 3 (1.15 %),
- Pengurusan Tertinggi : 6 (2.30 %)
- Pengurusan dan Profesional : 114 (43.46 %)
- Kumpulan Pelaksana: 138 (53.07 %)

Pengisian Perjawatan MPIC

Pengisian perjawatan sehingga 31 Disember 2014 di MPIC adalah seramai 261 orang.

Status Perjawatan dan Pengisian Jawatan MPIC Tahun 2014

Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Anggota Pentadbiran	4	3	1
Pengurusan Tertinggi	6	6	0
Pengurusan dan Profesional	139	114	25
Kumpulan Pelaksana	147	138	9
JUMLAH	296	261	35

TRADE- OFF

Kajian Perjawatan

Agensi di bawah Kementerian yang telah melaksanakan penstrukturan semula bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Lembaga Getah Malaysia (LGM);
- Lembaga Lada Malaysia (MPB); dan
- Lembaga Koko Malaysia (LKM).

Antara penstrukturan yang terlibat termasuklah pewujudan jawatan baru melalui *trade off*, naik taraf jawatan, pindah alih (*re-deployment*) jawatan, pewujudan skim dan gred fleksi serta tukar lantik skim perkhidmatan.

PEMBANGUNAN KERJAYA

Kenaikan Pangkat

Seramai 28 orang pegawai/kakitangan pelbagai gred di MPIC telah berjaya dinaikkan pangkat sepanjang 2014. Perincian mengikut gred jawatan pegawai adalah seperti berikut :

Pegawai Yang Mendapat Kenaikan Pangkat Tahun 2014

GRED JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
Gred 54 – Gred JUSA C	1
Gred 52 – Gred 54	3
Gred 48 – Gred 52	2
Gred 44 – Gred 48	8
Gred 41 – Gred 44	7
Gred 32 – Gred 38	1
Gred 29 – Gred 32	1
Gred 27 – Gred 32	3
Gred 17 – Gred 22	2
JUMLAH	28

Pertukaran Keluar dan Masuk Pegawai Tahun 2014

Gred Jawatan	Pertukaran	
	Keluar	Masuk
Jawatan Utama Sektor Awam	-	-
Pengurusan dan Profesional	31	48
Kumpulan Pelaksana	6	14
JUMLAH	37	62

Persaraan

Bagi tahun 2014, seramai 5 orang warga MPIC yang bersara wajib atau bersara pilihan.

Senarai Warga MPIC yang Bersara Tahun 2014

Nama	Jawatan Terakhir	Tarikh Bersara
YBhg. Datuk Seri Nurmala binti Abd. Rahim	Ketua Setiausaha	19 Ogos 2014
Y.Bhg. Dato' Kamaruzaman bin Husain	Setiausaha Bahagian	1 Mei 2014
Encik Mohd Salehim bin Hj. Ibrahim	Ketua Penolong Setiausaha Kanan	10 Mei 2014
Y.Bhg. Datin Zarinah binti Kurban Hussin	Ketua Penolong Setiausaha Kanan	17 Nov 2014
Puan Zaharah binti Mahat	Pembantu Tadbir	1 Ogos 2014

PENGIKTIRAFAN

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013

Penerimaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
Pengurusan dan Profesional	9
Kumpulan Pelaksana	10
JUMLAH	19



Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Tahun 2014

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Tahun 2014

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
Pengurusan dan Profesional	-
Kumpulan Pelaksana	1
JUMLAH	1

Penerima Anugerah Pekerja Terbaik (APT) Tahun 2014

Penerima Anugerah Pekerja Terbaik (APT) Tahun 2014

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
Pengurusan dan Profesional	1
Kumpulan Pelaksana	1
JUMLAH	2



Pengurniaan Darjah Kebesaran, Pingat dan Bintang Persekutuan dan Negeri

Seramai 14 orang pegawai dan kakitangan MPIC telah dianugerahkan darjah kebesaran dan pingat dari beberapa negeri dan Persekutuan bagi tahun 2014. Pencalonan pegawai dan kakitangan MPIC secara amnya dilaksanakan berdasarkan negeri kelahiran, tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam dan syarat-syarat pencalonan darjah atau pingat kebesaran sesebuah negeri/Persekutuan.



Senarai Pegawai Menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat pada tahun 2014

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Anugerah Tahun 2014
1.	YBhg. Datuk Himmat Singh A/L Ralla Singh	Ketua Setiausaha	Panglima Jasa Negara (P.J.N) Persekutuan
2.	YBhg. Datuk Seri Nurmala Abd. Rahim	Mantan Ketua Setiausaha	Seri Mahkota Wilayah (S.M.W), Wilayah Persekutuan
3.	YBhg. Datuk M. Nagarajan	TKSU (Perladangan Dan Komoditi)	Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W), Wilayah Persekutuan
4.	En. Mad Zaidi Mohd Karli @ Sukari	SUB (KTK)	Ahli Mangku Negara (A.M.N), Persekutuan
5.	Dr. Zakaria Abd Hadi	Mantan SUB (GET)	Darjah Seri Melaka (D.S.M), Negeri Melaka
6.	YBrs. Dr. Razali Abd. Malik	SUB (PIMI)	Kesatria Mangku Negara (K.M.N), Persekutuan
7.	En. Ravindar A/L Ayyavoo	Setiausaha Sulit Kanan YBM	Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W), Wilayah Persekutuan
8.	En. Abidin Supardi	Setiausaha Sulit (SUS) YBTM	Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W), Wilayah Persekutuan
9.	Pn. Nazuha Mohd Jai	Penolong Penasihat Undang-Undang	Ahli Setia Negeri Sembilan (A.N.S), Negeri Sembilan
10.	Pn. Zaiton Yusof	Penolong Pegawai Tadbir	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K), Pulau Pinang
11.	En. Zulkefli Abu Bakar	Pembantu Tadbir (P/O)	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N), Persekutuan
12.	Pn. Junaidah Shaari	Pembantu Perpustakaan	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N), Persekutuan
13.	Pn. Che Yah Hj. Abu Noor	Pembantu Tadbir (P/O)	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N), Persekutuan
14.	En. Mohd Sofi Ismail	Pemandu Kenderaan	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N), Persekutuan

MAJLIS BERSAMA JABATAN



Pada tahun 2014, sebanyak 4 mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MPIC telah diadakan selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992: Penyusunan Semula Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Dalam Sektor Awam. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha ini telah membincangkan 65 usul yang telah dikemukakan oleh pihak pekerja. Dari jumlah tersebut, 46 usul telah berjaya diselesaikan manakala 19 lagi masih dalam tindakan penyelesaian.

Usul/Isu yang dibincangkan di Mesyuarat MBJ MPIC 2014

Usul/isu	Status Penyelesaian	
	Selesai	Dalam Tindakan
Elaun dan Kemudahan	4	-
Kewangan	-	-
Perkhidmatan	2	4
Skim Perkhidmatan/Perjawatan	5	1
Kebajikan	3	2
Pentadbiran	3	-
Hal-hal Lain	29	12
JUMLAH	46	19

SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA

Pemantauan Pelaksanaan KPI Ketua Setiausaha

Bagi menyokong pelaksanaan HRMIS di Kementerian berjalan dengan lancar dan teratur, JPA telah menetapkan beberapa aktiviti/modul sebagai KPI Ketua Setiausaha. Pada tahun 2014, terdapat 5 aktiviti/modul HRMIS yang telah dijadikan KPI Ketua Setiausaha seperti berikut:

- Pemurnian data perjawatan, rekod peribadi dan profil perkhidmatan bagi memastikan kesemua elemen data yang ditetapkan adalah berintegriti;
- Pengemaskinian maklumat perjawatan dalam aplikasi HRMIS sama seperti maklumat MyPost (BPO, JPA);
- Penggunaan sub modul Pengisytiharan Harta;
- Penggunaan sub modul Sasaran Kerja Tahunan (SKT); dan
- Penggunaan sub modul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

Perincian pencapaian modul-modul yang terlibat dalam pelaksanaan KPI HRMIS Ketua Setiausaha Tahun 2014 adalah seperti berikut:

Modul KPI HRMIS	Bulan / Tahun 2014	Peratusan Pencapaian (%)
Rekod Peribadi	Jan - April	99.63
	Mei - Ogos	99.76
	Sept - Dis	99.76
Profil Perkhidmatan	Jan - April	99.76
	Mei - Ogos	99.68
	Sept - Dis	99.68
Data Perjawatan	Jan - April	99.68
	Mei - Ogos	100
	Sept - Dis	100
Harta	Jan - April	98.14
	Mei - Ogos	97.95
	Sept - Dis	97.55
SKT	Jan - April	2.4
	Mei - Ogos	76.6
	Sep - Dis	84.8
LNPT	Sept 2014 - 6 Feb 2015	93.3

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) juga telah mengiktiraf pencapaian pelaksanaan KPI HRMIS MPIC melalui penganugerahan sijil penghargaan kerana mencapai 95.6% tahap Sangat Melempi Sasaran (Significantly Exceed Target-ST).



DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA

Pelan Operasi Latihan (POL) yang menyeluruh dan strategik disediakan berdasarkan Dasar Latihan Sumber Manusia (DLSM) dengan pemuatan kepada arahan minimum tujuh (7) hari berkursus setahun kepada semua warga kerja MPIC. Secara keseluruhannya, 100% warga MPIC telah memenuhi syarat minimum tujuh (7) hari berkursus pada tahun 2014.

Pelaksanaan program-program tahun 2014 adalah seperti berikut:

Program Latihan MPIC Tahun 2014

KATEGORI	JUMLAH PROGRAM
Program Utama	9
Program Peningkatan Kemahiran	6
Kursus Umum	1
Program Familiarisasi	3
Program Ceramah	15
Program Kursus Agensi Kerajaan dan Swasta	38
JUMLAH	72

Sebanyak RM260,923 (99.97%) telah dibelanjakan bagi melaksanakan program latihan sepanjang tahun 2014 daripada peruntukan POL yang berjumlah RM261,000. Antara kursus yang telah dianjurkan oleh MPIC adalah seperti berikut:

- Kursus Pasca AKRAB : Bengkel ESI (*Emotional Spiritual Intelligence* (ESI))
- Program Kecemerlangan Kendiri: Pengurusan Emosi
- Kursus Pengurusan Kenderaan Jabatan
- Kursus *High Performance Presentation* - Prezi
- Kursus Amalan Hidup Sihat : Jom Sihat dan Fit (Program dilaksanakan secara berterusan dari 22 Ogos hingga 26 September secara bersiri)
- Program Familiarisasi Komoditi Kenaf, Kayu dan Lada
- Ceramah Eksekutif: *Competitiveness & Competency Analysis - Its Role To Malaysian Commodities*.
- Program Rapat Ilmu dan Sambutan Hari Lahir 2014

ANTARA PROGRAM YANG DILAKSANAKAN BERDASARKAN PELAN OPERASI LATIHAN



Program Familiarisasi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) pada 18 – 21 Mac 2014



Lawatan ke Pusat Penyelidikan Gaharu semasa Program Familiarisasi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pada 21 – 23 Mei 2014



Kursus Amalan Hidup Sihat : Jom Sihat dan Fit (Program dilaksanakan secara berterusan dari 22 Ogos hingga 26 September 2014 secara bersiri)



Kursus Pemanduan Berhemah Anjuran Bersama Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan (PPK) pada 15 – 17 Mei 2014 bertempat di Bayu Lagoon Park Resort, Melaka





Program Ceramah Eksekutif Siri 1 : *Competitiveness & Competency Analysis – Its Role To Malaysian Commodities* pada 6 Ogos 2014 bertempat di Dewan Keruing, MPIC.

PELAN TRANSFORMASI SEKTOR AWAM MPIC

Keperluan penyediaan Pelan Transformasi Kementerian adalah selaras dengan keputusan mesyuarat KSU – Ketua Perkhidmatan pada 14 Februari 2014. Susulan daripada itu, MPIC telah menyediakan draf Pelan Transformasi MPIC melalui beberapa sesi perbincangan dan bengkel seperti berikut:

Pelan Transformasi Sektor Awam MPIC

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	19 - 22 Mei 2014	Lab Transformasi Perkhidmatan Awam di INTAN
2.	12 -13 Jun 2014	Lab Transformasi Perkhidmatan Awam MPIC, Hotel Pullman, Putrajaya
3.	10 Oktober 2014	Bengkel Memperhalusi Pelan Transformasi MPIC, di Dewan Aras 2, MPIC

Bagi memperkukuhkan lagi draf Pelan Transformasi MPIC, Hari Terbuka Pelan Transformasi MPIC telah diadakan bersekalikan dengan Hari Inovasi MPIC pada 30 Oktober 2014 (Khamis).



BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Pengurusan Sumber Manusia Melalui Aplikasi Psikologi

Pelbagai aktiviti kaunseling telah dijalankan di MPIC selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005 mengenai Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan mengikut aplikasi-aplikasi dalam pekeliling tersebut adalah seperti berikut:

Aplikasi Psikologi dalam Intervensi

Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi melalui sesi kaunseling individu dan sesi kaunseling berkelompok kepada warga MPIC bagi tujuan perkembangan dan pertumbuhan, pencegahan dan intervensi.

Program Kendiri Unggul Tahun 2014

Bil.	Tajuk	Tarikh
1.	Program Kecemerlangan Kendiri Siri 1: Pengurusan Emosi	18 September 2014
2.	Program Kecemerlangan Kendiri Siri 2: Pengurusan Stres	19 November 2014

Program Sahsiah Unggul Tahun 2014

Bil.	Tajuk	Tarikh
1.	Program Sahsiah Unggul Siri 1 : ' <i>The Psychology of Computer Gaming</i> '	29 Mei 2014
2.	Program Sahsiah Unggul Siri 2 : 'Kesejahteraan Psikologi Manusia Masakini : Satu Transformasi Kendiri'	29 Oktober 2014



Aplikasi Psikologi dalam Penilaian Personel

Ujian psikometrik adalah bertujuan membantu pengurus sumber manusia memahami minat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian seseorang dengan menggunakan ujian psikologi. Aplikasi ini digunakan semasa urusan pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi, pembangunan kompetensi dan prapersaraan. Ia juga boleh digunakan dalam urusan temu duga berstruktur berasaskan ciri-ciri tingkah laku atau situasi. Antara alat ujian psikometrik yang dilaksanakan pada tahun ini adalah seperti berikut:

- i. DASS 21 (*Depression Anxiety Stress Scale*) – bertujuan untuk mengesan simptom-simptom depresi, kebimbangan dan stres di kalangan kakitangan; dan
- ii. Audit Stress – bagi mengesan tahap stres kakitangan

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Hasil gandingan mantap AKRAB Kementerian dan Agensi di bawah MPIC, dua (2) program utama telah dilaksanakan iaitu program *retreat* dan CSR AKRAB MPIC yang telah dijalankan di Cure & Care Rehabilitation Bachok (CCR), Kelantan. Program ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang ahli AKRAB MPIC dan agensi dengan pengisian program adalah berbentuk kaunseling kelompok, perkongsian ilmu dan lawatan.

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Bil.	Tajuk	Tarikh
1.	Program <i>Retreat</i> CSR AKRAB MPIC dan Agensi	18 - 21 Jun 2014
2.	Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik AKRAB 2015 - 2016	10 September 2014



Program *Retreat* CSR AKRAB MPIC dan Agensi di Kelantan



Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik AKRAB 2015-2016

PENGALAKAN INOVASI DAN MODAL INSAN INDUSTRI

PENGALAN

Berlandaskan hasrat untuk menjadikan sektor perladangan dan komoditi lebih kompetitif dan berdaya saing, Bahagian Penggalakan Inovasi dan Modal Insan Industri (PIMI) berfungsi menggubal dan melaksanakan dasar berkaitan:

- penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C) sektor perladangan dan komoditi;
- pembangunan modal insan sektor perladangan dan komoditi; dan
- guna tenaga sektor perladangan dan komoditi.

Selain itu, Bahagian PIMI juga bertanggungjawab melaksanakan program pendedahan tentang bantuan kepada pekebun kecil, teknologi terkini, latihan dan kerjaya dalam sektor perladangan dan komoditi iaitu Program Hello Komoditi.



Penyelidikan pembangunan dalam bidang koko

PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSIALAN (R,D&C)

Sebanyak 22 pengkomersialan hasil R&D Agensi di bawah MPIC telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Pengkomersialan hasil R&D tersebut melibatkan projek daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).



Lemak Pastro Berasaskan Sawit Tidak Terhidrogen.

Pengkomersialan Hasil R&D Agensi di bawah MPIC Tahun 2014

Bil.	Hasil Pengkomersialan
1.	Lelemak Pastro Berasaskan Sawit Tidak Terhidrogen
2.	Teknologi Integrasi Bagi Pengeluaran Minyak Premium Merah Sawit Berasaskan Serabut Mesokap dan Pengekstrakkan Karoten
3.	Gen Berkaitan Ciri Tempurung Sawit
4.	Penggunaan Ciri-Ciri Pereputan dan Formulasi BioC8
5.	Pembangunan Proses Penukaran Gliserol Asas Sawit kepada Akrilonitril
6.	Teknologi <i>Esterification</i> Biodiesel
7.	Pelanjutan Pelesenan Teknologi Biodiesel
8.	Teknologi <i>Esterification</i> dan Pelbagaian Bahan Mentah Bagi Penghasilan Biodiesel - Diubahsuai
9.	Mesin Pengupas Batang Sawit Boleh Dialih untuk Penghasilan Vanir
10.	Komposisi untuk Penyakit Ganoderma dalam Tanaman
11.	Formulasi Baja (F4)
12.	Formulasi Baja (F6)
13.	Ais Krim Berasaskan Minyak Sawit Merah
14.	Santan Berasaskan Sawit
15.	Gen Berkaitan Virescens (Warna Kulit Buah Sawit)
16.	Penanda Bio Untuk Kawalan Kualiti Klon
17.	Minyak Acuan Berasaskan Sawit
18.	Pembangunan Sistem Proses dan Teknologi Bagi Penghasilan Formulasi dan Pengeluaran Komersial Pelet Berasaskan Biojisim Sawit
19.	Kolaborasi Penyelidikan dan Pembangunan untuk Membangun, Memfabrikasi, Mengujipandu Mesin Memproses Fiber Biojisim
20.	Peningkatan Hasil Olein Menggunakan Proses Pemecahan MPOB Terubah
21.	Pemotong Sawit Bermotor (Cantas Evo)
22.	Pengeluaran Jentera Penuai

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian dan Agensi diadakan pada 10 dan 11 September 2014 di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Putrajaya. Sebanyak lima (5) kumpulan telah menyertai konvensyen kali ini dalam kategori pengurusan dan teknikal.

Kategori Pengurusan

AGENSI	NAMA KUMPULAN	TAJUK PROJEK
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	SITOGENLAB	Permintaan Perkhidmatan Pelanggan Tidak Dapat Dipenuhi Dalam Bidang Sitogenetik
Lembaga Lada Malaysia (MPB)	MPB CLICKS	MPB Recuite 2.0 - Proses Menyenarai Pendek Calon Temuduga Mengambil Masa Yang Lama
Lembaga Getah Malaysia (LGM)	SLATE	Penambahbaikan Terhadap Sistem Penyampaian Pensijilan Standard Malaysian Glove (SMG)

Kategori Teknikal

AGENSI	NAMA KUMPULAN	TAJUK PROJEK
Lembaga Lada Malaysia (MPB)	1PLANT	Biji lada masak gugur yang tinggi
Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	H - TECH	Kerosakan batang kenaf semasa penuaian



Konvensyen KIK MPIC 2014

Pemenang Konvensyen KIK peringkat Kementerian dan Agensi 2014 bagi Kategori Pengurusan adalah Kumpulan Sitogenlab daripada MPOB dengan projek bertajuk 'Permintaan Perkhidmatan Pelanggan Tidak Dapat Dipenuhi dalam Bidang Sitogenetik'. Kategori Teknikal dimenangi oleh Kumpulan 1Plant daripada MPB dengan projek bertajuk 'Biji Lada Masak Gugur yang Tinggi'.

Kedua-dua kumpulan ini telah dicalonkan untuk mewakili MPIC dalam Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan. Walau bagaimanapun, hanya Kumpulan Sitogenlab berjaya melepasi proses saringan yang telah diadakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan dipilih mewakili MPIC ke Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 1 hingga 4 Disember 2014 di Hotel Renaissance, Johor Bahru, Johor.

PENGANJURAN HARI INOVASI

Hari Inovasi MPIC telah dilaksanakan pada 30 Oktober 2014. Sempena Hari Inovasi MPIC, Program *Teh Tarik Talk* dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah diadakan. Pengisian program ini adalah seperti berikut:

- Seminar Pop Innovation yang disampaikan oleh Encik Muhammad Aziph Bin Dato' Mustapha, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YIM mengenai:
 - a. Dunia Inovasi di Malaysia
 - b. *Innovation Engine* dan kesannya dalam kehidupan seharian
 - c. Perkongsian idea inovatif
 - d. Transformasi dalam konteks Perkhidmatan Awam
- Aktiviti '1Pegawai 1Idea' iaitu para jemputan diberikan peluang untuk mencadangkan idea inovasi untuk penambahbaikan perkhidmatan, penyelesaian masalah atau pelaksanaan idea/inovasi baru di peringkat MPIC.



Hari Inovasi MPIC 2014



PEMBANGUNAN MODAL INSAN SEKTOR PERLADANGAN DAN KOMODITI

Dasar dan polisi berkaitan pembangunan modal insan sektor perladangan dan komoditi dilaksanakan melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC). Sepanjang tahun 2014, IMPAC telah mengadakan sebanyak 265 kursus melibatkan 12,062 peserta.

Bilangan Kursus dan Bilangan Peserta untuk Setiap Sektor

Bil.	Sektor	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta (Orang)
1	Sawit	51	3013
2	Getah	61	2488
3	Perkayuan	28	459
4	Koko	51	3025
5	Lada	53	1803
6	Kenaf & Tembakau	21	1274
JUMLAH		265	12,062



Kursus Operator
Mekanisasi Ladang
(KOML)

Kursus Penuaian Lateks



PENGURUSAN GUNA TENAGA ASING DI SEKTOR PERLADANGAN

MPIC merupakan Agensi Kawal Selia (AKS) bagi sektor perladangan dan berperanan memperakukan permohonan kelulusan pekerja asing bagi memastikan kelangsungan guna tenaga sektor perladangan. MPIC telah memberikan komitmen terhadap dua (2) program penggajian pekerja asing Kerajaan iaitu penggajian pekerja Bangladesh secara mekanisme Kerajaan kepada Kerajaan (G to G) dan penggajian pekerja asing negara sumber di *One Stop Centre* (OSC), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Urusan ketibaan pekerja asing
Bangladesh secara Kerajaan kepada
Kerajaan (G to G) di KLIA



Statistik Permohonan dan Kelulusan Penggajian Pekerja Asing Bangladesh
Tahun 2014

Bulan	Bil. Majikan	Bil. Pekerja dimohon (orang)	Bil. Pekerja diluluskan (orang)
Januari	5	429	372
Februari	4	314	155
Mac	3	360	360
April	3	460	307
Mei	8	1,218	1,099
Jun	1	200	200
Julai	5	1,340	1,160
Ogos	2	60	60
September	3	151	127
Oktober	5	415	415
November	3	260	260
Disember	0	0	0
JUMLAH	42	5,207	4,515

Statistik Permohonan dan Kelulusan Pekerja Asing Sektor Perladangan
Tahun 2014

Bulan	Bil. Permohonan	Bil. Pekerja Asing Dipohon (orang)	Bil. Pekerja Asing diluluskan (orang)
Januari	15	1,813	1,336
Februari	53	3,791	3,624
Mac	42	4,611	4,489
April	72	3,178	2,735
Mei	52	3,331	2,833
Jun	62	2,862	2,027
Julai	21	914	859
Ogos	61	7,460	6,877
September	40	3,898	2,884
Oktober	27	614	497
November	46	1,858	1,613
Disember	27	5,241	5,013
JUMLAH	518	39,571	34,787

PROGRAM *HELLO KOMODITI*

Hello Komoditi merupakan program turun padang MPIC yang bertujuan:

- meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terutamanya pekebun kecil dan usahawan mengenai tanaman komoditi;
- menarik minat masyarakat untuk menceburi bidang kerjaya dan keusahawanan berasaskan komoditi bagi meningkatkan taraf ekonomi; dan
- memberi pendedahan kepada golongan belia untuk mengikuti latihan dalam sektor perladangan dan komoditi.

Pengisian Program *Hello Komoditi* ialah seminar dan pameran mengenai tanaman dan keusahawanan komoditi serta Hari Bertemu Pelanggan MPIC dan agensi-agensi di bawah MPIC.



Hello Komoditi Balingian, Sarawak – 26 Mac 2014



Hello Komoditi Betong, Sarawak – 8 & 9 November 2014



Hello Komoditi Bukit Katil, Melaka – 19 April 2014



Pameran Sempena Pesta Benak, Sri Aman, Sarawak – 16 hingga 18 Mei 2014



Hello Komoditi Sungai Besar, Selangor – 31 Mei 2014



Pameran Sempena Festival Kanowit 2014, Kanowit, Sarawak – 26 hingga 28 September 2014



PENGURUSAN MAKLUMAT

Pengenalan

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menyediakan sistem maklumat dan infrastruktur ICT yang selamat dan berkesan untuk MPIC.

BPM terdiri dari 3 unit utama seperti berikut:

i. Unit Perancangan Strategi dan Pentadbiran

Bertanggungjawab dalam dasar dan polisi bagi ICT, keselamatan ICT dan pentadbiran Bahagian.

ii. Unit Aplikasi

Unit ini bertanggungjawab dalam merancang, membangun, melaksana dan menguruskan sistem-sistem aplikasi, latihan ICT dan juga laman web MPIC.

iii. Unit Infrastruktur

Merancang, membangun, melaksana dan menguruskan infrastruktur ICT yang terdiri dari perkakasan dan perisian ICT, rangkaian serta keselamatan ICT.

PENCAPAIAN TAHUN 2014

Pensijilan ISO / IEC 27001:2007 Information Security Management System (ISMS)

Pada bulan September 2014, MPIC telah dianugerahkan Sijil ISO / IEC 27001:2007 Information Security Management System (ISMS) daripada Cyber Security Malaysia dengan skop "melaksanakan pengurusan Laman Web dan Aplikasi K-Commodities MPIC secara cekap dan terkawal bagi menjamin keselamatan maklumat dan ketersediaan perkhidmatan". Pensijilan ini adalah bagi tempoh 3 tahun bermula dari tahun 2014 hingga 2016.

Penganugerahan Lima Bintang ke atas Laman Web MPIC

Laman web MPIC yang telah dibangunkan secara dalaman telah mengekalkan penarafan lima bintang dalam Malaysia Government Portal / Website Assessment (MGPWA) bagi tahun 2013. Pencapaian cemerlang ini telah dicapai secara konsisten sejak dari tahun 2011.

Peningkatan Infrastruktur ICT

a) Sewaan Peralatan ICT

BPM telah menaiktaraf prasarana ICT di MPIC dengan membuat sewaan perkakasan ICT yang baru bagi menggantikan peralatan ICT yang berusia lebih daripada lima tahun. Maklumat sewaan adalah seperti berikut:

Sewaan peralatan ICT

Peralatan	Kuantiti Sewaan
Komputer	186 unit
Komputer riba	10 unit
Pencetak Warna	7 unit
Pencetak Mono	10 unit
LCD	3 unit

Sewaan yang dibuat adalah untuk selama 3 tahun dengan kos sebanyak RM1.5 juta.

b) Penstrukturan semula rangkaian

Dalam usaha menaiktaraf perkhidmatan rangkaian di MPIC, BPM dengan kerjasama daripada MAMPU dan pembekal rangkaian, GITN Sdn Bhd telah membuat penstrukturan semula alamat IP peralatan ICT seperti komputer, server dan pencetak di MPIC.

Dengan penstrukturan semula IP ini, pengurusan rangkaian menjadi lebih tersusun dan kemas serta menambahbaik tahap keselamatan ICT di pejabat MPIC. Aktiviti ini telah dilaksanakan selama 3 hari bermula 17 Oktober 2014 hingga 19 Oktober 2014.

c) Perkhidmatan PutraWifi

Bagi menyediakan kemudahan wifi yang terbaik kepada kakitangan dan pelawat MPIC, perkhidmatan PutraWifi telah dipasang di pejabat MPIC dengan kerjasama MAMPU. Perkhidmatan ini telah boleh digunakan bermula dari bulan September 2014.

Kemudahan ini disediakan di lokasi-lokasi strategik dalam MPIC seperti ruang pejabat, bilik-bilik mesyuarat, lobi dan ruang tamu pejabat Bahagian di MPIC. Kemudahan wifi ini boleh digunakan secara percuma dan beroperasi 24 jam.

Pembangunan Aplikasi / Sistem Baru

Selaras dengan ICT sebagai pemudahcara dalam melaksanakan tugas dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. BPM telah membangunkan sistem/aplikasi baru dalam tahun 2014 seperti di bawah:

Pembangunan Sistem / Aplikasi Baru dalam Tahun 2014

Bil.	Nama Sistem/Aplikasi	Penerangan
1.	e-Aduan	Aplikasi dalam untuk kegunaan kakitangan MPIC menyalurkan aduan kepada bahagian yang bertanggungjawab
2.	e-Aduan Integriti	Aplikasi aduan mengenai integriti kakitangan MPIC. Boleh digunakan orang awam
3.	Kajian Pelanggan	Kajiselidik secara atas talian untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan yang disediakan MPIC

Perkhidmatan Utama yang Dilaksanakan dalam Tahun 2014

a) Pengujian Pelan Pemulihan Bencana

Pada 31 Oktober 2014, BPM dengan kerjasama MAMPU dan penyelia *Government Data Center 2 (GDC2)* telah melaksanakan pengujian *Live Disaster Recovery (DR) Test* ke atas server laman web rasmi MPIC. Ujian ini dijalankan di pejabat MPIC, Putrajaya dan GDC2 di Petaling Jaya, Selangor.

Hasil pengujian berjaya memenuhi keperluan *RTO (Return to Operation)* yang ditetapkan dalam Pelan Kesenambungan Perkhidmatan Kementerian. Kejayaan ini juga menjadikan MPIC sebagai agensi Kerajaan yang pertama berjaya melaksanakan *Live Test* untuk *Disaster Recovery (DR)* di GDC2.

b) Khidmat Bantuan dan Multimedia

Sepanjang tahun 2014, kesemua aduan kerosakan ICT yang dilaporkan telah berjaya diselesaikan sama ada menggunakan kepakaran dalaman atau menggunakan pembekal luar. BPM juga terlibat dalam menyediakan khidmat bantuan teknikal dan telah menjayakan aktiviti-aktiviti anjuran Kementerian melalui khidmat bantuan teknikal dan multimedia.

PENUTUP

Pada tahun-tahun akan datang, BPM akan berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MPIC kepada *stakeholder* dan juga pelanggan yang berurusan dengan Kementerian.

PENASIHAT UNDANG-UNDANG

PENGENALAN

Selaras dengan perkembangan industri komoditi semasa serta dasar-dasar kerajaan yang memerlukan sistem perundangan yang senantiasa dikemaskini dan sistematik, MPIC sentiasa memastikan kepentingan kerajaan terpelihara sebaik mungkin melalui perundangan yang berkaitan.

PERJANJIAN

Sepanjang tahun 2014, sebanyak sebelas perjanjian telah dimuktamadkan iaitu:

1. *Proposed Amendments to the Agreement Establishing the Common Fund for Commodities*
2. Perjanjian Perkhidmatan Pembersihan Pejabat MPIC Aras 2-5 di Bangunan Menara Tulus, Boulevard Square, Putrajaya
3. *Germplasm Maintenance and Exploitation Agreement* di antara Lembaga Lada Malaysia dan Kerajaan Negeri Sarawak
4. Perjanjian Penyewaan Ruang Pejabat bagi Sekretariat *Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)*
5. Perjanjian Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji dan Menyelenggara Perkakasan / Peralatan ICT tahun 2014 secara sewaan selama tiga tahun di MPIC
6. Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata selama dua tahun di MPIC
7. Perjanjian Perkhidmatan Penyewaan *Water Purifier System* bagi tempoh dua tahun di antara MPIC dan Coway (M) Sdn. Bhd.
8. Perjanjian Pembekalan dan Penghantaran Toner / Kartrij di antara MPIC dan Sundata Sdn. Bhd.
9. *Supplementary Agreement Preliminary Survey on Labour Situation in Malaysian Oil Palm Plantations*
10. Perjanjian Perkhidmatan Membekal dan Menyelenggara Pokok Hiasan Hidup Berpasu untuk Kegunaan Pejabat serta Penyelenggaraan Taman Mini Pejabat Menteri di MPIC
11. Perjanjian Perkhidmatan Pengiklanan Berita Komoditi di Surat khabar

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

- Memorandum Persefahaman antara Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi (MPIC) dengan *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ)* bagi *Quality and Safety of Malaysian Palm Oil Exports to the People's Republic of China*.
- Memorandum Persefahaman antara Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Syarikat Paramount Corporation Berhad (8578-A) bagi peningkatan penggunaan kayu di pasaran tempatan khususnya dalam penggunaan *Chengal Wood*.
- Memorandum Persefahaman antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia dengan *Asean-China Economy Trade Development and Promotion Association Malaysia (ACEPT)* bagi menjalankan kerjasama dalam usaha mempromosikan pengkomersialan produk makanan dan bukan makanan yang berasaskan sawit yang dibangunkan oleh MPOB di China atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama.

PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG

Terdapat dua undang-undang telah dicadangkan untuk pindaan bagi meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dua komoditi utama negara iaitu:

1. Rang Undang-Undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan)
2. Rang Undang-Undang Penstabilan Harga Getah (Pindaan)

Perundangan Subsidiari

Sebanyak sebelas Perundangan Subsidiari telah digubal pada tahun 2014 yang melibatkan Lembaga Lada Malaysia (MPB), Bahagian Biobahan Api (BBA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) iaitu:

Perundangan Subsidiari yang telah diwartakan:

1. Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Peraturan Adunan dan Penggunaan Mandatori) (Pindaan) 2014
2. Pelantikan Anggota dan Anggota Silih Ganti Lembaga Lada Malaysia 2014
3. Pelantikan Anggota dan Anggota Silih Ganti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia 2015
4. Pelantikan Pemeriksa Kawalan Kualiti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia 2015





Perundangan Subsidiari yang masih dalam tindakan dan belum diwartakan:

1. Draf Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Pelesenan) (Pindaan)
2. Draf Peraturan-Peraturan Lembaga Lada Malaysia (Pelesenan)
3. Draf Peraturan-Peraturan Lembaga Lada Malaysia (Penggredan)
4. Draf Kaedah-Kaedah Lembaga Perindustrian Kayu (Pendaftaran)
5. Draf Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan)
6. Draf Kaedah-Kaedah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pendaftaran) (Rayuan)
7. Draf Kaedah-Kaedah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Prosedur bagi Menggantung, Membatal dan Keengganan untuk Memperbaharui Pendaftaran)

KOMUNIKASI KORPORAT

PENGENALAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan sebagai:

- Penyebar maklumat mengenai program/aktiviti serta inisiatif Kementerian kepada masyarakat.
- Menguruskan khidmat perhubungan awam, promosi dan publisiti Kementerian.

FUNGSI

- Sebagai *focal point* dalam menyampaikan dan menyalurkan maklumat kepada orang ramai dan media mengenai Kementerian.
- Merancang dan melaksanakan aktiviti peningkatan dan pemantapan imej korporat Kementerian.
- Merancang, melaksana dan menilai pelan komunikasi strategik Kementerian.
- Menjalankan kajian impak ke atas keberkesanan sistem penyampaian Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.
- Mengurus dan menyelaras komunikasi Kementerian dengan pihak media.
- Menyelaraskan program-program rasmi Kementerian dan agensi-agensi serta kunjungan rasmi pelawat asing.
- Menguruskan aduan serta urusan berkaitan khidmat pelanggan Kementerian.

SEKSYEN HAL EHWAL KORPORAT

Penerbitan dan Dokumentasi

BIL.	TAJUK BERITA	TARIKH PENERBITAN
1.	Industri kayu pacu transformasi, pelihara alam sekitar	20 April 2014
2.	Pengukuhan harga getah	15 Jun 2014
3.	Peranan IMPAC dalam melahirkan pekerja mahir sektor perladangan dan komoditi serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing	20 Julai 2014
4.	Kemajuan dan sumbangan industri koko dan lada yang digariskan di bawah Dasar Komoditi Negara	21 September 2014
5.	Sektor sawit dan kejayaannya	16 November 2014
6.	Sektor kenaf dan kejayaannya	28 Disember 2014

Penerbitan Laporan Tahunan MPIC 2013



Buku Kisah Kejayaan Pekebun Kecil Sektor Komoditi 2014



PENGURUSAN KHIDMAT PELANGGAN

- Tujuan membolehkan pelanggan MPIC daripada pelbagai peringkat untuk mendapatkan maklumat berkaitan kementerian secara terbuka.

Senarai Program Hari Bertemu Pelanggan MPIC 2014

Bil.	Tempat	Tarikh
1.	RH Langgi, Setuan, Balingian, Sarawak	26 Mac 2014
2.	Dewan Tun Ali, Bukit Katil, Melaka	19 April 2014
3.	Tebingan Sungai Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak	16 – 18 Mei 2014
4.	Dewan Simpang Lima, Sungai Besar, Selangor	31 Mei 2014
5.	Tebingan Sungai Kanowit, Sibu, Sarawak	26 -28 September 2014

Pengurusan Aduan

MPIC dianugerahkan sijil penghargaan Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2013 semasa Seminar Pengurusan Aduan 2014 anjuran Biro Pengaduan Awam pada 9 Oktober 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2013




Sepanjang tahun 2014, semua aduan yang diterima oleh MPIC dan Agensi telah diselesaikan.
Bilangan aduan adalah seperti berikut:

**Jumlah Aduan yang diterima oleh MPIC dan
Agensi Januari – Disember 2014**

BIL	AGENSI	JUMLAH ADUAN
1.	MPIC	8
2.	MPOB	5
3.	LGM	141
4.	MTIB	2
5.	LKTN	4
6.	LKM	3
7.	MPB	7
JUMLAH		170

Klasifikasi Aduan mengikut kategori



Aktiviti Utama Kementerian

- Perhimpunan Bulanan MPIC;
- Jamuan Raya MPIC;
- Program Sambutan Bulan Kemerdekaan;
- Program Ramah Mesra MPIC Bersama Warga Komoditi
- Program dan Lawatan Tapak yang Melibatkan Pengurusan Tertinggi MPIC



Bulan	Program	Lawatan Tapak
Februari	5	2
April	7	3
Jun	10	1
Ogos	12	5
Oktober	11	1
Disember	13	4

Mengemaskini Kalendar Aktiviti dan Program MPIC dan Penyelarasan Foto-Foto Rasmi MPIC

Pengurusan Talian Am 1Malaysia One Call Centre (1MOCC)

Penyelarasan Pelaksanaan Pelan Komunikasi GST Sektor Perladangan dan Komoditi. Aktiviti yang dijalankan seperti berikut:-

- Menghadiri kursus berkaitan GST
- Penyediaan Dokumen GST khusus untuk sektor perladangan dan komoditi bersama MoF dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- Mengadakan Bengkel Latihan GST
- Menganjurkan Ceramah Eksekutif
- Mempromosi GST melalui laman web dan media sosial
- Mengedarkan risalah berkaitan GST

SEKSYEN PERHUBUNGAN AWAM DAN MEDIA

- Mengeluarkan 30 jemputan media kepada Ketua Pengarang Media (*Note to Editors*) untuk liputan media pada majlis / program anjuran MPIC dan Agensi yang melibatkan pengurusan tertinggi MPIC.
- Mengeluarkan 13 Kenyataan Media berkaitan kementerian dan agensi.
- Menyelarar Sidang Media yang melibatkan pengurusan tertinggi MPIC.
- Menyelarar promosi dan publisiti industri komoditi di media cetak dan elektronik.

Pemantauan Laman Web / Media Sosial

- Memantau dan mengemaskini laman web MPIC, www.mpic.gov.my
- Memantau dan mengemaskini Facebook page Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi MPIC. Status "Like" adalah sebanyak 6,603.

Pemantauan Media

- UKK memantau penyiaran berita, artikel, surat kepada pengarang, pendapat daripada pembaca atau sebarang bentuk laporan yang berkaitan sektor komoditi negara dan juga MPIC.
- Pemantauan Akhbar yang berhubung kait dengan MPIC dan isu komoditi dan dimaklumkan kepada Pengurusan Tertinggi MPIC melalui email setiap hari waktu bekerja pada atau sebelum pukul 10 pagi.
- Menyelarar jawapan bagi kenyataan media yang dikeluarkan oleh MPIC.

Peranan Unit Komunikasi Korporat menyelaras sidang media bagi program utama MPIC.





Program sambutan bulan kemerdekaan MPIC.





UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam bertanggungjawab menjalankan pengauditan berikut:

- Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.
- Pengauditan Prestasi pula merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Pengauditan Mengikut Rancangan Audit Tahun 2014

Bil.	Jenis Pengauditan	Nama Agensi	Tajuk Pengauditan
1.	Pengurus Kewangan	MPIC	Pengauditan Pengurusan Kewangan
		Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara	Pengauditan Pengurusan Kewangan
2.	Pengauditan Mengejut	MPIC	Pengauditan Mengejut
		Pejabat Cawangan Negeri Perak, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	Pengauditan Mengejut
		Pejabat Wilayah Timur Negeri Sembilan, Lembaga Getah Malaysia	Pengauditan Mengejut

Bil.	Jenis Pengauditan	Nama Agensi	Tajuk Pengauditan
3.	Pengauditan Prestasi	FELCRA Bhd.	Pengurusan Skim Tanam Baru dan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil
		MTIB	Pengurusan Perolehan Kemudahan Latihan dan Naik Taraf Bangunan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu
		LGM	Pengurusan Kerja Melalui Sebut Harga, Aset dan Stor di Stesen Penyelidikan Mini Lembaga Getah Malaysia
		CRAUN Research Sdn Bhd	Pembinaan Pusat Pengeluaran Bahan Tanaman Klon Sagu
4.	Pengauditan Khas	MPOB	Analisis Data Skim Tanam Baru dan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil
		LKM Machang	Pengauditan Pelaksanaan Projek Jalan Ladang
		LKM Machang	Penampilan Audit
		Institut Latihan, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, Kelantan	Penampilan Audit

AKTIVITI BERGAMBAR SEPANJANG TAHUN 2014



Kursus Pengauditan Pengurusan Kewangan



Taklimat berkaitan Dashboard
Laporan Ketua Audit Negara



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat MPIC




BAHAGIAN AKAUN

FUNGSI

Bahagian Akaun MPIC ditubuhkan pada 1 Oktober 2013 adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2013 Perlaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan berikutan dengan pelaksanaan transformasi Perakaunan Tunai Ubah Suai kepada Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan.



Penubuhan Bahagian Akaun (BA) di 15 Kementerian JTMS telah diluluskan oleh JPA pada bulan September 2013. Fungsi Bahagian Akaun adalah seperti berikut:



FUNGSI BAHAGIAN AKAUN

AKTIVITI TAHUN 2014

Kursus Polisi Perakaunan Akruan




Kursus MPSAS di Hotel Marvelux, Melaka

Kursus *Training the Trainers* (TTT)




Pengumpulan Data Baki Awal Aset

Kategori Pengumpulan Data Baki Awal



Baki Awal Aset Alih 2014





PERBEZAAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
TUNAI UBAHSUAI	PERAKAUNAN AKRUAN
Penyata Kedudukan Kewangan	Penyata Kedudukan Kewangan
Penyata Penerimaan & Tunai Pembayaran Wang Tunai	Penyata Prestasi Kewangan
Penyata Prestasi Kewangan	Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti
Penyata Akaun Memorandum	Penyata Aliran Tunai
Nota kepada Penyata Akaun	Penyata Prestasi Bajet
	Nota kepada Akaun

VS

UNIT INTEGRITI

PENGENALAN

Unit Integriti (UI) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) ditubuhkan pada 1 Ogos 2013 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013:Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam. MPIC dikategorikan di bawah agensi berisiko sederhana oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sebagai *focal point*, UI menguruskan isu-isu berkaitan integriti di Kementerian bagi memastikan penginstitution sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti dapat direalisasikan.



FUNGSI

Unit ini bertanggungjawab melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:-

- a) **Tadbir Urus**
Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan.
- b) **Pengukuhan Integriti**
Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
- c) **Pengesanan dan Pengesahan**
 - i) Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
 - ii) Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
- d) **Pengurusan Aduan**
Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- e) **Pematuhan**
Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa serta mencadangkan penambahbaikan.
- f) **Tatatertib**
Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib MPIC.

Seksyen Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Aduan

PENGUKUHAN TADBIR URUS	
Nama Kursus	Tarikh / Tempat
Taklimat JK JITU kepada MPIC dan Agensi	05.09.2014 / Dewan Keruing, Aras 9
Majlis Menandatangani ikrar integriti Korporat (CIP)	30.09.2014 / Dewan Serbaguna
Program Ceramah Sempena Bulan Integriti	20.11.2014 / Dewan Makan Aras 2
Bengkel Penerapan Nilai Murni dan Integriti Pengawal MPIC	11-13.12.2014 / A'Famosa Resort Melaka


Program Unit Integriti Tahun 2014 (Seksyen Pengukuhan Tadbir Urus)

Menandatangani Ikrar Integriti Korporat [Corporate Integrity Pledge (CIP)] oleh MPIC Berserta Agensi dan Majlis di Bawah MPIC pada 30.9.2014 di MPIC

Ikrar Integriti Korporat (CIP) merupakan suatu komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah oleh agensi di Malaysia.

CIP telah menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai agensi bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perkhidmatan atau perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada unsur-unsur rasuah.

Lima (5) Prinsip Ikrar CIP:



Setiap agensi perlu memberi maklum balas mengenai tindakan yang telah diambil setelah 2 hingga 6 bulan selepas menandatangani CIP. Tujuan maklum balas ini adalah untuk mengetahui aktiviti yang telah dilaksanakan berdasarkan 10 inisiatif untuk dikongsi sebagai *best practices* penambahbaikan tadbir urus di agensi. Jika agensi telah melaksanakan atau mengemaskinikan sekurang-kurangnya dua (2) tindakan daripada 10 inisiatif maka ia telah dikira sebagai mencapai KPI.

- i) Kod etika;
- ii) Polisi pemberi maklumat (*whistle blowing policy*);
- iii) Percanggahan kepentingan (*conflict of interest*);
- iv) Polisi pemberian (*gift policy*);
- v) Polisi rujukan (*policy of referral*);
- vi) Latihan, pendidikan dan komunikasi etika;
- vii) Pelaporan anti rasuah;
- viii) Etika pematuhan;
- ix) Kepimpinan (*leadership*); dan
- x) Tanggungjawab sosial korporat (CSR).

10 Inisiatif CIP





Upacara menandatangani CIP antara MPIC dengan Agensi dan Majlis di bawah MPIC disaksikan oleh SPRM



Seksyen Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Aduan

Program Unit Integriti Tahun 2014 (Seksyen Pengukuhan Nilai Murni / Keagamaan)

PENGKAJIAN AGAMA	
Nama Kursus	Tarikh / Tempat
Sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1435H	14.01.2014 / Masjid Putra, Putrajaya
Kelas Pengajian Islam	Setiap Khamis mulai Februari - November 2014 / Surau Al-Muttaqin Aras 2, MPIC (kerjasama Jabatan Audit Negara)
Lawatan ke Penjara Wanita Kajang	05.03.2014 / Penjara Wanita Kajang
Program Rumah Allah S.W.T dihatiku	22 - 23.05.2014 / Masjid Al-Ghufran, KL
Ceramah Penerapan Nilai Murni Islam Sempena Program Ihya' Ramadhan	Sepanjang Julai 2014 / Dewan Keruing, Aras 9
- Rumah Kami di Bulan Ramadhan - Program Solat Tasbih, Yassin dan Tahlil - Ramadhan di dalam Al-Quran - Program I'tikaf Warga MPIC dan Agensi di bawah MPIC - Majlis Khatam Al-Quran	03.07.2014 / Dewan Keruing Aras 9 04.07.2014 / Surau Al-Muttaqin Aras 2 10.07.2014 / Dewan Keruing Aras 9 11-12.07.2014 / Masjid Al-Ghufran, KL 22.07.2014 / Dewan Keruing Aras 9
Kursus Muslim Pro	11-13.09.2014 / Ancasa Residences Port Dickson
Ceramah Sempena Maal Hijrah dan bacaan Yasin serta tahlil	24.10.2014 / Dewan Makan Aras 2
Majlis Perhimpunan Maal Hijrah 1436H	25.10.2014 / PICC Putrajaya

Bil Aduan Integriti

Bil Aduan : 19

Daripada Agensi : 15

Semua aduan telah diambil tindakan pengesanan dan pengesahan. Hasil tindakan mendapati tiada aduan tersebut berunsur jenayah. Dua aduan pula telah diambil tindakan tatatertib dan telah diselesaikan dalam tahun yang sama.

DIREKTORI AGENSI & MAJLIS



MPOB

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Selangor, Peti Surat 10620,
50720 Kuala Lumpur.
T : 03 - 8769 4400
F : 03 - 8925 9446
W : www.mpob.gov.my



Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Tingkat 18, Bangunan Getah Asli (Menara)
148, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.
T : 03 - 9206 2000
F : 03 - 2161 3139
W : www.lgm.gov.my



MTIB


Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Lot 14.01, Tingkat 13 - 17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu
Peti Surat 10887
50728 Kuala Lumpur.
T : 03 - 9282 2235
F : 03 - 9200 3769
W : www.mtib.gov.my



Lembaga Koko Malaysia (LKM)
Tingkat 5, 6 & 7, Wisma SEDCO Lorong
Plaza Wawasan, Off Coastal Highway
Beg Berkunci 211
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
T : 088 - 234477
F : 088 - 259403, 088 - 253037, 088 - 239575
W : www.koko.gov.my



Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
(LKTN) Kubang Kerian
Peti Surat 198,
15720 Kota Bharu, Kelantan.
T : 09 - 766 8000 / 766 8008
F : 09 - 766 8071
W : www.lktn.gov.my



Lembaga Lada Malaysia (MPB)
Lot 1115, Jalan Utama, Tanah Putih 93450
Kuching, Sarawak.
T : 082 - 331811
F : 082 - 336877
W : www.mpb.gov.my



Malaysia Palm Oil Council (MPOC)
Tingkat 2, Wisma Sawit
Lot 6 SS6, Jalan Perbandaran
47301 Kelana Jaya
Petaling Jaya, Selangor D.E.
T : 03 - 7806 4097
F : 03 - 7806 2272
W : www.mpoc.org.my



Malaysian Rubber Export Promotion Council
(MREPC)
Blok 2A, Aras 13A-1
Plaza Sentral Jalan Stesen Sentral 5
50470 Kuala Lumpur.
T : 03 - 2780 5888
F : 03 - 2780 5088
W : www.mrepc.com



Malaysian Timber Council (MTC)
18th Floor, Menara PGRM
No. 8 Jalan Pudu Ulu,
Cheras 56100 Kuala Lumpur.
T : 03 - 9281 1999
F : 03 - 9282 8999
W : www.mtc.com.my



Malaysian Timber Certification Council (MTCC)
C-08-05, Blok C, Megan Avenue II No. 12, Jalan
Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
T : 03 - 2161 2298
F : 03 - 2161 2293
W : www.mtcc.com.my




Malaysian Furniture Promotion Council
(MFPC)
5th Floor, Bangunan Getah Asli (Menara) 148
Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.
T : 03 - 2171 1133
F : 03 - 2171 1166
W : www.mfpc.com.my

SIDANG EDITORIAL

Dr. Aminuddin Hassim
Dr. Razali Ab. Malik
Puan Suhaila Ibrahim
YM Raja Suriati Raja Sulaiman
Puan Hazlinda Balkesh Anwar
Encik Awang Nasrun Awang Ali
Encik Juwinikh Jupain
Encik Mohamad Rahimi Arafpin
Encik Nassar Nordin
Cik Nazuha Mohd Jai
Encik Hamdan Said
Encik Mohamad Adli Nor Mohamad
Encik Muhammad Khairul Rijal Muhammad
Encik Mohd Shahreen Jamaludin
Encik Mohamad Hanaffi Abdullah
Puan Mardiana Mohd Zaini
Cik Anns Tor Lay Yee
Encik Rohiman Rahia
Puan Nur Athirah Mohd Fuzi
Psk. Tn. Hj. Mohd Sa'ad Bin Shukor
Encik Amisam Ismail
Puan Salmah Ramli
Cik Hafizan Hamzah
Puan Nurazlina Abdul Muthalib





Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

No. 15, Aras 6-13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya, MALAYSIA
Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8880 3441

www.mpic.gov.my